

"MEMPERTINGKATKAN keupayaan bangsa atau negara itu adalah mustahak pada menentukan kemajuan, kejayaan dan kecermerlangan sesebuah negara, lebih-lebih lagi dalam konteks perkembangan global yang kompetitif serta tidak bersempadan." - Titah sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18 pada 23 Februari 2002.

"JANGANLAH kamu menuntut ilmu untuk membanggakannya terhadap para ulama dan untuk dipersebutkan di kalangan orang-orang bodoh dan buruk perangai. Jangan pula menuntut ilmu untuk menampilkan dalam majlis dan untuk menarik perhatian orang-orang kepadamu. Barangsiapa seperti ini maka baginya Neraka." - Hadis riwayat Ibnu Majjah dan At-Termizi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah di Majlis Santap Negara yang disembahkan oleh Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo sempena lawatan negara ke Republik Filipina baginda. - Gambar oleh Halim HS.

ASEAN perlu sefahaman

MANILA, 27 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyentuh mengenai ASEAN di mana baginda percaya bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Fili-

pina mempunyai pandangan serupa mengenai kepentingan ASEAN di mana ASEAN dapat diterima hari ini dengan perubahan hal-ehwal antarabangsa.

"Kita beruntung menja- di negara anggota ASEAN. Lebih 30 tahun penubuhannya telah banyak mem- bawa peningkatan di mana ekonomi kita telah me-

Oleh Dayangku
Hajah Saidah PHOA
dan Haji Ahmad HS
dari Filipina

ningkat," titah baginda.

Menyentuh mengenai keselamatan, baginda me- negaskan bahawa ASEAN memerlukan lebih sensitivi- ti dan rundingan. Jenayah Merentas Kebangsaan dan keganasan telah menjadi lebih global.

Dari itu, baginda ber- pendapat bahawa ASEAN memerlukan persefahaman antara satu sama lain, da- lam erti kata yang lain ASEAN memerlukan tena- ga untuk bekerjasama seba- gai jiran dan rakan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menggariskan mengenai hubungan yang sangat baik di antara kedua buah kera- jaan dalam pelbagai bidang kerjasama.

Baginda menyatakan bahawa hubungan yang erat itu sangat ketara dan me- liputi antara lain bidang- bidang seperti perdagangan, industri, kemahiran dan domestik. Baginda bertitah demikian di Majlis Santap Negara yang disembahkan oleh Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo dan suami, Attorney Jose Miguel sempena lawatan negara baginda ke sini.

Baginda juga mengula- ngi titah baginda yang me- lahirkan penghargaan atas sumbangan warga Republik Filipina yang berada dan bekerja di Negara Brunei Darussalam di mana Negara Brunei Darussalam memperoleh banyak man- faat.

Baginda seterusnya me- nyatakan bahawa keadaan ekonomi serantau masih mengalami kerumitan untuk pulih semula dalam masa lima tahun kebelaka- ngan ini.

"Perkara yang rumit ini akan melibatkan kesela- matan serantau dan boleh mengancam masa hadapan seluruh keluarga dan ma- syarakat kedua-dua buah negara," titah baginda.



PERJUMPAAN EMPAT MATA ... KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan perjumpaan bersama Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo, Presiden Republik Filipina. - Gambar oleh Masri Osman.

menambah stok peruma- han yang ada. Dari perun- tukan tersebut, sejumlah \$147 juta adalah untuk projek-projek baru untuk dilaksanakan tahun ini.

Peruntukan sejumlah \$178.5 juta (18 peratus) disalurkan kepada Sektor Penggunaan Awam. Utiliti seperti elektrik dan air yang termasuk pengaliran air dan kebersihan meru- pakan komponen di bawah sektor tersebut, manakala sejumlah \$72.6 juta dipe- runtukkan bagi melak- sanakan projek baru.

Lihat muka 16

Perjumpaan empat mata

MANILA, 27 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Su- tan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memulakan atur cara lawatan negara pagi ini dengan meng- adakan perjumpaan empat mata bersama Puan Yang Ter- utama Gloria Macapagal- Arroyo, Presiden Republik Filipina yang berlangsung di Istana Malacanang di sini.

Lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Re-

publik Filipina atas undangan Puan Yang Terutama semasa lawatan negara ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Ogos 2001. Lawatan baginda ke sini merupakan lawatan negara yang pertama ke Republik Filipina di Tahun Baru Milenium.

Keberangkatan tiba ba- ginda di istana berkenaan telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Presiden Republik Fili- pina. Majlis bermula dengan upacara rasmi perbarisan yang terdiri daripada 180 orang anggota Pengawal Keselamat-

an Presiden Batalion Pertama yang diketuai oleh Mejar Noel Clemen PSG yang diadakan di Perkarangan Kalayan, Istana Malacanang.

Sejurus selepas itu, Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan diikuti 21 das tembakan meriam dilepas- kan ke udara. Baginda kemu- dian dijunjung untuk meneri- ma tabik hormat dan berkenan memeriksa kawalan perba- risan diiringi oleh Puan Yang Terutama.

Lihat muka 9

\$1 bilion diperuntukkan projek RKN 8

GADONG, 26 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempe- runtukkan \$1 bilion bagi tahun ini (2003) untuk membiayai projek terma- suk projek di bawah Ran- cangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN 8).

Peruntukan tersebut diagihkan bagi melak- sanakan 384 projek yang berharga \$579 juta dan 158 projek yang telah siap dan yang sedang dalam perlak- sanan yang mana ditunda dari tahun lepas (2002) yang menelan belanja sebanyak \$421 juta.

Demikian dijelaskan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Awang Haji Kamis bin Haji Tamin dalam sidang media yang berlangsung di Jabatan Perancangan dan

Oleh
Bolhassan HAB

Kemajuan Ekonomi di Beribi, hari ini.

Katanya, daripada lap- an gelaran Sektor Utama dalam RKN 8, Sektor Perkhidmatan Sosial yang termasuk pendidikan, per- ubatan dan kesihatan, pe- rumahan kerajaan, pe- rumahan negara, hal-ehwal agama, kemudahan awam dan projek alam sekitar mendapat peruntukan ter- besar iaitu \$211 juta atau 21 peratus daripada keselu- ruhan peruntukan.

Sektor itu yang me- makan 1/5 peruntukan \$1 bilion akan memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduk termasuk

TAHUKAH AWDA

NEGARA Brunei Darussalam mempunyai pen- dukud yang masih muda. Lebih separuh adalah berumur di bawah 25 tahun. Menurut anggaran penduduk pada tahun 1998 terdapat 113,800 orang dalam kumpulan yang berumur antara 15 hingga 34 tahun iaitu 37.3 peratus daripada jumlah pen- dukud. - Sumber : PERJALANAN ... Negara Brunei Darussalam Memasuki Alaf Baru (1999 : 143).

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Belia-belie Islam
jangan
terpengaruh
propaganda
memburukkan
Islam

- Muka 2

Jabatan
Perkhidmatan
Bomba dilengkapi
jentera pemadam
kebakaran terbaru

- Muka 5

Melirik Masa
Silam

Budaya Lalu
Cerita Berlalu

- Muka 6

Kebawah DYMM
terima
Penganugerahan
Doktor Falsafah
Undang-Undang

- Muka 9

Keberkesanan
komunikasi
penting dalam
kehidupan

- Muka 11

Didik anak-anak
dengan ilmu
agama dan ilmu
dunia

- Muka 3 ANEKA

Keliru

- Muka 7 ANEKA

Peraduan
Fotografi sempena
Hari Kebangsaan
Negara Brunei
Darussalam Ke-19
Tahun 2003

- Muka 16 ANEKA

KONTAK PELITA
BRUNEI

http://www.brunet.bn/
news/pelita/
pelita 1.htm e-mel:
pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING
PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804
/ 02 382192
Faks : 02 381004 /
02 380507



29 JANUARI 2003 BERSAMAAN 1423 26 ذوالقعدة

SUNTIKAN \$1 BILION UTAMAKAN SEKTOR SOSIAL

BARU-BARU ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah mengumumkan peruntukan kewangan berjumlah \$1 bilion bagi membiayai projek-projek dan program-program kemajuan negara di bawah Rancangan Kemajuan Negara Kelapan (RKN 8) yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2003.

Peruntukan tersebut adalah bagi membiayai 384 projek baru bernilai \$579 juta. Manakala jumlah selebihnya bernilai \$421 juta adalah untuk membiayai 158 projek yang tertunda dari tahun 2002. Ini bermakna hampir separuh daripada peruntukan tersebut iaitu \$421 juta adalah peruntukan tahun lalu yang dibawa ke tahun ini.

RKN 8 telah mengenal pasti lapan sektor utama untuk dimajukan yang terangkum di dalam perkhidmatan sosial yang mendapat peruntukan terbesar berjumlah \$211 juta. Sektor-sektor yang dimaksudkan itu ialah pendidikan, perubatan dan kesihatan, perumahan kerajaan, perumahan negara, hal-ehwal agama, kemudahan awam dan projek alam sekitar.

Matlamat kerajaan memberi keutamaan kepada sektor berkenaan bukan sahaja dilihat sebagai usaha ke arah meningkatkan kemudahan dan prasarana malahan juga untuk pembangunan sumber manusia yang juga sangat penting dalam proses pembangunan dan kemajuan negara. Dengan kata lain ia dihasratkan untuk melahirkan jelama yang berilmu, beriman, terdidik, sihat, berkeupayaan dan berkualiti tinggi. Dalam masa yang sama peruntukan yang begitu besar itu juga adalah untuk memperbaiki lagi mutu kehidupan rakyat dan penduduk negara ini dengan memperbanyakan lagi pembinaan perumahan. Dari jumlah peruntukan itu sebanyak \$147 juta ialah bagi membiayai projek perumahan baru yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Kemudahan awam seperti elektrik dan air merupakan sektor kedua yang diberikan peruntukan tertinggi iaitu sebanyak \$178.5 juta (18 peratus) di mana \$72.6 juta daripadanya adalah bagi pelaksanaan projek-projek baru yang juga akan dilaksanakan tahun ini. Walaupun peruntukan tersebut menurun sebanyak 8 peratus berbanding peruntukan pada tahun 2002 bukanlah ia bermakna pemotongan dari segi projek yang akan dilaksanakan. Ini adalah disebabkan pada tahun lalu kerajaan telah melaksanakan projek-projek besar untuk jangka panjang di sektor ini.

Terdapat sektor baru yang dikenal pasti dalam RKN 8 yang kini juga diberi keutamaan iaitu teknologi infokomunikasi serta sains dan teknologi yang mendapat kenaikan jumlah peruntukan daripada \$51 juta kepada \$177 juta. Pertambahan 13 peratus itu adalah bagi pelaksanaan program baru iaitu e-kerajaan dan program perkembangan kesedaran sains dan teknologi.

Manakala sektor-sektor perkhidmatan sosial yang lain seperti pengangkutan dan perhubungan termasuk jalan raya, penerbangan awam, laut dan pelabuhan, telekom, pos, radio dan televisyen juga diberi perhatian utama dengan peruntukan sebanyak \$165 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak \$96 juta adalah untuk pembiayaan projek-projek baru. Bangunan-bangunan awam merupakan satu lagi sektor yang mendapat kenaikan walaupun sekadar satu peratus berbanding tahun lalu, tetapi ia berupaya mengangkat projek-projek baru yang bernilai \$29 juta. Kemunculan projek-projek baru itu sudah pasti akan dapat menggiatkan lagi sektor pembinaan.

Sektor-sektor pertanian, perhutanan, kemajuan perusahaan, perdagangan dan kemajuan usahawan di bawah sektor utama perindustrian dan perdagangan juga mempunyai projek-projek baru dengan peruntukan \$90 juta. Manakala sektor keselamatan dan rampaian masing-masing menerima peruntukan \$70 dan \$17 juta.

Dengan suntikan sebanyak \$1 bilion pada tahun 2003 ini semua pihak tentu sahaja menaruh harapan yang tinggi sambil bersifat proaktif dan lebih aktif lagi supaya harapan dan persepsi kita itu akan menjadi kenyataan. Kerana apa pun langkah dan usaha kerajaan kejayaan dan keberhasilannya turut bergantung kepada sejauh mana rakyat dan penduduk memainkan peranan masing-masing dalam menyahut, mendukung dan memikul tanggungjawab tersebut. Cuma ada dua pilihan, meluncur atau tertinggal!

HALUAN...

Belia-belie Islam jangan terpengaruh propaganda memburukkan Islam

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat lagi menyaksikan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara. Pada kali ini ianya juga turut disertai oleh peserta-peserta beliawanis yang setentunya akan dapat pula menambahkan lagi kemerihaannya.

Beta dengan amat sukacita mengalu-alukan para peserta khasnya peserta-peserta yang baru.

Dalam konteks serantau, musabaqah ini berfungsi untuk menjana kesedaran beragama di kalangan belia-belie Islam. Perkara ini sangatlah mustahak, memandangkan keadaan sekarang, di mana terdapat usaha untuk memburuk-burukkan agama ini dengan cara menyandarkannya kepada perkara-perkara yang tidak ada kena-mengena dengannya.

Sayugia untuk melihat Islam, hendaklah dilihat Al-Quran, bukan dilihat yang lain-lain. Apa sahaja rupa tohmahan atau tuduhan terhadap Islam, kita mencabar supaya mereka itu meneliti dan merujuk Al-Quran. Cuba buktikan mana satu perkara negatif atau keji yang direstui oleh Al-Quran?

Sesungguhnya, inilah fenomena yang mencabar umat Islam, khususnya belia-belie Islam di seluruh dunia. Mereka sedang berhadapan dengan usaha-usaha untuk memadamkan cahaya Islam yang disebut 'Nurallah', seperti mana firman-Nya dalam Surah At-Taubah ayat 32 yang tafsirnya:

"Mereka itu (memang) hendak memadamkan cahaya Allah (agama Islam) dengan mulut-mulut mereka (berupa serangan-serangan dalam bentuk

tohmahan dan seumpamanya), sedang Allah enggan, yakni tidak merestuinnya, melainkan akan tetap menyempurnakan cahayanya itu, sekalipun orang-orang yang tidak beriman tidak menyukainya."

Belia-belie Islam perlu memahami situasi ini, supaya tidak terpengaruh dengan propaganda memburuk-burukkan Islam. Di samping itu juga, mereka mestilah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan Islam, supaya dengannya akan bertambah



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 17 Zulkaedah 1423/19 Januari 2003.

kuatlah pendirian dan keimanan mereka. Apabila iman sudah kuat, maka tidaklah ada masalah bagi kita untuk memperolehi segala macam kebajikan.

Di sinilah juga rahsia kekuatan ummah, iaitu bergantung kepada setebal mana iman itu. Iman yang tebal boleh menjadikan tuannya lebih kukuh untuk menghadapi cabaran-cabaran semasa. Bahkan dengan bermodalkan keimanan, belia-belie Islam di Asia Tenggara boleh menjadi penyumbang terbaik

kepada negara dan masyarakat masing-masing dalam mewujudkan keamanan, ketenteraman dan kemakmuran.

Belia-belie Islam mesti membuktikan bahawa mereka boleh menjadi teladan di dalam semua segi, baik ia segi kepimpinan atau pendidikan atau akhlak dan seumpamanya.

Mereka memang layak tampil sebagai 'uswah', malah Uswah Hasanah (ikutan yang terbaik) seperti mana bahasa Al-Quran, di mana perkara ini tidak dimiliki oleh orang lain.

Oleh itu, beta merasa optimis, bahawa belia-belie Islam, tanpa mengira apa juga latar belakang budaya, bahasa dan status sosial mereka adalah mampu untuk menjadi contoh kepada masyarakat masing-masing, bahkan masyarakat dunia, yang sedang dilanda oleh pelbagai krisis termasuk

BELIA-BELIA
Islam mesti
membuktikan
bahawa
mereka boleh
menjadi
teladan di
dalam semua
segi, baik ia
segi
kepimpinan
atau
pendidikan
atau akhlak
dan
seumpamanya.

krisis moral dan krisis kepimpinan pada hari ini.

Melalui pertemuan belia-belie rantau Asia Tenggara ini, beta ingin mengungkapkan pesanan kepada mereka: Berbanggalah dengan Islam, dengan Al-Quran dan jadilah belia-belie Muslim sejati yang menyeru kepada kebaikan dan melarang daripada mungkar, insyallah belia-belie akan selamat dan diberkati.

Untuk akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam mengukuhkan musabaqah ini. Dan tahniah khusus juga kepada semua peserta belia rantau Asia Tenggara, semoga Allah akan sentiasa merahmati mereka dengan taufik dan hidayah-Nya, Amin.

Sekian, Wabillahi Tau-fik Walhidayah Wassala-mualaikum Warahmatul-lahi Wabarakatuh.

OLEH itu, beta merasa optimis, bahawa belia-belie Islam, tanpa mengira apa juga latar belakang budaya, bahasa dan status sosial mereka adalah mampu untuk menjadi contoh kepada masyarakat masing-masing, bahkan masyarakat dunia, yang sedang dilanda oleh pelbagai krisis termasuk krisis moral dan krisis kepimpinan pada hari ini.

Empat pegawai dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Tetap dan Timbalan SUT

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagiantikan-lantikan berikut :



PENGIRAN Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin dilantik sebagai Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Mohd. Yassin sebagai Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri;

Awang Haji Jemat bin Haji Ampal sebagai Setiausaha Tetap Jabatan



AWANG Haji Jemat bin Haji Ampal dilantik sebagai Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Perdana Menteri;

Yang Dimulikan Pehin Datu Singamenteri Kolonel (L) Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar sebagai Setiausaha Tetap



YDM Pehin Datu Singamenteri Kolonel (L) Haji Mohammad Yasmin dilantik sebagai Setiausaha Tetap (Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan.

(Dasar dan Pentadbiran), Kementerian Pertahanan; dan

Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail sebagai Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.



AWANG Haji Sulaiman bin Haji Ismail dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Tarikh perantikan keempat-empat pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 21 Zulkaedah 1423 bersamaan 24 Januari 2003.

Wakil-wakil media diseru menjaga kemajlisannya sesuatu acara

BERAKAS, 15 Januari. - Para jurugambar diseru membuat penggambaran dengan cara terbaik dan harmoni serta menjaga 'kemajlisannya' sesuatu acara yang dihadiri.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut berkata semua wakil media yang ditugaskan untuk membuat 'coverage' perlu bersama-sama bertolak ansur dengan mematuhi etika peraturan agar majlis berkenaan tidak terganggu.

"Kita tidak berhasrat untuk menyekat agensi-agensi media untuk mem-

buat liputan kerana lebih banyak berita yang diberikan lebih banyak memberi pengetahuan kepada umum," jelasnya kepada pemberita dan jurugambar di Majlis Taklimat Media, di jabatan berkenaan petang tadi.

Katanya, ketika mesyuarat-mesyuarat bagi majlis yang melibatkan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pihak media sering mendapat teguran dan banyak ruang untuk

Oleh
Samle HJ

diperbaiki.

Ke arah itu Awang Haji Bujang menegaskan, Jabatan Penerangan perlu memberi peranan yang terarah dalam memastikan majlis dapat berjalan dengan lancar.

Beliau juga mengingatkan agar para wakil media memelihara sikap kesopanan, hormat dan menggunakan pakaian yang bersesuaian mengikut sesuatu acara.

"Pihak media sering mendapat perhatian pada sesuatu majlis, jika keolah-asaan serta pakaian tidak senonoh, akan menjadi bahan bualan para hadirin," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Perhubungan Awam Polis, Supt. Haji Abdul Murad pula menjelaskan tatatertib sangat penting ketika pihak media menjalankan tugas mereka.

"Kita perlu berhati-hati dengan mengelakkan dari terjadinya kemalangan yang mungkin merosakkan satu-satu majlis dan

menyusahkan orang lain," jelasnya kepada pihak media.

Katanya, peraturan-peraturan yang dikenakan bukanlah penghalang kepada pihak media membuat tugas yang diamanahkan tetapi adalah bagi menjaga imej media itu sendiri.

Majlis Taklimat Media anjuran Jabatan Penerangan itu antara lain dihasratkan bagi sama-sama berkongsi pandangan media dengan tata cara yang sempurna tanpa merosakkan 'kemajlisannya' sesuatu acara.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan Surat Pembaca ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

**Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 02 381 004 atau e-mel: Pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 02 383 804 atau 02 383 941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang (kiri) dan Ketua Perhubungan Awam Polis Diraja Brunei, Supt. Haji Abdul Murad ketika menjelaskan peranan media di Majlis Taklimat Media yang berlangsung di Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Pengiran Rafae PDPHM.

Perlihatkan semangat yang tinggi

Oleh
Aliddin HM

BERAKAS, 20 Januari. - Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDDB), Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Brigedier Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff menyeru anggota tentera supaya sentiasa memperlihatkan semangat yang tinggi dan selayaknya sebagai seorang tentera yang profesional yang bersedia menghadapi pelbagai cabaran masa kini dan akan datang.

Di samping itu, tambah Yang Dimulikan, anggota tentera yang terlibat dengan Eksais Langkah Bersatu 2003 hendaklah melaksanakan dengan sikap yang positif dan bersungguh-sungguh dengan mengikut prosedur-prosedur yang betul, di samping mengambil kesempatan untuk belajar di antara satu sama lain.

Yang Dimulikan berucap demikian di Majlis Pelancaran Eksais Langkah Bersatu 2003 yang berlangsung di Berakas Garrison di sini.

Yang Dimulikan mengingatkan anggota tentera yang menyertai latihan itu supaya mengambil perhatian khusus dan serius mengenai hal-hal keselamatan diri dan peralatan semasa latihan

dijalankan dan mengambil manfaat daripadanya bagi memenuhi pencapaian wawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Abad Ke-21 Ke Arah Keberkesanan Pertahanan.

Eksais Langkah Bersatu 2003 melibatkan 2,500 anggota tentera dari semua unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dibantu oleh unit-unit Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei (ATLDB), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB), Angkatan Tentera Perkhidmatan Bantu Diraja Brunei dan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Latihan 10 hari itu yang bermula hari ini sehingga 29 Januari bertujuan menguji unit-unit Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei dalam gerakan-gerakan keselamatan dalam negeri dan pertahanan dari segala ancaman.

Latihan juga merupakan sebahagian dari persediaan ATDDB menjelang latihan yang akan diadakan dalam bulan September tahun ini.



DUTA Besar Republik Rakyat China yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Wei-Wei ketika mengadakan perjumpaan muhibah bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut. - Gambar oleh Ramli HT.

Perjumpaan muhibah

BERAKAS, 16 Januari. - Duta Besar Republik Rakyat China yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Wei-Wei hari ini mengadakan perjumpaan muhibah bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

Perjumpaan muhibah yang berlangsung di Jabatan Penerangan di sini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan.



Berangkat meraikan Perdana Menteri Bahrain

Oleh
Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh
Harun HR dan Haji Masmaleh HMA

JERUDONG, 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam malam tadi berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Makan Malam bagi meraikan Yang Teramat Mulia Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain di Empire Hotel dan Country Club.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah juga berangkat sama ke majlis itu.

Rombongan Perdana Menteri Bahrain yang

dalam rangka lawatan kerja selama dua hari juga disertai oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Hal Ehwal Luar Bahrain, Tuan Yang Terutama Shaikh Mohamed bin Mubarak Al-Khalifa; Menteri Hal Ehwal Kabinet, Tuan Yang Terutama Mohamed Ibrahim Al-Mutawa dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Negara, Tuan Yang Terutama Shaikh Rashid bin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan meraikan Yang Teramat Mulia Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain. Juga kelihatan dalam gambar atas ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra bersama YTM Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain di Majlis Jamuan Makan Malam yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club (kiri). Sementara gambar kanan, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan bergambar kenangan bersama YTM Perdana Menteri Bahrain.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan berbual mesra bersama rombongan Perdana Menteri Bahrain (gambar kiri dan kanan).



Lawatan kerja Perdana Menteri Bahrain

BERAKAS, 24 Januari. - Yang Teramat Mulia Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain berangkat tiba hari ini bagi lawatan kerja dua hari ke negara ini.

Oleh Aliddin HM

Negara Bahrain, Tuan Yang Terutama Abdulla Hassan Saif.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Yang Teramat Mulia dan rombongan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Rombongan rasmi Bahrain termasuk Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar, Tuan Yang Terutama Shaikh Mohamed bin Mubarak Al-Khalifa; Menteri Hal Ehwal Kabinet, Tuan Yang Terutama Mohamed Ibrahim Al-Mutawa dan Menteri Kewangan dan Ekonomi

Negara Brunei Darussalam dan Bahrain menjalin hubungan diplomatik pada 24 September 1988 dan hubungan antara kedua-dua negara sentiasa baik sama ada di peringkat individu mahupun kebudayaan.

Hubungan dan kerjasama antara kedua-dua negara diperkukuhkan lagi dengan pertukaran lawatan ketua negara, menteri-menteri dan para pegawai kanan kerajaan masing-masing.

Di samping pertukaran lawatan, hubungan juga dijalin dalam rangka kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan mengalu-alukan keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain dan rombongan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Jabatan Perkhidmatan Bomba dilengkapi jentera pemadam kebakaran terbaru

BERAKAS, 23 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Bomba terus dilengkapi dengan jentera-jentera pemadam kebakaran yang terbaru dan terkini sejajar dengan kehendak semasa sebagai persediaan jika berlaku sebarang kemungkinan.

Sebanyak enam buah jentera berbagai jenis ditempatkan dengan perun-

tukan lebih \$4.2 juta yang mula diterima akhir tahun lalu dan awal tahun ini.

Sebelum kesemua jentera tersebut digunakan sepenuhnya oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba, majlis menepung tawar telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

**Liputan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Pengiran Rafee PDPHM**

Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Abdul Aziz dan Yang Amat Mulia Pengiran

Anak Haji Abdul Wadood Bolkiah.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Padang Kawad Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Berakas dijunjung oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusoff bin Haji Md. Hassan dan Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Haji Mohd. Daud.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bomba, dalam sembah ucapannya antara lain mengatakan kerajaan telah memperuntukkan sejumlah \$4,203,705.20 bagi membeli enam buah jentera bomba bagi persediaan keselamatan rakyat dan penduduk di negara ini supaya mereka lebih terjamin dalam menghadapi sebarang bencana terutama sekali dari bahaya kebakaran.

Katanya, tempahan jentera tersebut akan memakan masa sekurangnya 14 hingga 18 bulan kerana ianya adalah 'specialize vehicle'. Manakala proses pembuatan jentera bomba tersebut mengikut spesifikasi yang khusus (custom built) menurut jenis-jenis yang diperlukan dari segi kegunaannya.

"Jentera jenis 'Hazmat' akan berfungsi untuk digunakan bagi menangani tumpahan-tumpahan kimia dan juga ancaman-ancaman biologi dan radioaktif," jelasnya.

Sementara itu, jentera 'Telescopic Turntable Ladder' (TTL) boleh digunakan untuk panggilan kecemasan terutamanya di bangunan tinggi bagi memadam kebakaran dan menyelamatkan mangsa.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menepung tawar jentera pemadam kebakaran yang terbaru bagi Jabatan Perkhidmatan Bomba.



YANG Teramat Mulia berkenan memeriksa perbarisan yang terdiri dari ahli-ahli bomba lelaki dan wanita.



YANG Teramat Mulia berkenan menerima penerangan ringkas dari Pengarah Perkhidmatan Bomba, Awang Haji Zaidi bin Haji Mohd. Daud mengenai pameran jabatan itu.

"Terdapat juga sebuah 'light pumper' yang boleh digunakan bagi memadam kebakaran di jalan-jalan kecil memadamkan reka bentuk badannya yang kecil dan sederhana dan berupaya membawa 900 liter padu air," katanya.

Beliau menambah, kedatangan sebuah 'Rapid Intervention Vehicle' (RIV) memudahkan memadam kebakaran seperti kapal terbang helikopter, stesen minyak dan kebakaran minyak di mana ia dilengkapi dengan tangki 6000 liter isi padu dan 720 liter foam.

Kecanggihan RIV tam-bahnya, berupaya mengeluarkan 3,000 liter seminit bagi campuran air dan foam di samping kekuatan pancutannya boleh mencapai setinggi bangunan lapan tingkat.

Sebelum menepung tawar kesemua jentera-jentera bomba tersebut, Yang Teramat Mulia terdahulu menerima hormat diraja

kemudiannya memeriksa perbarisan terdiri dari ahli-ahli bomba lelaki dan wanita.

Kemudiannya Yang Teramat Mulia memotong riben dan memulakan menepung tawar jentera-jentera ringan pacuan empat roda bagi kegunaan Hazmat dan jentera-jentera yang lain.

Doa selamat dibacakan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Sebelum majlis berakhir Yang Teramat Mulia bersama kerabat diraja yang lain berangkat ke Mes Pegawai bagi santap ringan yang disusuli dengan sembah taklimat mengenai perkembangan Jabatan Perkhidmatan Bomba sejak penubuhannya bermula dari tahun 1920-an, disampaikan oleh Penguasa Kanan Bomba,

Awang Shahbandi bin Haji Abdul Halim.

Menurut beliau tahun lalu saja Jabatan Perkhidmatan Bomba menerima 2,949 panggilan kecemasan yang mana sejak 1994 hingga tahun lalu kebanyakan panggilan tertumpu kepada kebakaran rumput, hutan, memburu haiwan, pokok tumbang dan kemalangan jalan raya.

Setelah sesi sembah taklimat, Yang Teramat Mulia kemudian berangkat bagi menyaksikan pameran statik dan kelengkapan kecil dan Hazmat yang digunakan oleh ahli-ahli bomba ketika ini semasa menyelamatkan dan berdepan dengan bahaya kebakaran tumpahan kimia.

Setelah itu, Yang Teramat Mulia dan kerabat diraja yang lain bergambar ramai sebelum menandatangani buku pelawat diikuti menerima pesembah yang disembahkan oleh Pengarah Perkhidmatan Bomba.



YANG Teramat Mulia berkenan menyaksikan beberapa alat memadam api yang dimiliki oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba (kanan). Sementara gambar kiri, Yang Teramat Mulia bersabdakan sesuatu mengenai pakaian pasukan tersebut.

RAJIN-RAJIN untuk bermalas-malas dan rajin-rajin ulas-mengulas merupakan dua ciri yang agaknya menjadi sebab berlakunya beberapa kelembapan dalam kegiatan-kegiatan kebudayaan dan juga lain-lain kegiatan yang banyak melibatkan belia dan masyarakat umumnya. Ini tidak terkecuali dalam bidang penulisan dan lain-lain kegiatan bidang sastra dan budaya sama ada ia berbentuk rencana dan tulisan-tulisan kreatif seperti cerpen, sajak, novel, drama dan yang seumpamanya.

Gambaran begini dapat dilihat dalam majalah-majalah yang pernah dihasilkan oleh penulis-penulis Brunei sendiri seperti yang terkumpul dalam buku Ikhtisar Bahasa dan Sastra terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, cetakan pertama 1983 iaitu 20 tahun yang lalu. Dilihat daripada masanya, maka mungkin sahaja ianya dianggap sebagai perkara yang sudah terlalu lama dan dengan yang demikian relevannya dengan suasana sekarang sudah tidak banyak membantu baik ianya mengenai usaha pada meningkatkan mutu sastra tanah air mahupun usaha dalam soal-soal yang berkaitan dengan produktiviti sastra itu sendiri.

Maka itu jika segala kegiatan sastra dan budaya kurang menarik perhatian dan jauh dari sebatang yang diberikan kepada bidang-bidang yang lain seperti muzik dan seni suara yang sudah banyak mempunyai nama yang tersendiri itu, tidaklah begitu menghairankan sangat kerana audiencenya adalah meliputi semua peringkat umur dan kedudukan. Inilah yang tidak berlaku kepada bidang sastra dan budaya yang lain terutamanya yang berkaitan dengan penulisan.

Selain daripada itu, sesuai dengan keadaan sekarang, soal honorarium adalah faktor yang banyak berperanan berkembang majunya bidang seni suara dan muzik berbanding dengan sastra dan budaya yang lain daripada itu. Audience antara keduanya itu adalah berbeza pada zahirnya sepertimana yang sama-sama kita sedari. Jika disebut penulisan sastra sama ada dalam bentuk ilmiah/kajian ataupun penghasilan penulisan kreatif mungkin ramai yang setuju bahawa jumlahnya boleh dikira mengikut jari sementara seni muzik dan seni suara memasuki angka yang besar, puluhan ribu bahkan berjuta yang bererti ianya adalah cabang seni yang cukup makmur dan dengan sendirinya dapat memakmurkan pengamalannya.

Keadaan ini tidak berlebihan kita katakan yang ianya tidak berlaku kepada pengamal sastra yang diabadikan melalui penulisan walaupun sudah ada anugerah-anugerah tertentu yang tidak setakat di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sebab jumlahnya itu adalah seperti yang kita sebut di atas

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

BUDAYA LALU CERITA BERLALU

tadi iaitu boleh dibilang mengikut jari sahaja terutama dalam soal khalayak atau audiencenya itu tadi.

Kenapa ianya berlaku demikian? Bagi kita bahawa hal yang demikian itu adalah lebih bersifat semula jadi dan bukan atas sebab-sebab yang lain. Semula jadi yang kita katakan itu, boleh kita ambil sedikit contoh apa yang berlaku di masa silam iaitu antara peminat yang suka mendengar orang bersyair, umpamanya, dengan peminat yang suka menghadirkan diri dalam temasya bermukun.

Peminat syair cuma mendengar syair dibacakan sementara penggemar atau peminat mukun menikmati penglibatan dua hala iaitu jual beli pantun sambil memperlihatkan kebolehan menari. Maka kelebihan-nya lebih banyak berpihak kepada bermukun. Ini belum lagi dikira kepada suasana bermukun itu sendiri yang sifatnya lebih terbuka baik melalui kata-kata yang disalurkan melalui pantun mahupun pada fizikal dan pancaindera yang lain yang kesemuanya membolehkan keberkesanan sudut komunikasi yang agak lebih telus. Tidak seperti pendengar syair yang lebih bersifat pasif dan cuma sekali sekala sahaja yang berinteraksi dengan pendengar yang ingin tahu jelas apa-apa yang mereka ingin tahu sahaja.

Demikianlah sekadar sedikit gambaran sahaja dalam pengalaman-pengalaman yang berlaku di masa silam itu. Bidang-bidang lain yang agak senasib dengan sastra dalam kaitannya dengan audience atau khalayaknya ialah persembahan-persembahan theater yang kalau di Brunei lebih dikenali sebagai drama pentas atau pertunjukan di atas pentas. Dalam bidang ini, kita suka memberi contoh untuk pembicaraan ini iaitu antara dua perkara yang sama-sama menggunakan pentas sebagai medan persembahan atau tempat kedua-duanya dipertunjukkan. Dua perkara atau cabang seni itu ialah antara temasya pertunjukan 'ronggeng' dengan pementasan drama, pentomin, tablo dan yang seumpamanya. Juga perubahan keadaan yang agak berbeza dan lebih ketara menghimpunkan audiencenya yang cukup ramai ialah pementasan 'Bangsawan' pada masa-masa yang lebih awal sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua.

Pementasan Bangsawan ini adalah dikhabarkan sebagai sesuatu yang lebih hebat lagi, malah lebih berpengaruh daripada kecemerlangan seni muzik hari itu. Kalau hampir semua pertunjukan muzik Melayu di persekitaran Nusantara yang majoritinya Melayu bahkan juga peminat-peminat muzik Melayu yang terdiri dari bukan Melayu pun mendapat sambutan yang besar dan kadang-kadang dapat dikatakan sebagai luar biasa sehingga persembahan-persembahannya terpaksa diadakan di medan yang lebih besar dan luas seperti di auditorium-auditorium yang lebih besar hatta di lapangan-lapangan terbuka.

Nampak benar yang pertunjukan-pertunjukan hiburan dengan nama-nama baharunya yang bermacam-macam mengikut selera dan kehendak anak-anak muda sekarang ini telah menempatkan seni tersebut pada darajatnya yang tinggi dan pula menambah hati yang tidak terbatas kepada anak-anak muda bahkan juga dewasa dan para warga emas yang sebahagiannya berupaya untuk tidak melepaskan peluang dan melihat secara dekat perkembangan-perkembangan baharu hari ini. Biarpun semuanya boleh ditonton melalui kaca tv, namun kepuasan lebih dicapai pada sasarannya dengan melihat sendiri di lokasi ianya dipertontonkan itu.

Rasanya, kalau pertunjukan atau lebih dikenal sebagai konsert itu dan ini mahu dibandingkan dengan pertunjukan 'Bangsawan' dahulu, khusus pada sudut sambutan orang ramai secara umumnya, status yang melatarbelakangnya adalah agak serupa. Katailah mengenai kemahuan untuk menghadirkan diri di satu-satu pertunjukan atau pertunjukan konsert sekarang dengan menghadirkan diri untuk menonton pertunjukan bangsawan dahulu itu. Kedua-duanya perlu ada duit untuk membeli tiket masuk atau setidaknya-tidaknya, secara umumnya, wang adalah amat penting.

Orang sekarang mungkin agak mudah memperuntukkan budget masing-masing. Yang bekerja akan mungkin lebih mudah, berlainan dengan yang belum bekerja dan masih menuntut atau yang lain-lainnya, sudah tentu akan memilih cara sendiri tidak terkecuali dari mengosot orang tua masing-masing.

Itulah antara kelebihan sekarang yang sama sekali agak berbeza dengan apa yang berlaku di masa silam itu. Dulu, untuk mendapat wang tidak mudah. Kerja tidak banyak, gaji rendah dan untuk makan harian pun tidak cukup. Ramai yang makan sehari sekali (dalam istilah orang dahulu apabila membayangkan kesesakan yang wujud pada waktu itu). Jangan kita untuk beli pakai diri sendiri, isteri dan anak-anak, sedangkan pakaian yang ada pun hanya sehelai dua sebagai pakaian harian. Kalau ada yang menyimpan yang lain daripada itu, pakaian-pakaian itu adalah antaranya, pakaian waris seperti dari bapa kepada anak atau yang khusus pernah dibuatkan oleh orang tua mereka sebagai tanda kasih ayah kepada anak. Ini biasanya berlaku di kalangan yang berada sahaja. Pakaian begini pula bukan pakaian biasa. Ia adalah pakaian khusus untuk dipakai sewaktu adanya keramaian.

Biasanya, fesyen atau potongannya ialah apa yang dinamakan sebagai pakaian sut 'bunga lima', ada yang warna putih dari kain 'kaki' dan ada yang berwarna (kebanyakannya gelap) dari kain 'tuil', songkok tinggi dan kasut 'beret' dan lain-lain bangsa yang dikira bagus sama ada berwarna coklat, hitam atau putih.

Namun siapa yang memakai kasut kulit putih akan selalu menarik perhatian, menurut anggapan kebanyakan orang dahulu. Berkaitan dengan pengisian kantung pula akan sering menimbulkan kekusutan. Yang ada tempat bergayut mungkin tidak mempunyai masalah, tetapi yang 'ditarik ke atas, menyimsing di bawah, diturunkan ke bawah lapang di atas' selalu mencipta pelbagai cerita hanya kerana keinginan hendak menonton pertunjukan 'Bangsawan' itu, sehingga khabarnya terpaksa 'beduduk' (bergadai-berugi) apa saja yang patut asal ada usin untuk melihat Bangsawan itu. (Kita tidak ingin berpanjang-panjang dalam bahagian ini kerana tujuan kita hanya sekadar membayangkan betapa sebenarnya nilai seni dan budaya dalam masyarakat kita. Dan dari gambaran itu ternyata ianya adalah amat mahal. Kemahalanannya itu adalah maruah yang tidak dapat dijual beli dan bukan nilai mata benda yang boleh didudukkan atau didagai itu tadi).

Dan apakah seni dan budaya bangsa kita itu dapat bertahan lalu berkembang maju terus biarpun arus gelombang, badai taufan merempuh dan mencabar kewiraannya, yang menjadi budi dan nadi wujudnya bangsa ini dan cemerlangnya negara Melayu Islam Beraja ini, yang kini dianggap hanya satu-satunya negara Melayu yang berdiri dengan kedaulatan turun-temurunnya itu.

ATMM bincang pelaksanaan T-ASEAN

Oleh
Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Januari. - Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman kini berada di Phnom Penh, Kemboja bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN (ATMM) Ke-6 dan Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN dengan Menteri-menteri Republik Rakyat China, Jepun dan Korea Ke-12 bersempena Forum Pelancongan ASEAN 2003.

Perjanjian T-ASEAN

bertujuan bagi mengukuhkan industri pelancongan dan meningkatkan lagi pengembaraan serantau.

Selain itu mesyuarat itu juga akan membincangkan pencapaian pelancongan ASEAN Tahun 2001, fasa kedua pelaksanaan Kempen Melawat ASEAN (VAC) dan program kerja bagi tahun 2003 termasuk perundingan sektoral pelancongan di bawah rangka kerja perjanjian perkhidmatan.

Manakala Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN bersama Menteri-menteri dari Re-

publik Rakyat China, Jepun dan Korea pula akan membincangkan aktiviti-aktiviti kerjasama pelancongan ASEAN + 3 dalam usaha-usaha mempromosikan pelancongan di antara ASEAN dengan negara-negara berkenaan yang meliputi isu-isu kemudahan pelancongan, promosi pelancongan, meningkatkan kerjasama di kalangan sektor swasta, program kerjasama di bidang perkembangan sumber tenaga manusia, kajian dan teknologi maklumat dan promosi pelaburan dalam pelancongan.

Oleh
Aliddin HM

Berangkat hadiri Mesyuarat ASEAN-EU di Brussels, Belgium

BERAKAS, 24 Januari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hari ini berangkat meninggalkan negara bagi menghadiri mesyuarat yang akan berlangsung di Brussels, Belgium.

Berangkat mengiringi Yang Teramat Mulia ke Mesyuarat Ke-12 Menteri-menteri Luar ASEAN dan Kesatuan Eropah (EU) itu ialah Yang Amat Mulia

Oleh
Abu Bakar HAR

Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Mesyuarat yang dijangka bermula pada 27 hingga 28 Januari ini antara lain akan membincangkan mengenai peningkatan kerjasama ASEAN dan EU serta bertukar-tukar pandangan khususnya dalam menangani isu serantau dan antarabangsa.

Balai Polis Daerah Temburong mempunyai Pegawai Pemerintah yang baru



PENGUASA Polis Pengiran Haji Rakit bin Pengiran Haji Osman dan Pemerintah Daerah Polis Temburong yang baru, Pemangku Penguasa Polis Awang Mohd. Faisal Al-Sufri ketika menandatangani surat penyerahan tugas. - Gambar oleh Aliddin HM.

TEMBURONG, 13 Januari. - Balai Polis Daerah Temburong mempunyai seorang Pegawai Pemerintah yang baru.

Sehubungan dengan itu, Majlis Perbarisan Penyerahan dan Pengambilan Tugas Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong yang lama dan baru telah berlangsung di balai polis berkenaan.

Majlis penyerahan dan pengambilan tugas

itu adalah di antara Pemerintah Daerah Polis Temburong yang lama iaitu Penguasa Polis Pengiran Haji Rakit bin Pengiran Haji Osman dan Pemerintah Daerah Polis Temburong yang baru iaitu Pemangku Penguasa Polis Awang Mohd. Faisal Al-Sufri bin Haji bin Adinin.

Pemangku Penguasa Polis Awang Mohd. Faisal Al-Sufri sebelum

ini adalah Pemangku Komandan Pusat Latihan Polis Diraja Brunei.

Sementara Penguasa Polis Pengiran Haji Rakit diarahkan bertukar ke Pusat Latihan Polis Diraja Brunei mulai 15 Januari.

Penguasa Polis Pengiran Haji Rakit menjadi Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong selama setahun lapan bulan.

Hubungan dua hala, isu serantau dan antarabangsa jadi perbincangan utama

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Januari. - Isu-isu serantau antarabangsa dan hubungan dua hala menjadi tumpuan bersama di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Setiausaha Luar Republik Filipina.

Perkara itu disentuh sebelum Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Duli Yang Teramat Mulia

Oleh
Abdullah Asgar

kepada Setiausaha Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Blas F. Ople di mana kedua-dua menteri mengadakan perjumpaan.

Tuan Yang Terutama Blas F. Ople berada di negara ini dalam rangka lawatan tiga hari juga merupakan lawatannya yang pertama sejak memegang jawatan sebagai

Setiausaha Luar Republik Filipina.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Majlis itu juga dihadiri sama oleh Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez dan pegawai-pegawai kanan kedua-dua buah negara.




DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menerima Setiausaha Luar Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Blas F. Ople di Majlis Makan Malam yang berlangsung di Bukit Kayangan. Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Berkenan menerima mengadap tiga Duta Besar negara sahabat

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, berkenan menerima mengadap tiga duta besar yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Wei-Wei, Duta Besar Republik Rakyat China; Tuan Yang Terutama Gene Burl Christy, Duta Besar Amerika Syarikat dan Tuan Yang Terutama Jaroslav Vesely, Duta Besar Republik Czech yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam.

Semasa perjumpaan yang berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan ketiga-tiga duta besar tersebut dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Sebelum lantikan itu, TYT Wei-Wei merupakan Timbalan Pengarah Agung, Jabatan Pendidikan dan Latihan, Kementerian Hal Ehwal Luar Republik Rakyat China, manakala TYT Gene Burl Christy merupakan Pengarah, Pejabat Hal Ehwal Republik Filipina, Republik Indonesia, Malaysia, Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, Biro Hal Ehwal Asia Timur dan Pasifik, Jabatan Negara Amerika Syarikat; sementara TYT Vesely merupakan Duta Besar Republik Czech yang beribu pejabat di Jakarta, Republik Indonesia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Rakyat China yang baru, Tuan Yang Terutama Wei-Wei. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Czech yang tidak menetap ke negara ini, Tuan Yang Terutama Jaroslav Vesely. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Duta Besar Amerika Syarikat yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Gene Burl Christy. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Peserta Bengkel CBL terima sijil penyertaan

KUALA BELAIT, 16 Januari. - Seramai 20 orang peserta Program Bengkel Developing CBL Instructional Resources bersama Teknologi Multimedia telah menerima sijil-sijil penyertaan mereka.

Bengkel yang diadakan selama 10 hari bermula 7 Januari lalu dianjurkan bersama oleh Persatuan Biasiswa Teknikal Sebarang Laut Jepun (AOTS) dan Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah.

Majlis Penutupan Bengkel diadakan di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Belait dan disertai oleh wakil-wakil negara-negara ASEAN.

Bengkel itu merupakan sebahagian daripada program Pusat Kecemerlangan Komprehensif (COE) yang dijalankan selama tiga tahun bermula 2000 hingga 2002 di bawah

Oleh
Awangku Jefferi PD

naungan Kumpulan Kerja ASEAN Bagi Pembangunan Sumber Manusia melalui ASEAN-METI Ekonomi dan Komite Kerjasama Industri (AMEICC) dan AOTS.

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim yang juga selaku tetamu kehormat di majlis tersebut dalam ucapannya berkata, pada masa lalu, pembelajaran asas komputer mempunyai batasan dan tidak sesuai dijadikan alat ke arah mempertingkatkan kegiatan pembelajaran tetapi dengan memperkalkan Teknologi Multimedia dalam pembelajaran asas komputer (CBL), ia

semakin menarik dan inovatif.

"Melalui bengkel tersebut, para peserta bengkel diharap akan dapat mempertingkatkan pengetahuan dan berkongsi pengalaman dalam membantu meningkatkan kegunaan CBL sebagai alat bantuan pelajaran dan pembelajaran," jelas beliau.

Katanya, walaupun terdapat keperluan CBL di pasaran, ia selalunya tidak menepati keperluan kurikulum dan industri yang mana dalam perkara itu institusi latihan dan pendidikan boleh memainkan peranan untuk membina CBL bagi memenuhi objektif mengajar dan belajar.

Bengkel antara lain bertujuan mempertingkatkan pengetahuan teknikal pendidikan dan pembangunan kurikulum.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPA) (BAHAGIAN III)

Bil.	PERKHIDMATAN	TPOR (TEMPOH SPA MEMBERIKAN KEPUTUSAN KEPADA JPA)
1.	Sokongan penetapan dalam jawatan	2 minggu
2.	Sokongan melanjutkan tempoh percubaan	2 minggu
3.	Permohonan/sokongan menukar syarat perkhidmatan	4 minggu
4.	Permohonan/rayuan kenaikan/penyelarasan gaji	6 minggu
5.	Sokongan kenaikan pangkat	6 minggu
6.	Permohonan lantikan 'open vote'	4 minggu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah para pembesar negara sebelum berangkat ke Republik Filipina bagi lawatan negara selama tiga hari. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Kebawah DYMM berangkat ke Republik Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Republik Filipina bagi keberangkatan lawatan negara selama tiga hari, hari ini.

Sebelum berangkat, Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz membaca doa selamat.

Berangkat bagi mengucapkan selamat berangkat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat

Oleh Samle Hj. Jait

Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Negara Brunei Darussalam telah menjalani hubungan baik dan rapat melalui kerjasama kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang selain kedua-dua buah negara merupakan anggota ASEAN.

Keberangkatan lawatan negara kedua baginda ke Republik Filipina sudah tentu akan meningkatkan lagi hubungan yang memberi faedah bersama.

Kebawah DYMM tiba di Filipina bagi lawatan negara

FILIPINA, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kini berada di Republik Filipina bagi lawatan negara selama tiga hari.

Pesawat khas yang membawa baginda selamat mendarat di Bulawagang Kelayan, Pangkalan Tentera Udara Villamor kira-kira jam 4.10 petang waktu tempatan dengan dijunjung oleh Ketua Protokol Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Filipina, Tuan Yang Terutama Jose A. Zaide dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias.

Sebaik sahaja baginda melangkah keluar dari pesawat, telah disambut dengan upacara rasmi ketenteraan merangkumi 27 orang anggota Tentera Udara Filipina berbaris

Liputan Dayangku Hajah Saidah PHOA dan Haji Ahmad HS dari Filipina
Gambar-gambar oleh Halim HS dan Masri Osman

memberi hormat diraja ke hadapan majlis baginda. Baginda kemudian diperkenalkan kepada pembesar-pembesar Republik Filipina yang mengalu-alukan keberangkatan baginda iaitu Timbalan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Teofisto T. Guingona Jr.; Pemangku Setiausaha Hal Ehwal Luar, Yang Berhormat Delia D. Albert; Setiausaha Negara Pertahanan Filipina, Yang Berhormat Angelo T. Reyes; Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Virginia H. Benavides dan Pemerintah Awam Angkatan Tentera Udara Filipina, Leftenan Jeneral Nestor R. Santillan serta pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam.

Sebelum menaiki ken-

deraan khas, baginda juga berkenan bersalaman bersama rombongan yang turut mengalu-alukan baginda terdiri dari duta-duta besar dari perwakilan-perwakilan ASEAN. Sepanjang berada di negara ini, baginda akan diiringi oleh Menteri Pengiring, Yang Berhormat Angelo T. Reyes.

Dari Pangkalan Tentera Udara Villamor, baginda dijunjung berangkat ke tempat persemayaman baginda, di Hotel Makati Shangri-La. Sebaik sahaja tiba di hotel berkenaan baginda dijunjung oleh Pengurus Awam hotel itu, Richard W. Riley dan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan kakitangan hotel tersebut.

Semasa berada di sini, baginda mempunyai atur

cara yang padat antaranya mengadakan perjumpaan empat mata bersama Puan Yang Terutama Presiden Gloria Macapagal Arroyo, Presiden Republik Filipina yang dijangka akan diadakan di Istana Malacanang pada esok pagi. Sebelum itu, baginda dijangka akan berangkat bagi upacara meletakkan karangan bunga di Tugu Peringatan Rizal yang terletak berhampiran Istana Malacanang.

Republik Filipina telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1946 setelah ditakluki oleh Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Sebelum itu negara berkenaan pernah diserahkan oleh Sepanyol kepada Amerika Syarikat dalam tahun 1989 apabila peperangan berlaku antara Sepanyol dan Amerika Syarikat.

Bagaimanapun dalam tahun 1992, Amerika Syarikat telah menutup pangkalan tenteranya yang terakhir. Belum pun rakyat negara itu puas menikmati keamanan, peperangan kembali berkocak semula antara puak gerila dan golongan pemisah Islam di Pulau Mindanao selama suku abad yang meragut 120,000 jiwa dan perang tersebut berakhir dengan mencapai perjanjian dalam tahun 1996.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina menjalin hubungan diplomatik pada tahun 1984 apabila Konsul Awam Republik Filipina di Bandar Seri Begawan diubah menjadi Kedutaan manakala Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam ditubuhkan di Makati, Republik Filipina. Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina disifatkan sebagai hubungan sejarah yang rapat dan terbaik.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Bulawagang Kelayan, Pangkalan Tentera Udara Villamor dialu-alukan oleh Timbalan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Teofisto T. Guingona Jr.



KEBERANGKATAN tiba baginda di Bulawagang Kelayan, Pangkalan Tentera Udara Villamor disambut dengan upacara rasmi ketenteraan yang merangkumi anggota Tentera Udara Filipina berbaris memberi hormat diraja ke hadapan majlis baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah para pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Republik Filipina sejurus tiba di tempat persemayaman baginda di Hotel Makati Shangri-La.

Lawatan Negara Kebawah DYMM ke Filipina

Kebawah DYMM terima Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Undang-Undang

FILIPINA, 27 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Undang-Undang yang disampaikan oleh Universiti Filipina (UP).

Penganugerahan Ijazah Kehormat berkenaan merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan ke hadapan majlis baginda dalam mengurniakan perkhidmatan cemerlang kepada rakyat dan penduduk baginda. Majlis berlangsung di Dewan Institut Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik (NISMED) universiti berkenaan yang disampaikan oleh Presiden UP, Dr. Francisco Nemenzo.

Penganugerahan tersebut juga sebagai satu penghargaan kepada baginda atau pencapaian yang cemerlang dan sumbangan yang bermakna dalam bidang-bidang politik, perkhidmatan dan diplomasi.

Dalam titah penerimaan ijazah berkenaan baginda menyatakan penghargaan kepada pihak universiti tersebut sebagai salah sebuah institusi pengajaran yang berprestasi di rantau ini atas penganugerahan tersebut.

Baginda menyatakan bahawa sebagai ji-

ran yang terdekat, kedua-dua buah negara telah mencapai banyak kemajuan dan berharap di masa akan datang kedua-dua buah negara akan terus bekerjasama menangani segala bentuk cabaran.

Baginda juga melahirkan harapan untuk melihat masa depan di antara kedua-dua buah negara membuat peningkatan dalam hubungan yang sedia ada di antara Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Filipina dalam semua peringkat pembelajaran.

"Beta percaya yang kedua-dua buah institusi pengajian tinggi ini dapat menawarkan di antara satu sama lain terutama sekali dalam bidang yang menghendaki kepakaran dan mengalu-alukan pela-

jar-pelajar dari Negara Filipina untuk belajar di Negara Brunei Darussalam," titah baginda.

Usaha-usaha berkenaan, titah baginda lagi akan mendapatkan inspirasi dari kesamaan dalam pelbagai aspek serta dengan adanya lepasan saling menghormati di antara satu sama lain sebagai sahabat lama di Rantau Asia Tenggara.

Keberangkatan tiba baginda di univesiti berkenaan telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pre-

siden UP, Dr. Francisco Nemenzo; Pengerusi Lembaga UP dan Suruhannya Pendidikan Menengah, Dr. Ester A. Garcia; Canselor UP, Emerlinda Roman, pegawai-pegawai UPD dan Pengerusi Konsul Pelajar, Rommel Romato.

Majlis dimulakan dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara diikuti 'citation' dalam bahasa Inggeris yang disampaikan oleh Dr. Ester A. Garcia, manakala 'citation' bahasa Filipina disampaikan oleh Emerlinda Roman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat Undang-Undang dari Universiti Filipina (UP). Penganugerahan tersebut disampaikan oleh Presiden UP, Dr. Francisco Nemenzo.

Sejurus selepas majlis penganugerahan tersebut, baginda kemudian berkenan mengadakan perjumpaan dan berkenalan bersama para ilmiah universiti termasuk para ilmiah Islam di Majlis Resepsi yang diadakan di universiti itu.

Universiti Filipina ditubuhkan pada 18 Jun 1908. Ia merupakan universiti pertama ditubuhkan sejak Perang Dunia Kedua. Ia adalah satu-satunya universiti yang terdapat di Kota Manila di bina di kawasan seluas 10

hektar persegi. Unit akademiknya yang pertama dijadikan Sekolah (sekarang maktab) Seni Halus dan Maktab Pertanian dalam tahun 1909. Dalam tahun 1910, Pentadbiran Sekolah Perubatan Filipina (sekarang Maktab Perubatan) telah berpindah ke UP.

Universiti berkenaan menawarkan kira-kira 288 pelbagai jenis kursus di pelbagai peringkat ijazah dan lanjutan. UP Diliman (UPD) merupakan antara 10 buah kampus di universiti tersebut mempunyai

jumlah pelajar yang terbesar di sana. Setiap tahun sekitar 25,000 pelajar mendaftarkan diri di UPD dalam pelbagai program akademik.

Hampir 60 peratus pelajar UPD datang dari Metro Manila, kampus berkenaan letaknya di Kota Quezon, manakala lebih 200 pelajar asing datang dari Timur Asia dan selebihnya dari Afrika, Australia, Eropah, Timur Tengah, Amerika Utara dan Selatan dan Asia Tenggara.

Perjumpaan empat mata

Dari muka 1

Baginda juga memperkenalkan ahli rombongan rasmi baginda kepada PYT antaranya terdiri daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin, Grand Chamberlain; Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi, Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

Baginda seterusnya berjumpa masuk ke dalam istana bagi Majlis Menandatangani Buku Lawatan Rasmi. Tetamu dan seterusnya mengadakan perjumpaan empat mata bersama PYT yang berlangsung di Music Room.

Semasa baginda mengadakan perjumpaan tersebut, Penandatanganan Perjanjian Mengenai Kapal Perdagangan dan Yang Berhubung Kait Dengannya telah diadakan di istana berkenaan.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri manakala Kerajaan Republik Filipina diwakili oleh TYT Attorney Oscar Servilla, Pentadbir Bagi Penguat Kuasa Industri Maritim.

Melalui perjanjian tersebut akan me-

ngukuhkan lagi kepentingan dalam hubungan ekonomi dua hala dalam usaha untuk memperbaiki keberkesanan dalam pengangkutan maritim.

Dalam Satu Kenyataan Bersama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina yang dikeluarkan menyatakan kenyataan lawatan negara baginda ke sini dan juga pengukuhan hubungan di antara kedua-dua buah negara. Kedua-dua buah negara juga mengulangi hasrat untuk memajukan hubungan baik yang sedia ada bagi membantu usaha-usaha dalam pembangunan nasional dan juga dalam mempertingkatkan cabaran serantau dan antarabangsa yang menjadi perhatian bersama.

Kedua-dua belah pihak juga bersetuju dengan tema lawatan 'Filipina dan Negara Brunei Darussalam Mengemudikan Hubungan Berabad Bagi Menghadapi Peluang-peluang dan Cabaran Di Abad Ke-21'. Dalam pada itu kedua belah pihak juga bersetuju dalam cadangan Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Akademik Dalam Pendidikan Menengah dan Kerjasama Pelancaran yang dijangka akan ditandatangani tidak berapa lama lagi. Kedua-dua pihak percaya keuntungan penandatanganan MOU mengenai pelancaran akan membawa kesedaran yang lebih baik dan menarik lebih ramai pelancong untuk datang ke kedua-dua buah negara.

Kedua-dua belah pihak juga melahirkan harapan Perjanjian MOU Mengenai Kerjasama Akademik akan diperluaskan lagi dalam bidang pendidikan dan hubungan rakyat kedua buah negara. Kedua-dua belah pihak juga menekankan kepentingan kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa dalam memerangi keganasan. PYT mengalu-alukan Negara Brunei Darussalam untuk menyertai Persetujuan Mengenai Pertukaran Informasi dan Prosedur Penuhungan Perhubungan dalam tahun ini sebagai langkah signifikan dalam mengutuk keganasan di Wilayah Asia Tenggara. Pihaknya melahirkan kepuasan terhadap pencapaian dalam mengimplementasikan persetujuan terutama dalam Latihan Simulasi Pelbagai Hala yang diadakan di sini pada 14 hingga 16 Januari lepas.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa perbarisan yang terdiri anggota Pegawai Keselamatan Presiden Batalion Pertama sejurus tiba di Istana Malaccanang (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berjumpa mesra bersama para ilmiah Universiti Filipina (kiri).

Universiti Sultan Qaboos - UBD tandatangani MOU

TUNGKU, 22 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Sultan Qaboos, Kesultanan Oman telah bersetuju bagi meningkatkan kerjasama bidang akademik melalui penyelidikan dan pengajian dalam mengembangkan kemajuan pembelajaran.

Persetujuan itu dicapai melalui Memorandum Persefahaman (MOU) oleh kedua universiti yang ditandatangani di sini petang tadi.

Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji

Oleh Samle Hj. Jait

Duraman menandatangani bagi pihak UBD, sementara Universiti Sultan Qaboos ditandatangani oleh Tuan Yang Terutama Dr. Saud bin Nasser Al-Riyami, Presiden Universiti Sultan Qaboos.

Di bawah perjanjian itu menyatakan persetujuan kedua-dua buah universiti dalam menggalakkan lawatan fakulti bagi tujuan penyelidikan, di samping merangsang pertukaran antara penbitan akademik dengan

pelajar.

MOU itu juga dihasrat memberi kemudahan kemasukan pelajar yang layak dari satu universiti ke satu universiti yang lain bagi tujuan mengikuti program ijazah.

Segala perbelanjaan termasuk bahan penyelidikan, perjalanan dalam dan luar negara akan menjadi tanggungjawab tempatan dan kedua-dua universiti akan berusaha bagi menyediakan penginapan universiti bagi pelajar lawatan fakulti.

UBD dan Universiti

Sultan Qaboos juga bersetuju untuk mengkaji semula MOU berkenaan selepas lima tahun.

Perjanjian berkenaan membuktikan komitmen UBD bagi melaksanakan antara dasarnya untuk memberikan kerjasama kepada institusi-institusi pendidikan tinggi di luar negara.

Sejak ditubuhkan, UBD telah mengeluarkan lebih tiga ribu graduan tempatan termasuk graduan luar negara yang mengikuti pengajian di UBD.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail dan Tuan Yang Terutama Dr. Saud bin Nasser Al-Riyami, Presiden Universiti Sultan Qaboos bertukar-tukar MOU bagi kerjasama bidang akademik selepas menandatangani. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Persoalan Akidah dalam Dikir Syarafil Anam dan penjelasannya

D I SAMPING itu juga para ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah mengharuskan tawassul dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selepas kewafatannya. Di sinilah yang menjadi titik perselisihan di antara golongan Ahli Sunnah dengan Ibnu Taimiyah dan pengikutnya.

Berhubung dengan ini, Imam Mohammad Zaki Ibrahim dalam bukunya 'الإمام والإمام أو فتننا الوسيلة والقبور' telah menjelaskan bahawa tiada seorang pun dari ulama salaf yang berselisih atas keharusan bertawassul dengan orang yang telah wafat, sampailah ke kurun ke Tuhjuh Hijrah, di mana Ibnu Taimiyah telah menimbulkan perselisihan mengenai usul tersebut. Namun tiada seorang pun yang mengambil berat mengenai perkara tersebut sehinggalah munculnya golongan Wahabi pada kurun ke Tiga Belas Hijrah.

Golongan ulama yang mengharuskan ialah: Muhammad Nasiruddin Al-Albani, seorang ulama hadis menyebut bahawa Imam Ahmad bin Hanbal mengharuskan bertawassul dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sahaja selepas wafatnya, sedangkan bertawassul dengan orang-orang lain tidak diharuskan. Imam Al-Syaukani pula mengharuskan bertawassul dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dengan Nabi-nabi yang lain juga dengan roh para wali.

Di antara ulama yang menyokong pendapat ini selain daripada yang telah disebutkan di atas termasuk Al-Syeikh Saiyid Bakri, pengarang kitab 'طائفتان إعتقة' Al-Syeikh Abdul Aziz Al-Haki pengarang 'فتوحات ربانية', Al-Syeikh Yusuf Al-Dajawi, Muhammad Al-Faqi, kedua-duanya di antara ulama Al-Azhar, begitu juga ramai ulama tasawuf.

Golongan ulama yang mengatakan 'bidaah' pula ialah Ibn Taimiyah, Ibn Qaiyim Al-Juziyah, Abu Bakar Al-Jaziri, Muhammad Nasiruddin Al-Albani, Muhammad Nasib Al-Rafai' dan lain-lain. Mereka ini bukan dari golongan Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Oleh kerana bertawassul dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selepas kewafatannya, merupakan perkara khilafiyah, maka adalah tidak menjadi kesalahan bagi kita mengamalkannya. Ini bersesuaian dengan pegangan jumhur ulama Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang bersandarkan kepada dalil-dalil yang kuat (متين) yang diambil dari Al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

SIRI KETIGA

Dalam hal lain Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selalu bertawassul kepada Allah dalam doa Baginda yang kemudian diajarkan kepada sahabat-sahabat dan sahabat-sahabat mengajarkan pula kepada orang lain dan akhirnya sampai kepada kita. Kita gunakan iaitu seperti doa Baginda yang diajarkan kepada seorang buta (rujuk m.s 137). Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh orang itu berwuduk dengan sempurna lalu menyuruh orang itu membaca doa yang maksudnya:

"Ya Allah aku memohon dan mengadap kepadamu dengan Nabi-Mu, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Nabi pembawa Rahmat. Wahai Muhammad, aku mengadap dengan engkau kepada Tuhanku supaya Dia menerima permohonanku. Ya Allah beri syafaatlah Baginda kepadaku."

Dalam satu riwayat yang disahkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi berkata: "Lepas membaca doa itu orang itu pun dapat melihat."

Dalam satu hadis lain yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dengan isnad yang sahih daripada Abi Sa'id Al-Khudri: "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan doa yang mengandung kata-kata tawassul yang maknanya:

"Ya Allah sesungguhnya aku memohon daripada engkau dengan kebenaran dan hak semua orang yang memohon kepada engkau." Perkataan 'بقى شاكين عليك' itu doa bertawassul.

Dalam satu doa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lagi ialah yang maksudnya:

"Ampunilah ibuku Fatimah binti Asad dan lapangkanlah tempat masuknya (kubur) dengan Haq Nabi-Mu dan Nabi-nabi sebelumnya. Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mengasihani"

Maka doa seperti itu sampai kepada kita lalu kita pakai di negara ini dalam doa-mendoakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga Baginda serta rakyat dan negara seperti yang maksudnya:

"Ya Allah ya Tuhan kami, kami bermohon kepada Tuhan kami, dan kami menyembahkan permohonan kepada Tuhan kami, dengan nama Nabi-Mu Al-Amin, dan Nabi-nabi-Mu dan Wali-wali-Mu dan orang-orang salih, dan kami bermohon kepada Tuhan kami dengan nama Tuhan kami

Asma Al-Husan dan dengan sifat-sifat Tuhan kami yang mempunyai kemuliaan dan dengan kalimah-kalimah Tuhan kami yang sempurna dan lengkap."

Di dalam Al-Quran ada disebutkan dalam Surah Al-Nisaa' ayat 64, janji Allah Taala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai orang-orang mukmin yang memohonkan keampunan dengan menggunakan hak keberkatan Rasulullah yang maksudnya:

"Sesungguhnya jikalau mereka ketika menganiaya dirinya datang kepadamu, lalu memohon ampun kepada Allah dan Rasul pun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang."

TAWASSUL YANG DIHARAMKAN OLEH SELURUH ULAMA

Para ulama sependapat mengharamkan tawassul dengan cara meminta dan memohon daripada roh si mati supaya roh itu tolong menunaikan hajat keperlunya atau memohon supaya roh tersebut melepas atau menolak sesuatu bala bencana yang menimpanya, sama ada dengan cara seseorang itu memohon di rumahnya atau dengan cara datang ke kubur mereka dan meminta serta memohon hajat tersebut. Umpamanya seseorang yang berhajat kepada sesuatu perkara lalu datang ke kubur keramat kemudian berdoa dan memohon dengan berkata: "Wahai syeikh si anu bin si anu, pimpinkan aku ke jalan yang baik", atau katanya: "Wahai syeikh si anu bin si anu selamatkan aku dari terkena bala bencana ini", atau katanya: "Wahai si anu bin si anu aku memohon daripadamu supaya engkau selamatkan aku dan keluargaku dari segala bahaya bencana." Atau seperti seorang itu memohon secara bernazar dengan katanya: "Wahai syeikh si anu bin si anu (dengan disebut nama syeikh tersebut) sekiranya Allah memberi rezeki kepadaku, aku akan korbakan untukmu seekor kambing", atau katanya: "Wahai syeikh, tolonglah kami, jika kami dapat apa yang diminta kami korbakan seekor kambing di kubur tuan" atau lain-lain yang seumpamanya.

Dr. Yusof Al-Qardhawi sewaktu mengulas mengenai syirik besar, ada menyebut bahawa di antara syirik besar yang tidak diketahui oleh ramai orang Islam ialah syirik dengan meminta doa daripada orang yang telah mati atau daripada kubur-kubur orang wali, atau meminta pertolongan dari

Sumbangan Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama, NBD

mereka supaya segala hajat keperluan keduniaan yang diminta itu diperkenan oleh Allah, atau dengan meminta orang mati tersebut menolongnya, supaya melepaskannya dari sebarang bala kesusahan atau menyembuhkan penyakitnya. perbuatan ini adalah syirik besar, kerana doa atau meminta sesuatu pertolongan seperti di atas adalah sebahagian daripada ibadat dan ibadat tidak boleh dilakukan kecuali kepada Allah. Perbuatan sedemikian itu tidak syak dan ragu lagi ia adalah satu syirik yang nyata, kerana seseorang itu mengiktikad bahawa roh-roh wali dan orang-orang salih ada kuasa bagi memberi dan menghalang sesuatu, atau mengenakan sesuatu bala menolaknya.

Dari penjelasan di atas nyatalah bahawa tawassul seperti ini memang ditegah dan tergolong dari perkara syirik yang boleh menjadi murtad orang yang melakukannya, kerana ia telah menyekutukan Allah dengan sesuatu benda lain dan juga kerana ia meminta sesuatu dari makhluk tidak daripada Allah, sedangkan sepatutnya ia mesti memohon dan meminta daripada Allah, firman-Nya yang maksudnya:

"Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu."

Sebagai kesimpulan dapat dijelaskan di sini bahawa tawassul dengan meminta dari orang mati supaya ia memberi suatu pertolongan kepada orang yang meminta atau supaya ia melepaskan atau mengelak seseorang yang bertawassul itu dari terkena bala bencana atau bahaya atau meminta supaya ia memberi sesuatu manfaat dan kebaikan kepadanya maka tawassul itu adalah tergolong dari tawassul yang syirik, tidak diharuskan dan salah satu dari dosa besar yang tidak diampun oleh Allah kecuali dengan bertaubat kepada-Nya.

Bersambung



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1424 Hijrah. - Gambar oleh Abdullah HAD.

JAWATANKUASA SAMBUTAN HARI-HARI KEBESARAN BERMESYUARAT

PULAIE, 22 Januari. - Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1424 Hijrah hari ini mengadakan mesyuarat bagi membincangkan kertas kerja mengenai sambutan hari-hari kebesaran Islam peringkat negara dan pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1424 Hijrah.

Mesyuarat yang dipekerusi oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam itu berlangsung di Pusat Da'wah Islamiyah di sini.

Juga menghadiri mesyuarat tersebut ialah Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia

Oleh
Abu Bakar HAR

Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya; Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Tema sambutan hari-hari kebesaran Islam bagi tahun 1424 Hijrah yang dicadangkan ialah 'Bangsa Berilmu Negara Maju Berteraskan Wahyu'.

Antara hari-hari kebesaran Islam itu ialah sambutan awal tahun baru 1424 Hijrah, sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan, Sambutan Israk dan Mikraj serta Sambutan Nuzul Al-Quran.

Keberkesanan komunikasi penting dalam kehidupan

BERAKAS, 21 Januari. - Keberkesanan dan kelancaran berkomunikasi adalah penting dalam kehidupan bagi kemajuan manusia dan pembangunan di zaman globalisasi dan ledakan informasi masa kini.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, menyatakan demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Perdagangan dan Teknologi 2003 (E4BT) bertempat di Hotel Orchid Garden di sini.

Teks ucapan tersebut dibacakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, sebagai wakil khas Menteri Pendidikan di majlis tersebut.

Menurut Yang Ber-

Oleh Siti Aishah HS

hormat pada tahun 1985, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk menggabungkan Melayu dan Inggeris di sekolah pertengahan menjadi satu sistem pendidikan yang menghasilkan penuntut-penuntut yang dapat menerima pengajaran dalam kedua-dua bahasa tersebut.

Ia bertujuan untuk menamatkan pembahagian penduduk dalam pendidikan Melayu dan Inggeris dengan menyatukan Kurikulum Kebangsaan Bahasa Melayu yang digunakan untuk menyampaikan hal bersangkut paut dengan nilai sosiokebudaya dan warisan bangsa.

Sehubungan dengan itu, bahasa Inggeris adalah ilmu pengetahuan dan boleh dijadikan alat bagi

pembangunan ekonomi dan kemajuan sains di dunia moden hari ini, jelas Yang Berhormat.

Dari itu tambah Menteri Pendidikan, pendidikan bahasa Inggeris sangat mustahak dan dasar latihan menjadi penting untuk kecakapan berbahasa bagi penuntut-penuntut untuk berkomunikasi dan berinteraksi dalam pelbagai keistimewaan dari segi pendidikan, teknikal dan perniagaan.

Beliau berharap agar Institut Teknologi Brunei (ITB) menjadi sebuah institusi yang menawarkan program latihan dan kursus dalam pengajian bahasa Inggeris bagi masyarakat di rantau ASEAN.

Sebagai sebuah pusat perkembangan bahasa Inggeris, institusi itu dijangka berupaya mengembangkan lagi bidang pengajian bahasa Inggeris terutama-

nya bagi mereka yang berminat untuk mengembangkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai salah satu bahasa pengantar.

Untuk itu, Teknologi Infokomunikasi (ICT) yang menyerap dalam hampir semua bidang kehidupan dan fenomena itu dijangka akan berterusan bagi tempoh yang agak lama tetapi ICT akan lebih berkesan jika guru aktif dalam melibatkan diri de-

ngan mereka bentuk pendidikan berasaskan komputer dan penting bagi guru celik komputer supaya mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya teknologi komputer dalam kaedah pengajaran bahasa pada masa hadapan.

Sebanyak 14 kertas kerja dan seramai 15 orang pembentang dari dalam dan luar negeri hadir di persidangan selama dua hari itu.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (tiga dari kanan) sebagai wakil khas Menteri Pendidikan hadir merasmikan Persidangan Antarabangsa Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Perdagangan dan Teknologi 2003 (E4BT). Majlis berlangsung di Hotel Orchid Garden. - Gambar oleh Halim HS.

RBC berhasrat kekalkan kecemerlangan perniagaan

BERAKAS, 23 Januari. - Matlamat korporat Royal Brunei Catering (RBC) ialah untuk meneruskan tradisi kecemerlangan niaganya yang ketika ini sedang mengharungi pelbagai cabaran disebabkan daya saing yang dibawa oleh era globalisasi.

Bagi menepati matlamat itu RBC telah menghantar pegawai-pegawainya mengikuti Bengkel Persuratan, Perhubungan Awam dan Komunikasi

Oleh
Sahari Akim

Berkesan kelolaan bersama Jabatan Penerangan dan RBC selama lima hari di Jabatan Penerangan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Dayang Siti Normah binti Haji Talip, Senior Controller Personel and Services RBC dalam ucapan beliau di Majlis Penyampaian Sijil kepada

para peserta bengkel berlangsung di Kompleks Sukan RBC di sini.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para peserta ialah Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut, Pemangku Pengarah Penerangan selaku tetamu kehormat majlis.

Dayang Siti Normah menyatakan, beliau telah menyelidiki sifat-sifat yang dinamik dan praktikal yang telah banyak mem-

bantu organisasi-organisasi tersohor di seluruh dunia dengan mengukuhkan hubungan antara alam sekitar korporat dan publik.

Beliau yakin para pegawai yang mengikuti kursus tersebut telah dapat menimba ilmu pengurusan perhubungan awam sambil berharap agar interaksi dan hubungan media akan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan cekap seperti yang dikehendaki dalam teori yang dipelajari.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut menyampaikan sijil kepada seorang pegawai Royal Brunei Catering (RBC) yang menyertai Bengkel Persuratan, Perhubungan Awam dan Komunikasi Berkesan kelolaan bersama Jabatan Penerangan dan RBC. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

HAYATI, SEMARAKKAN HARI KEBANGSAAN DENGAN PENUH SEMANGAT PATRIOTIK

Oleh Sahari Akim

HARI Kebangsaan merupakan hari keramat kepada sesebuah negara. Ia mempunyai pengertian yang begitu luas dan mendalam dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Kerana itu ia hendaklah difahami, dihayati serta disemarakkan dengan penuh semangat patriotisme dan keikhlasan.

Memahami, menghayati dan menyemarakkan Hari Kebangsaan ini merupakan manifestasi kecintaan kita terhadap tanah tumpah darah yang dicintai. Ia tidak cukup sekadar disebut-sebut dengan perkataan sahaja tetapi hendaklah disematkan di sanubari dan diterjemahkan dengan gerak laku fizikal yang mencerminkan kesungguhan dan keikhlasan.

Manifestasi dari gerak laku itu sententunya akan meningkat dan mendalamkan lagi semangat kebangsaan dan kecintaan yang kental kepada negara dan bangsa. Dari situ akan lahir semangat rela berkorban, sikap bertanggungjawab serta prihatin terhadap kecemerlangan bangsa dan negara.

Semangat patriotisme hendaklah dimiliki dan terus di semai di segenap lapisan masyarakat negara ini. Hanya dengan memiliki semangat kebangsaan yang jitu sahaja kita akan dapat membangun dan mempertahankan kedaulatan yang kita miliki. Semangat itu jugalah yang akan dapat merangsang kita untuk terus berusaha memajukan negara ini agar dapat bersaing dan berpacu di era globalisasi dan era digital yang semakin mencabar ini.

Pepatah yang mengatakan 'di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung' menyaranakan bahawa sebagai rakyat dan penduduk negara ini kita hendaklah sentiasa menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara, bangsa, raja dan agama di bumi kita bernaung.

Di negara tercinta ini kita dilahirkan, mengecapi kemewahan dan kesenangan maka kepadanya kita mencurahkan jasa dan bakti agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan dapat dinikmati hingga ke generasi kita yang akan datang.

Kata orang 'hujan emas di negeri orang baik lagi negeri sendiri'. Sememangnya walau bagaimanapun mewahnya di negeri orang tidak akan sama dengan negeri sendiri. Berada di negara orang kita hanya merupakan tetamu atau menumpang ihsan tetapi di negara sendiri kita mempunyai hak ke atas apa yang ada di dalamnya. Di negara sendiri kita mempunyai 'indung dan peradian, dang sanak dan handai taulan' yang boleh membantu dan dibantu di masa susah dan senang.

CINTA DAN SETIA KEPADA NEGARA

Cinta itu selalunya berhubung kait dengan pengorbanan. Apabila kita mencintai negara maka kita bersedia untuk mengorbankan jiwa dan raga bagi mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayahnya daripada diganggu gugat atau dicabuli oleh anasir-anasir yang tidak diingini.

Rakyat yang taat dan setia kepada negaranya akan melindungi dan mempertahankan identiti bangsanya dengan berpegang kepada nilai-

nilai murni bangsa, adat resam, tata susila dan budaya serta jati diri masyarakat Brunei.

Dari aspek lain identiti itu termasuklah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang merupakan lambang berbangsa dan bernegara. Maka selayaknyalah kita menghormatinya dengan berdiri tegak apabila Lagu Kebangsaan dinyanyikan dan Bendera Kebangsaan dikibarkan.

Juga penting dalam memantapkan kecintaan terhadap negara ini ialah untuk sentiasa menjaga dan meningkatkan imej bangsa dan negara terutama sekali kepada masyarakat luar. Kita boleh melakukannya dengan sentiasa menyanjung, menghargai dan mengangkat martabat dan nama baik Negara Brunei Darussalam bukannya mempersendakan atau memburuk-burukkannya kepada umum.

TANGGUNGJAWAB KEPADA NEGARA

Rakyat dan penduduk sesebuah negara merupakan kumpulan individu yang menyebarkan dan memberikan taat setia dan kasih sayang kepada negara di mana mereka menetap dan bernaung. Selain dari itu mereka hendaklah taat, patuh dan menghormati pemerintah dan kepala negara, pemimpin-pemimpin, Perlembagaan, undang-undang di samping menerima dan mengamalkan adat budaya dan bahasa sebagai sebahagian cara kehidupan.

Tanggungjawab kepada negara dan pemerintah merupakan satu bidang tanggungjawab yang sangat luas. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam peranan tersebut juga meliputi aspek-aspek seperti mengiktiraf dan menghormati bangsa Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam, mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) serta mendukung matlamat dan aspirasi negara.



SEMANGAT ... Dengan penuh semangat para peserta perbarisan membawa Bendera Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Matlamat dan aspirasi negara merupakan cita rasa segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini di mana kita perlu memainkan peranan baik selaku individu, unit keluarga mahupun secara berkumpulan untuk menyokong dan mendukungnya dengan memberikan sumbangan-sumbangan yang positif di samping penglibatan secara langsung ke arah pelaksanaan dan pencapaian matlamat tersebut.

Antara matlamat dan aspirasi negara itu termasuklah menjadikan negara ini aman, makmur dan sejahtera; mewujudkan rakyat yang ber satu padu, pemedulian, produktif dan bertanggungjawab mewujudkan jentera pentadbiran yang bersih, cekap dan berkesan; mewujudkan pembangunan dan kemajuan negara yang pesat dan dinamik; memelihara kebajikan dan kesihatan di samping menjaga alam persekitaran yang bersih dan selesa.

SYUKURI NIKMAT

Rakyat dan penduduk negara ini hendaklah bersyukur segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada negara ini dan isi di dalamnya. Kita dikurniakan nikmat kekayaan dari hasil bumi berupa minyak dan gas. Kekayaan yang dinikmati membolehkan kita hidup dengan mewah dan selesa.

Di samping itu kita juga dapat hidup dalam sebuah kerajaan dan pemerintahan yang prihatin serta pemedulian kepada kebajikan rakyat di bawah pimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu kita juga harus bersyukur kerana dikurniakan hidup dalam keadaan aman, makmur, sejahtera dan ber satu padu di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Keadaan sedemikian membolehkan kita merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan demi kebahagiaan bersama.

Sambil bersyukur segala nikmat itu maka kita hendaklah sentiasa berusaha menjaga kemajuan dan kecemerlangan negara, berdoa dan bertawakal ke hadirat Allah Subhanahu Wataala agar negara ini akan sentiasa mendapat berkat dan rahmat-Nya.

Segeanap lapisan rakyat harus berbangsa menjadi warga Negara Brunei Darussalam yang tercipta ini. Apa tidaknya, di buminya kita mengecapi bermacam nikmat kesenangan yang tidak dapat dirasai oleh rakyat di setengah negara lain di dunia ini.

Walaupun mempunyai wilayah yang kecil dengan penduduk yang tidak ramai, Negara Brunei Darussalam mampu menempa imej gemilang di seantero dunia. Sebagai negara berdaulat Negara Brunei Darussalam mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara dunia di persada antarabangsa. Kita mempunyai hak dan suara yang sama di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta badan-badan serantau dan antarabangsa yang lain.

Kita mempunyai hak malah mampu menyuarakan pandangan untuk menyokong atau membantah terhadap sebarang perancangan atau pertikaian sama ada di peringkat serantau dan antarabangsa demi kesejahteraan manusia sejagat.

Juga membanggakan ialah kemampuan dan kebijaksanaan diplomasi kita menempa imej yang baik dan disegani di kalangan negara-negara jiran, serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam kini cukup dikenali sama ada penglibatan negara dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa termasuk hubungan diplomatik serta hubungan dua hala dan pelbagai hala.

Kebelakangan ini Negara Brunei Darussalam semakin dikenali apatah lagi setelah

berjaya mengendalikan acara-acara dan persidangan-persidangan peringkat serantau dan antarabangsa yang berprestij seperti Sidang Kemuncak APEC, AMM, AEM, Sukan SEA dan lain-lain.

Memang mudah mengungkapkan perkataan 'cinta kepada negara atau sanggup berkorban untuk negara'. Pada praktik dan realitinya ia tidak semudah ungkapan yang diluahkan. Ia berkait rapat sejauh mana tinggi dan tulennya semangat 'patriotisme' seseorang itu terhadap negara dan bangsanya.

Contoh kecil yang dapat kita lihat ialah sejauh mana kita terlibat dan mendukung acara-acara dan kegiatan-kegiatan kenegaraan seperti Hari Kebangsaan. Masih ramai di kalangan kita tidak menyertai Majlis Membaca Surah Yaasin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Bejemaah di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara menjelang Hari Kebangsaan.

Dalam hal lain sejauh mana kita menyertai pengibaran Bendera Kebangsaan sepanjang sambutan Hari Kebangsaan dan acara-acara kenegaraan yang lain. Masih banyak tuan rumah yang mengambil sikap mudah mengenai perkara tersebut meskipun kempen-kempen dan penerangan-penerangan telah dibuat oleh agensi-agensinya berkenaan.

Berapa ramai di antara kita yang turut menyertai, menghadiri atau sekurang-kurangnya mengikuti siaran upacara-upacara dan majlis-majlis yang berhubung kait dengan Hari Kebangsaan seperti Kemuncak Sambutan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di ibu negara, majlis forum dan sebagainya.

Titik tolak dari semua itu akan dapat dijawab dengan adanya semangat patriotik yang tulen di kalangan masyarakat kita. Semoga kita semua akan menjadi bangsa patriotik yang akan terus menjulang dan mengangkat martabat bangsa dan negara ke arah kecemerlangan.

BENDERA NEGARA

Berkibar megah bendera negara lambang kedaulatan bangsa dihormati dan dipelihara dengan penuh taat setia

Warnanya gagah dan indah kuning putih hitam dan kuning berpadu erat dan teguh menjadi identiti Brunei Darussalam

**** Terletak di tengah-tengah panji-panji berwarna merah**

Chorus - Membawa cogan kata sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk Allah.

Rakyat bersatu padu selamanya bersama bendera kita kebanggaan setiap warga

Kibarkanlah dengan sempurna

**** Ulangi**

Kibarkanlah dengan sempurna

IKRAR HARI KEBANGSAAN

Dengan bersyukur di atas limpah dan kurnia Allah Subhanahu Wataala yang mentakdirkan kami bernegara merdeka penuh berdaulat, iaitu Negara Brunei Darussalam, maka kami berikrar akan:-

Bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

Mempertahankan dan menjunjungnya dengan setia sebagai Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai cara hidup yang lengkap;

Berbakti dan rela berkorban pada mempertahankan maruah dan kedaulatannya serta memelihara keamanan dan keselamatannya;

Mendukung nilai-nilai akhlak yang sempurna, serta taat menjunjung keluhuran undang-undang;

Bekerja dengan gigih, jujur lagi amanah pada meningkatkan kemajuan dan kemakmuran yang direndai oleh Allah.

SENI KATA LAGU KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ya, Allah lanjutkan usia
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Adil berdaulat menaungi nusa
Memimpin rakyat kekal bahagia
Hidup sentosa negara dan Sultan
Ilahi selamatkan Brunei Darussalam

Kebajikan rakyat, belia bermasalah tidak diabaikan

Oleh
Dayangku Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 20 Januari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sentiasa memeduli hal-hal kebajikan dan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini, tidak terkecuali belia yang bermasalah.

Sehubungan itu, pihak YSHHB kini sedang membuat perancangan untuk menganjurkan Projek Belia Cemerlang Masyarakat Penayay (BCMP) di Daerah Belait. Projek BCMP merupakan pembangunan belia dan pembentukan masyarakat iaitu pembangunan minda, ilmu dan kemahiran belia di samping membantu mewujudkan masyarakat penyayang yang mampu menjadi titian pembangunan sosiokonomi dan budaya rakyat yang murni.

Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Abdul Ghani telah mengadakan mesyuarat bersama penghulu, ketua kampung, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan swasta di Dewan Raya Pejabat Daerah Belait bagi membincangkan projek tersebut.

Projek berkenaan akan dijadikan sebagai projek berterusan dan pernah diadakan buat kali pertama di Daerah Temburong dengan jayanya yang memfokuskan dua golongan masyarakat iaitu masyarakat umum termasuk ibu bapa, guru-guru, pemimpin masyarakat dan kakitangan kerajaan, manakala individu remaja belia termasuk murid-murid, penuntut, mahasiswa dan belia awam.

Melalui mesyuarat tersebut diharapkan akan memberi informasi atau bahan untuk dibincangkan. Di mesyuarat itu mereka yang hadir telah

menyaksikan tayangan video bagaimana projek tersebut dilaksanakan di Daerah Temburong.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam projek berkenaan ialah perkhemahan belia yang mengandungi pembentangan kertas kerja, kuliah dan aktiviti luar seperti kerja amal, ekspedisi dan riadah.

Penyertaan projek diberi keutamaan kepada belia yang menghadapi keruntuhan akhlak menyebabkan tersisih dari keluarga dan masyarakatnya sendiri, mereka yang diperhambakan atau teraniaya oleh keluarganya sendiri dalam melakukan kegiatan sumbang, tidak sihat dan menjijikkan masyarakat, mereka yang terpaksa menahan derita dan kesusahan hidup kerana ayah dan ibu sudah tiada dan mereka yang cemerlang dalam persekolahannya tetapi terkandas kerana masalah sosial, ibu bapa dan kemiskinan keluarga.

Sembilan tajuk penting difokuskan dalam projek berkenaan iaitu kesihatan dari segi mental dan fizikal, kerohanian berkaitan kepercayaan dan keyakinan terhadap Tuhan, kebolehan menggunakan keupayaan dan kemampuan, peningkatan ilmu dan pengalaman, kemahiran mempertingkatkan ilmu pengetahuan, menggunakan reka seni diri, kaunseling luahan rasa kepada yang pakar dan budi kepada masyarakat melalui kerja-kerja kebajikan untuk masyarakat.

Projek berkenaan antara lain bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada belia bagi pembentukan sikap yang positif dalam menangani permasalahan kehidupan yang dihadapi dan dialami selain untuk menyemai dan menanam perasaan sayang pada diri, ibu bapa, masyarakat dan raja supaya belia akan peka terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakatnya.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya menyerahkan sumbangan derma dari Pusat Penyembelihan Mulaut kepada Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Wahab untuk Tabung Fakir Miskin. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Tabung Fakir Miskin terima sumbangan \$18,920.00

MULAUT, 21 Januari. - Tabung Fakir Miskin Negara Brunei Darussalam hari ini menerima sumbangan derma berjumlah \$18,920.00 dari Pusat Penyembelihan Mulaut di sini.

Sumbangan tersebut te-

Oleh
Abu Bakar HAR

lah diserahkan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri

Paduka Haji Awang Yahya kepada Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Wahab selaku wakil kepada tabung berkenaan yang berlangsung di Bangunan Ar-Ridha, Pusat Penyembelihan Mulaut di sini.

Sumbangan tersebut adalah hasil jualan kulit kerbau dan lembu yang diniatkan oleh orang-orang yang membuat Majlis Korban sempena Majlis Korban pada tahun 2000, 2001 dan 2002 untuk disedekahkan kepada tabung berkenaan.



PENGARAH Urusan YSHHB, Dato Paduka Haji Abdul Ghani ketika mengadakan mesyuarat bersama penghulu, ketua kampung, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan swasta. Majlis berlangsung di Dewan Raya Pejabat Daerah Belait. - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.

Jemaah haji boleh berwudu dalam pesawat

BERAKAS, 13 Januari. - Semua penerbangan yang membawa jemaah haji tahun ini dilengkapi dengan kemudahan tempat berwudu, di samping ruang bagi menunaikan salat semasa dalam perjalanan ke Tanah Suci.

Sehubungan dengan itu, satu demonstrasi cara-

Oleh
Bolhassan HAB

cara menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Penerbangan Diraja Brunei (RBA) telah diadakan dalam sebuah pesawat RBA Boeing 767.

Hadir menyaksikan demonstrasi itu ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Urusan Haji yang diketuai oleh Pengarahnya, Dr. Haji

Awang Besar bin Haji Abu Bakar dan pegawai-pegawai RBA.

Tempat khas berwudu diperbuat daripada bahan aluminium dan keluli tahan karat dengan berat keseluruhan ialah 16 kilogram. Untuk menggunakannya, jemaah perlu mengisi air ke dalam alat berkenaan secara manual, yang mana jemaah dibekalkan dengan dua botol air berukuran kecil.



TEMPAT BERWUDHU ... Jemaah haji pada tahun ini disediakan tempat mengambil wudu dan ruang bagi menunaikan salat dalam pesawat RBA. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar PHO.

Mangsa kebakaran rumah panjang terima sumbangan

Oleh
Dayangku Hajah Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 21 Januari. - Mangsa kebakaran Rumah Panjang Kampong Melayan, Labi

sentiasa mendapat perhatian daripada pelbagai pihak semata-mata bagi meringankan beban yang

ditanggung oleh mereka.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Derma wang bernilai \$2,000.00 bagi para mangsa berkenaan telah diterima oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah selaku Pengerusi Mangsa Kebakaran yang disampaikan oleh wakil Jawatankuasa Pesta Makanan Sedunia 2002, Puan Dorren Finlayson yang diadakan di Pejabat Daerah Belait.

Rumah Panjang yang dihuni seramai 11 keluarga itu telah hangus dalam kebakaran tiga bulan lalu dan kini para mangsa tinggal sementara di khemah-khemah yang didirikan berdekatan dengan tempat kejadian.

Setakat ini Pejabat Daerah Belait telah berjaya mengumpul wang derma berjumlah \$3,465.00 sum-

bangkan daripada orang ramai yang begitu prihatin masalah yang ditanggung oleh para mangsa.

Pesta berkenaan merupakan salah satu kegiatan amal dianjurkan oleh rakyat dan penduduk di Daerah Belait dan telah diadakan dalam bulan September lalu di kediaman Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell.

Sebanyak 28 buah negara telah menyertai pesta berkenaan dan melalui pesta itu pihak penganjur telah berjaya mengutip sebanyak \$16,100.00 dan kesemua wang tersebut telah didermakan kepada persatuan kebajikan di negara ini dan merata dunia seperti Persatuan KACA, Belait Charities, Devadasis di India, Yayasan Sayap Ibu, 'Give A Life' di Republik Filipina dan Hoogy Welfare Centre.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah selaku Pengerusi Mangsa Kebakaran menerima derma dari wakil Jawatankuasa Pesta Makanan Sedunia 2002, Puan Dorren Finlayson. Majlis berlangsung di Pejabat Daerah Belait. - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.

Ke Arah Pemantapan Perniagaan Islam Dalam Era Globalisasi

Sambungan minggu lepas

WANG DAN PERANANNYA DAN CABARAN ERA GLOBALISASI

DALAM era globalisasi ini kekuatan sesuatu perniagaan bukan hanya bergantung kepada adanya harta kekal, saham-saham yang kuat, kilang, ladang dan gedung perniagaan tetapi juga adanya wang tunai atau cash. Banyak syarikat-syarikat gergasi menjadi bankrap kerana ketiadaan aliran wang tunai (cash flow). Dalam hubungan perniagaan di era globalisasi peranan 'cash flow' atau aliran wang tunai ini adalah penting.

Imam Al-Ghazali dalam kitab Ihyanya mengajak kita memikirkan hukum suatu perkara yang agak samar-samar tetapi tidak pula sampai ke peringkat benar-benar tidak wujud. Dalam masa yang sama kita tahu cara bersyukur nikmat Allah atau tidak mengingkarinya, nescaya kita akan mengatakan bahawa sebahagian daripada nikmat Allah ialah Ia mencipta dinar dan dirham sebagai mata wang yang menjadikan tunggak kegiatan ekonomi dunia, sedangkan kedua-duanya ini berasal daripada pepejal yang tidak berharga. Tetapi sekarang sangat diperlukan oleh manusia kerana manusia memerlukan kepada keperluan hidup yang banyak seperti makanan dan pakaian. Tetapi mereka tidak boleh berbuat demikian, sebaliknya mereka boleh memiliki sesuatu yang boleh dipergunakan untuk mendapatkan keperluan-keperluan yang disebutkan tadi.

Umpamanya seorang yang mempunyai sejenis bijiran tetapi ia memerlukan unta dan mungkin di sana ada seorang yang mempunyai unta dan kebetulan ia juga memerlukan bijiran tersebut, maka tidak berlakulah pertukaran antara dua bahan tersebut mengikut kadar harganya. Namun demikian unta unta tersebut tidak membelanjakan kesemua wang jualan unta tadi untuk membeli bijiran tersebut. Demikian juga orang yang membeli rumah dengan baju atau membeli tepung dengan unta atau sebagainya. Barang-barang ini tidak sama dan tidak seimbang, tidak dapat dipastikan berapa banyak bahagian unta itu sama dengan bijiran, urusan ini tidak dapat dilaksanakan sama sekali.

Oleh itu perlulah barang yang jauh perbezaannya itu diseimbangkan melalui satu pengimbang yang adil, di mana setiap benda dipastikan nilai dan kedudukannya. Apabila diketahui dengan tepat maka diketahui sesuatu yang senilai dengannya sekali pun tidak serupa.

Maka demikian jugalah Allah mencipta dinar dan dirham, adalah sebagai hakim di tengah-tengah yang menyeimbangkan antara bermacam-macam kekayaan yang ada sehingga boleh dinilai dengan kedua-dua tadi (dinar dan dirham) dan sebagainya. Selepas itu barulah boleh kita berkata unta itu nilainya sama dengan seratus dinar dan bijiran yang sebanyak itu adalah satu ratus dinar juga maka kedua-duanya nilainya adalah sama dan kedua-duanya boleh disamakan dengan nilai dinar dan dirham.

Oleh itu yang menjadi matlamat dengan penggunaan dinar atau dirham itu bukanlah bendanya itu kerana sekiranya itu yang menjadi matlamat mungkin ia akan menjadi milik seseorang sahaja dan tidak diperlukan oleh orang lain. Fahaman yang sebegini perlu dibetulkan. Andainya keadaan demikian berlaku nescaya segala urusan tidak akan berjalan dengan lancar.

Allah menjadikan dinar dan dirham supaya diedarkan kepada orang ramai dan menjadi pengimbang kepada semua harta dengan adil dan sebagai perantara kepada beberapa benda yang lain. Walaupun ia mempunyai nilai tetapi yang diperlukan bukan bendanya.

Ia mempunyai nilai yang sama terhadap semua benda. Sesiapa yang mempunyai mata wang tersebut seolah-olah ia memiliki semua barang. Ini tidak sama dengan orang yang mempunyai baju tetapi ia tidak memiliki yang lain, melainkan baju itu sahaja. Sekiranya ia memerlukan makanan mungkin orang yang mempunyai makanan tidak memerlukan baju kerana mungkin ketika itu ia memerlukan binatang ternakan. Dengan perkataan lain ia ketika itu memerlukan barang yang diperlukan sebenarnya kerana sesuatu barang yang lain tidak boleh digunakan untuk mendapatkan barang yang dikehendakinya.

Semua barang dianggap sama sahaja sekiranya ia tidak mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Ia boleh diumpamakan dengan sebuah cermin yang tidak mempunyai apa-apa warna tetapi boleh menggambarkan berbagai-bagai warna. Demikian juga dengan mata wang. Mata wang tidak mempunyai matlamat tertentu tetapi menjadi perantara kepada semua matlamat. Huruf juga sedemikian halnya. Huruf pada asalnya tidak mempunyai apa-apa erti tetapi selepas digabungkan dengan huruf-huruf yang lain barulah menimbulkan sesuatu makna yang tertentu.

Penggunaan mata wang haruslah mengikut asalnya sebagaimana yang telah disebutkan. Maka sesiapa yang menyalahgunakan mata orang itu dianggap sebagai ingkar terhadap nikmat Allah yang dikurniakan kepadanya. Umpamanya, menyalahgunakan dan menolak hikmat yang ada padanya. Ini boleh diumpamakan juga dengan orang yang memenjarakan Hakim bagi kaum Muslimin kerana dengan itu akan tersekat perjalanan undang-undang. Demikian juga jika mata wang disimpan tanpa digunakan akan tersekat juga urusan orang ramai.

Tidak pernah terjadi mata wang dinar dan dirham atau

**KERTAS kerja Dato Paduka Seri Setia
Profesor Dr. Haji Mahmud Saedon bin
Awang Othman di Seminar Antarabangsa
Perniagaan Islam Di Era Globalisasi.**

sebagainya dibuat khas untuk Zaid, Umar atau sebagainya kerana mata wang dibuat untuk diedarkan di tangan orang ramai dan sebagai tanda bagi mengenali sesuatu barang.

Maksud firman Allah Subhanahu Wataala: "Dan mereka yang menyimpan emas atau perak dan tidak membelanjakan pada jalan Allah hendaklah kamu bertikai kepada mereka tentang azab yang amat pedih." (Surah At-Taubah ayat 34).

Maksud firman Allah Subhanahu Wataala: "Sesiapa yang meminun di dalam bekas daripada emas atau perak seolah-olah mengelegak di dalam perutnya api Neraka."

Orang yang mengamalkan perbuatan riba adalah sebagai orang yang menentang nikmat Allah dan melakukan kezaliman kerana mata wang dicipta bukan bertujuan untuk dijadikan bahan riba sama ada kepada dirinya atau kepada orang lain. Demikian juga mata wang adalah sebagai perantara kepada benda-benda lain oleh itu sekiranya ia diperniagakan sama sendiri seperti dinar dengan dinar, dirham dengan dirham ini bererti telah menyalahi nikmat yang ada padanya.

Sekiranya dibenarkan kepada orang yang mempunyai wang diperniagakan dengan wang juga, maka ia akan tersekat dan terikat tidak dapat beredar. Perniagaan begini tidak mendatangkan sebarang faedah sebaliknya ia sebagai suatu kezaliman kecuali wang yang tidak teredar kerana disimpan. (Abdul Hamid Al-Ghazali, Ihyi Ulum Al-Din. T.T. Halaman 88 - 89. Kaheerah).

Abdul Sami Al-Misri, mengulas demikianlah pendapat Imam Al-Ghazali mengenai peranan mata wang dan tujuan ia dicipta. Ia mengeluarkan pendapat itu bukanlah dengan fikiran yang kosong, malah ia mengeluarkan pendapat itu dengan penuh kesedaran dan fahaman yang mendalam tentang sesuatu hukum. Pada hari ini wang kertas telah menggantikan wang emas atau perak dan ia dibuat dengan sifat-sifatnya tertentu untuk menunjukkan nilai-nilai tertentu.

Kaum Muslimin hari ini telah bersepakat untuk melaksanakan hukum mengenai mata wang melalui wang kertas supaya syariat Allah mengenai perkara itu tidak terhenti begitu sahaja atau terpaksa menggunakan kewajipan zakat harta. Oleh yang demikian tidak sepatutnya bagi kita menyelewengkan fungsi wang ini kerana kita akan rosak binasa. (Abdul Sami Al-Misri, Perniagaan Dalam Islam. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Halaman: 100 - 101. Terjemahan Ahmad Jai Hasbullah).

Jika diperhatikan dengan teliti, ternyata salah satu sebab krisis kewangan yang melanda rantau Asia Tenggara termasuk Taiwan dan Korea sebab utamanya ialah menapulasi dan spekulasi kewangan dan saham. Pasaran saham dan kewangan negara-negara tersebut telah tidak berdaya mengelakkan diri dari serangan-serangan tersebut ada yang parah yang menyebabkan bertukar kerajaan ada yang hampir bankrap sehingga hari ini belum pulih dan ada juga yang kesannya tidaklah begitu parah dan boleh bertahan. Walau bagaimanapun kesan menyeluruh ialah keyakinan masyarakat rantau ini khususnya dan keyakinan dunia umumnya terhadap sistem perniagaan saham dan kewangan menjadi goyah. Ia perlu dinilai semula. Jika nilai dan ajaran Islam mengenai kewangan, matlamat dan perannya dijadikan asas di dalam urusan kewangan tentulah krisis parah ini boleh dielakkan atau sekurang-kurangnya tidak separah yang ada.

Walaupun demikian keadaannya ada hikmah di sebalik kesukaran dan krisis tersebut. Negara-negara Islam sudah mula berbincang untuk menstabilkan mata wang mereka dan agar mata wang berfungsi dan berperanan seperti yang dikehendaki oleh Islam dan menepati tujuan ianya dicipta dan diwujudkan, seperti yang dijelaskan oleh ulama-ulama Islam termasuklah Imam Al-Ghazali.

Hari ini kita mendengar ada usaha untuk mewujudkan dinar dan dirham Islam untuk menjadi asas kegiatan kewangan antara negara-negara Islam.

PERNIAGAAN ISLAM DAN CABARAN ERA GLOBALISASI

Telah kita maklumi kesan era globalisasi terhadap kegiatan perniagaan dan ekonomi ialah ianya memperkenalkan konsep dan cara perniagaan yang baru dan mengikis cara perniagaan tradisi. Persoalan yang timbul bagaimana sikap Islam terhadap perkembangan baru ini dan apakah penyelesaian yang dapat diberikan oleh Islam, sedangkan Islam adalah agama suci, syumul dan cara hidup yang wajib dipatuhi dan diamalkan oleh umatnya dan mempunyai keistimewaan yang boleh menyelesaikan persoalan-persoalan hidup termasuklah persoalan perdagangan, perniagaan, kewangan dan ekonomi.

Jika diteliti kitab-kitab fiqh klasik kita akan mendapati ulama, secara umum membahagikan fiqh ini kepada beberapa bahagian salah satu dari bahagian tersebut ialah bahagian mua'malah atau kitab al-mua'malah. Penulisan dan perbincangan mengenai mua'malah ini sentiasa berkembang kerana berkembangnya kegiatan ekonomi dan perniagaan itu sendiri, akhirnya kita mendapati pendapat ulama mengenai hukum yang berkaitan dengannya semakin luas dan banyak lahir dari ijtihad mereka. Ada yang disepakati dan tidak kurang pula

yang ulama berbeza pendapat mengenainya atau berkhilaf di dalamnya. Kertas ini tidak bermat untuk membincangkan perbincangan dan hujah ulama mengenai dengan perkara ini tetapi hanya ingin menyebut contoh-contoh mua'malah Islam yang luas tadi sesuai dengan zaman dan keadaan semasa penulisannya.

Sebagai contoh jika kita membaca penulisan fiqh klasik mengenai jual beli iaitu Kitab Al-Buyu' mereka akan membincangkan rukun dan syarat-syaratnya dengan panjang lebar di mana kesimpulan yang didapati bahawa jual beli dalam Islam ini susah dan ketat dan tidak akan berkembang sesuai dengan perkembangan zaman. Seolah-olah jual beli hanya di dalam bentuk jual beli pertukaran barang atau 'Bai' Al-Muqayyadah' dan jual beli terbuka dengan menggunakan mata wang atau 'Bai' Al-Mutlaq', kemudian kerana keperluan dan tuntutan semasa maka konsep jual beli ini diperluaskan untuk mengharuskan jual beli mata wang dengan mata wang iaitu 'Al-Sarraf' demikianlah seterusnya, terutama di bidang perniagaan yang lebih luas. Oleh kerana barangan yang dibeli belum ada sedangkan pembeli ingin membuat pembayaran terdahulu maka lahirlah jual beli salam atau 'Bai' Al-Salam', jual beli jenis ini menyelesaikan masalah perniagaan di mana barang yang dibeli belum didapati semasa akad jual beli dilakukan. Konsep jual beli ini terus berkembang untuk memenuhi keperluan masyarakat dan semasa seperti penjualan sesuatu barang yang belum ada semasa akad tetapi ia akan dibuat atau diproses berikutan dengan termentainya akad tersebut dan pembayarannya disempurnakan setelah berlaku penyerahan barang tempahan tersebut maka lahirlah apa yang dinamakan Bai Al-Istisna'.

Demikianlah prinsip mua'malah ini terus berkembang dan instrumen perniagaan baru lahir sesuai dengan tuntutan masa dan keadaan sesuai dengan sifat Islam itu sendiri sebagai Al-Din yang sesuai untuk setiap tempat, masa dan keadaan dengan itu Islam berjaya memberikan penyelesaian secara Islam kepada persoalan-persoalan semasa yang berkaitan dengan keperluan ummah, termasuklah di bidang mua'malah di antara instrumen dan prinsip ini ialah Bai' Al-Murabah, Bai' Bithaman Ajil, Bai' Al-Tauliah, Bai' Al-Wadiah, Bai' Al-Musawamah, Bai' Al-Isyrah, Bai' Al-Wafa, Bai' Al-Istijrah, Bai' Al-Jizaf dan seterusnya.

Di dalam kegiatan perniagaan ini ada kalanya dilakukan secara individu, dan ada kalanya secara bersama atau bersyariat. Dengan perkembangan akhir-akhir ini terutama di era globalisasi, kecenderungan peniaga-peniaga adalah dengan mengadakan kerjasama dan bersyariat. Kita melihat berbagai-bagai jenis syarikat ditubuhkan, ada yang bersifat sendirian berhad ada yang lebih luas dan besar dari itu, ada yang berbentuk syarikat kerjasama, ada yang bertaraf nasional dan tidak kurang pula yang bertaraf antarabangsa di mana kita pun tidak pasti ibu pejabatnya kerana syarikat tersebut wujud di seluruh pelusuk dunia. Walaupun demikian banyak syarikat-syarikat yang berasaskan mua'malah Islam dapat beroperasi dan bersaing di bidang ini.

Pada dasarnya syarikat terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama - Syarikat pemilihan di mana dua orang atau lebih memiliki sesuatu harta dengan tiada dilahirkan melalui akad Musyarakah.

Kedua - Syarikat Akad (Syarikat Al-Uqud) di mana dua orang atau lebih memiliki sesuatu harta melalui kontrak untuk berkongsi atau akad Al-Musyarakah.

Syarikat akad ini telah dikembangkan konsepnya oleh ulama ianya tidak hanya terhad kepada syarikat inan yang disepakati, iaitu syarikat yang dibentuk atau diwujudkan dengan menghimpunkan modal kedua-dua pihak (atau lebih) yang mungkin tiada sama banyaknya di samping ia melibatkan usaha-usaha bersama kedua-duanya (atau lebih) dengan tiada kemestian persamaan kerja masing-masing pihak dan keuntungan dibahagikan berdasarkan persetujuan bersama.

Seterusnya konsep syarikat itu terus berkembang lahirnya Syarikat Al-Mufawadah, Syarikat Al-Abdan, Syarikat Wujub, Syarikat Al-Mudharabah, Syarikat Tadhamun, Syarikat Al-Musamah dan seterusnya demi untuk memenuhi kepentingan dan keperluan ummah sesuai dengan ajaran Islam dan tuntutan semasa.

Begini juga prinsip-prinsip kerjasama dan

tolong-menolong yang lain telah berjaya digunakan untuk mengembangkan kegiatan ekonomi dan perniagaan Islam seperti Kafalah, Al-Dhaman, Al-Wakalah, Al-Rahn, Al-Qirdh, Al-Hiwalah, Al-Wadiah, Al-Ujrah, Al-Ijarah dan seterusnya.

Prinsip-prinsip tadi telah digunakan untuk kegiatan ekonomi, kewangan, perdagangan dan perniagaan Islam untuk menahkud cabaran yang dilahirkan oleh globalisasi di bidang ini. Ternyata Islam berjaya dan dihormati dengan terbuktinya bank-bank beroperasi secara Islam, syarikat takaful Islam, Bait Al-Tamwil, syarikat-syarikat besar dan bertaraf antarabangsa dan lain-lain kegiatan ekonomi, kewangan, perniagaan dan perdagangan yang beroperasi berdasarkan ajaran Islam berjaya untuk memberikan persaingan kepada institusi dan syarikat lainnya, malah lebih kukuh, dipercayai dan mendapat sambutan yang luas bukan sahaja oleh orang Islam malah juga bukan Islam. Ia juga subur dan berkembang di dalam negara Islam dan bukan Islam.

LANGKAH PERLU DALAM PEMANTAPAN PERNIAGAAN ISLAM

Untuk memastikan agar sistem ekonomi, kewangan, perbankan, perniagaan dan perdagangan Islam ini terus maju, berkembang dan mantap maka perlulah difikirkan dan diambil langkah-langkah berkesan untuk tujuan tersebut di antaranya ialah:

1. Ulama, cerdik pandai dan pakar-pakar Islam di bidang ini hendaklah meneruskan kajian dan ijtihad mereka secara jasmame' dengan menggunakan sumber-sumber hukum Islam dengan lebih meluas bukan hanya terikat kepada Al-Quran, Al-Sunnah, Al-Ijma' dan Al-Qiyas tetapi juga sumber-sumber yang lain seperti Al-Istishan, Al-Masalih, Al-Mursalah dan sadd Al-Zari'ah.

2. Di dalam kajian dan ijtihad tadi Maslahah Ammah, Maslahah Khasseh, Maslahah Daruriyyah, Maslahah Hajjiyyah, Maslahah Tasiniyyah, Maqasid Al-Syariah dan illah hukum hendaklah sentiasa diambil kira dan dijadikan asas dan matlamat usaha mereka dalam masa yang sama tidak menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal dan konsep maslahah tadi digunakan sewajarnya dan menggunakan rokhshah yang dibenarkan oleh syarak. Juga dihormati dan diambil kira perbezaan pendapat atau 'khilaf' di kalangan ulama kerana khilaf ulama merupakan rahmat kepada ummah dan memanfaatkan keluasan dan kelengkapan Islam di bidang mua'malah selagi ianya tidak diharamkan oleh syarak.

3. Pihak-pihak yang terlibat di dalam kegiatan sistem ekonomi, kewangan, perbankan, perniagaan dan perdagangan Islam ini hendak mewujudkan rangkaian kerjasama (network) yang erat dan tolong-menolong dan sokong-menyokong antara satu dengan lain. Dalam masa yang sama meningkatkan kefahaman dan keilmuan Islam mereka di bidang ini meningkatkan iltizam dan berakhlak mulia serta mempertajamkan kepakaran dan kecakapan agar sifat-sifat Al-Qawi, Al-Amin, Al-Alim dan Al-Hafiz yang dituntut oleh Islam ada pada mereka.

4. Memanfaatkan pasaran Islam yang luas dan memberi kesedaran kepada umat Islam yang merupakan suku dari penduduk dunia mengenai pentingnya bidang ini dan faedahnya kepada umat Islam sendiri agar semua menyokong dan menyertai kegiatan ekonomi, kewangan, perbankan, ekonomi, perniagaan dan perdagangan yang bercorak Islam.

5. Negara-negara Islam hendaklah mengadakan kerjasama yang berkesan dan mekanisme untuk tujuan ini hendaklah diwujudkan. Kerjasama berkesan di bidang ekonomi, kewangan, perbankan, perniagaan dan perdagangan jangka pendek, sederhana dan panjang, dirancang dan dilaksanakan dengan penuh ikhlas, jujur, amanah, cekap dan berkesan.

PENUTUP

Adalah menjadi kewajipan kita semua untuk sama-sama berusaha dan berganding bahu, bekerja keras dengan penuh ikhlas, jujur, cekap, amanah dan berilmu serta mengutamakan kepentingan Islam dan ummah demi mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wataala agar perniagaan Islam dengan era globalisasi ini dapat terus dimantapkan dan dimajukan supaya ianya menjadi contoh dan ikutan kepada orang lain.

ARENA SUKAN

Atlet 9 kementerian mulakan cabaran Kejohanan Olahraga Antara Kementerian



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan cendera mata kepada Ketua Kontinjen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BERAKAS, 24 Januari. - Temasya Kejohanan Olahraga Antara Kementerian-kementerian bermula di Stadium Negara Hassanah Bolkiah dengan disertai lebih dari 350 atlet lelaki dan wanita dari sembilan buah kementerian yang terdiri dari Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan.

Oleh Haji Ahat HI

Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Sejurus selepas perasmian, atlet dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Salman Sigar mengetahui bacaan ikrar sukan dan disusuli Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan diperkenalkan kepada pengurus-pengurus pasukan.

Temasya tiga hari itu juga merupakan pembuka tirai bagi sukan-sukan ten pin bowling, badminton,

bola sepak dan ping pong antara kementerian yang akan dijalankan sepanjang tahun ini.

Melalui pertemuan seumpama ini juga akan dapat menentang bakat-bakat baru di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan yang berpotensi untuk dibimbing selain daripada kegiatan riadah bagi kesihatan yang berkonsepkan sukan untuk semua.

Dalam pada itu pula pertemuan ini juga diharatkan bagi mengukuhkan hubungan kerjasama pelbagai bidang antara kementerian-kementerian selain meningkatkan hubungan persahabatan.

Lebih 20 acara lorong dan padang termasuk acara-acara khusus bagi ketua-ketua jabatan, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Menteri dan Menteri juga dipertandingkan.

Pada hari pembukaan itu Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan masing-masing merangkul dua pingat emas, manakala Jabatan Perdana Menteri memperoleh satu pingat emas.



RASMI ... Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain melepaskan tembakan ke udara sebagai perasmian Kejohanan Olahraga Antara Kementerian-kementerian 2003. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



LARI CEPAT ... Ketua-ketua jabatan turut serta menyertai acara saringan lari pecut 100m lelaki.

Penerima SPKS berazam capai kecemerlangan Sukan

Oleh Haji Ahat Haji Ismail

PENERIMA-PENERIMA ganjaran kemenangan Skim Penggalan Kecemerlangan Sukan (SPKS) berazam untuk terus-menerus berusaha memingkatkan prestasi masing-masing ke tahap kecemerlangan.

Mereka yang merasa gembira dan bersyukur dengan anugerah dari skim tersebut

menyatakan dengan usaha persiapan yang mantap dan latihan yang gigih serta semangat yang tinggi, matlamat tersebut pasti akan dapat dicapai.

"Saya yakin seandainya latihan berterusan dapat dilaksanakan, pencapaian prestasi akan meningkat," kata Awang Rosli bin Haji Hastan yang

menerima ganjaran \$18,000.00 dari SPKS, selepas merangkul sebutir pingat perak dari acara lempar cakera dan dua pingat gangsa dari acara rejam lembing dan buang peluru dalam Sukan FESPIC Ke-8 di Busan, Korea.

Beliau yang sebelum ini juga pernah merangkul sebutir pingat perak dan sebutir pingat gangsa dalam sukan yang sama di Kobe, Jepun berazam untuk meneruskan usaha latihan bagi menghadapi PARA Games di Hanoi, Viet Nam.

Rakannya, Awang Alihan bin Muda yang juga mengukir nama memperoleh pingat perak acara rejam lembing di sukan yang sama di Busan tahun lalu juga bersedia untuk memingkatkan lagi pencapaian prestasinya.

Beliau yang menerima ganjaran \$8,000.00 dari SPKS bagaimanapun mengharapkan sokongan dari agensi kerajaan untuk pelepasan latihan oleh majikan bagi menjalani latihan.

"Perancangan untuk terus

menjalani latihan itu memang ada dan saya bersedia untuk aktif, seandainya agensi pihak kerajaan yang berkaitan dengan sukan ini dapat bekerjasama dengan majikan saya," terangnya.

Pemenang pingat gangsa acara Karatedo Sukan Asia Ke-14 di Busan, Korea, Tong Kit Siong juga berhasrat untuk meningkatkan pencapaian yang lebih baik lagi menjelang Sukan SEA Ke-22 di Viet Nam tahun ini.

Atlet yang menerima ganjaran \$5,000.00 dari SPKS semasa kejayaan di Sukan Asia Ke-14 tahun lalu menyatakan bahawa persiapan latihannya sudah bermula dan berharap akan dapat mewakili negara di Sukan SEA hujung tahun ini.

"Saya merasa gembira apabila menerima anugerah dari SPKS dan pada kejohanan akan datang saya berusaha untuk meningkatkan lagi pen-

capaian yang lalu kepada yang lebih baik lagi," jelasnya.

Sementara itu Setiausaha Persatuan Karatedo, Haji Syed Jefferydean bin Haji Mohammed ketika ditemui menyatakan, ganjaran SPKS kepada atlet, jurulatih dan persatuan sukan merupakan perangsang ke arah mencapai kecemerlangan sukan.

Beliau yang mewakili skim ini, akan dapat menggariskan lagi usaha berterusan pihak persatuan sukan untuk melaksanakan pelbagai rancangan latihan dan persiapan bagi mencapai kejayaan.

"Melalui inisiatif dari skim ini, akan dapat mengeratkan persatuan-persatuan sukan lebih komited selain mendorong jurulatih dan atlet bekerjasama untuk mencatatkan kejayaan," katanya.



SOKONGAN dan kerjasama dari agensi kerajaan dengan majikan penting untuk menjalani latihan atau persiapan... Awang Alihan bin Muda.

AWANG Rosli bin Haji Hastan... "Saya yakin seandainya latihan berterusan dapat dilaksanakan, pencapaian prestasi akan meningkat."

MAKLUMAN

UNIT Kemudahan-Kemudahan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan memaklumkan bahawa Padang dan Trek Kompleks Sukan Berakas kini sudah dibuka bagi penggunaan orang ramai.



GANJARAN SPKS merupakan perangsang ke arah menggalakkan kecemerlangan sukan, Haji Syed Jefferydean bin Haji Mohammed.



TONG Kit Siong ... "Di masa akan datang saya berusaha untuk meningkatkan pencapaian yang lalu dengan lebih baik lagi."



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap perpisahan Yang Teramat Mulia Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain.

Dari muka I

Penurunan lapan peratus berbanding peruntukan pada tahun 2002 adalah disebabkan projek elektrik yang memerlukan peruntukan besar telah disiapkan. Projek berkenaan telah menyediakan sistem rangkaian penjaan (generation) dan pengantaraan (distribution) tenaga yang boleh menampung permintaan sekurang-kurangnya bagi tempoh lima tahun akan datang.

Seterusnya Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi menjelaskan bahawa sektor baru yang diperkenalkan dengan RKN Ke-8 iaitu teknologi infokomunikasi dan sains dan teknologi mendapat kenaikan peruntukan yang tinggi yang mana daripada \$51 juta pada tahun 2002 kepada \$177 juta tahun ini.

"Pertambahan 13 peratus adalah kesemuanya bagi pengendalian projek baru bagi melaksanakan projek-projek e-government serta program perkembangan kesedaran sains dan teknologi," ujar beliau.

Salah satu lagi Sektor Utama iaitu Pengangkutan dan Perhubungan yang meliputi jalan raya, penerbangan awam, laut dan pelabuhan, telekom, perkhid-

matan pos dan radio dan televisyen telah dikhaskan sejumlah \$165 juta dan hampir \$96 juta adalah untuk projek-projek baru yang akan dilaksanakan.

Sementara Sektor Bangunan Awam diperuntukan sejumlah \$92 juta iaitu kenaikan satu peratus (1%). Terdapat projek-projek baru bernilai \$29 juta yang akan menggiatkan sektor pembinaan.

Pertanian, perhutanan, perikanan, kemajuan perusahaan, perdagangan dan kemajuan usahawan masing-masing di bawah Sektor Utama Perindustrian dan Perdagangan akan menyediakan beberapa projek baru yang akan menyumbang kepada penambahbaikan infrastruktur, keusahawanan dan peluang-peluang pekerjaan. Projek-projek bari di bawah sektor tersebut memperuntukkan sejumlah \$22 juta dari \$90 juta peruntukan.

Kerajaan juga komited memperuntukkan hampir \$87 juta kepada sektor-sektor keselamatan dan rampaian masing-masing \$70 dan \$17 juta.

Suntikan \$1 bilion beserta dengan pelaburan-pelaburan dari sektor minyak dan sektor swasta dijangka dapat menggerakkan dan menggiatkan kegiatan-kegiatan ekonomi bagi meningkatkan kadar pertumbuhan.

Kegiatan pelaburan itu juga berserta dengan kesan-kesan limpahan darinya sudah setentunya akan mengelakkan dan menambah peluang-peluang pekerjaan.

Pencapaian perbelanjaan bagi tahun 2002 juga telah diuraikan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi yang mana antaranya beliau menjelaskan bahawa perbelanjaan bagi projek-projek RKN Ke-8 tahun 2002 ialah \$504 juta (\$415 juta dari waran dan \$89 juta dari tajuk peruntukan lain). Ia merupakan perbelanjaan 50 peratus dari peruntukan \$1 bilion tahun 2002.

Langkah-langkah untuk terus memperbaiki pelaksanaan RKN ini akan diteruskan oleh semua pihak di dalam kerajaan. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi diberi tanggungjawab untuk menentukan dan menguatkuasakan dasar-dasar, strategi, peraturan dan jadual pelaksanaan bagi pihak pelaksanaan.

"Dengan langkah-langkah penambahbaikan komprehensif itu, kerajaan mengunjurkan pencapaian pelaksanaan dari segi perbelanjaan dalam lingkungan 80 peratus daripada peruntukan \$1 bilion bagi tahun 2003," tambah beliau.

Kebawah DYMM dan DYTMM hantar perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama The Right Reverend Dr. Peter Hollingworth, Gabenor Jeneral Australia dan Yang Berhormat John Howard, Perdana Menteri Australia bersempena Hari Australia.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga TYT The Right Reverend Dr. Peter

Hollingworth, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Yang Berhormat John Howard, Perdana Menteri Australia, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Australia sempena Hari Australia.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Yang Berhormat John Howard, Perdana Menteri Australia sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Australia akan sentiasa

DPMM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan hari ini berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Saouban Srithirath, Menteri dan Ketua di Jabatan Presiden yang juga selaku Pengerusi Bagi Suruhanjaya Kawalan Narkotik Peringkat Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Di Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu, TYT disertai oleh Setiausaha Pertama di Kedutaan Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, TYT Bountheing Luangsichampa.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Momin juga hadir sama di majlis itu.

TYT yang tiba semalam adalah dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan semasa berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Saouban Srithirath, Menteri dan Ketua di Jabatan Presiden yang juga selaku Pengerusi Bagi Suruhanjaya Kawalan Narkotik Peringkat Kebangsaan Republik Demokratik Rakyat Lao.

menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Sementara itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Yang Berhormat Alexander Downer, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia sempena Hari Australia.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia bersabda menghargai persahabatan dan persefahaman yang terjalin sejak beberapa tahun yang lalu antara kedua-dua buah negara, terutama sekali tatkala bersama-sama memegang jawatan Pengerusi Dialog ASEAN-Australia.

Duli Yang Teramat Mulia berharap agar dapat mengukuhkan dan mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada antara kedua-dua buah negara, baik secara dua hala mahupun selaku rakan serantau.

Kebawah DYMM terima mengadap perpisahan Perdana Menteri Bahrain

BERAKAS, 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap perpisahan Yang Teramat Mulia Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain.

TYM Sheikh Khalifah dialu-alukan di Istana Nurul Iman oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

TYM Shaikh Khalifa berada di negara ini bagi lawatan kerja dua hari dengan disertai oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar, TYT Shaikh Mohamed bin Mubarak Al-Khalifa. Menteri Hal Ehwal Kabinet, TYT Mohamed Ibrahim Al-Mutawa serta Menteri Kewangan dan Ekonomi Kebangsaan Bahrain, TYT Abdulla Hasan Saif.

Negara Brunei Darussalam dan Bahrain menjalin hubungan diplomatik sejak 1988 semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam lawatan negara ke Bahrain.

Kemudian pada tahun 2001 Negara Brunei Darussalam telah membuka misi diplomatik di Manama dengan Duta Besar di Arab Saudi sebagai Duta Besar tidak menetap di sana.

Sejak itu jalinan hubungan kedua-dua negara sangat akrab dan rapat di pelbagai bidang. Selain pertukaran lawatan, hubungan kedua-dua negara juga meliputi rangka kerja dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Perisidangan Islam (OIC).

dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada TYT Atal Bihari Vajpayee, Perdana Menteri Republik India, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Republik India sempena Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Republik India.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga TYT Atal Bihari Vajpayee, Perdana Menteri Republik India sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap semoga TYT Presiden A.P.J. Abdul Kalam, sentiasa sihat sejahtera

Hubungan mesra Brunei-India terjalin erat

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama A.P.J. Abdul Kalam, Presiden Republik India dan Tuan Yang Terutama Atal Bihari Vajpayee, Perdana Menteri Republik India bersempena Hari Ulang Tahun Pengisytiharan Republik India.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik India. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap semoga TYT Presiden A.P.J. Abdul Kalam, sentiasa sihat sejahtera

dan semoga rakyat Republik India akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

**BANGSA BERILMU NEGARA MAJU BERTERASKAN WAHYU
TEMA HARI-HARI KEBESARAN ISLAM TAHUN 1424 HIJRAH**

درتريتنك اوله جباتن قراغن، جباتن فردان منري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Jawatankuasa Kebangsaan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM bermesyuarat

Oleh Abu Bakar HAR



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Januari. - Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini mengadakan mesyuarat pertama bagi persiapan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-57.

Mesyuarat yang berlangsung di Dewan Lapau itu telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan.

Dato Paduka dalam ucapannya antara lain telah menekankan supaya Pegawai-pegawai Daerah mengerahkan jawatankuasa peringkat daerah bagi sama-sama memikirkan dan merancang mengenai acara-acara yang akan mengambil tempat khususnya acara-acara keberangkatan, di samping memperbaiki mutu persembahan agar berjalan dengan lancar.

Juga disuarakan di mesyuarat itu ialah untuk sama-sama memikirkan cara terbaik bagi menarik dan menggalakkan penglibatan para belia dalam acara-acara sambutan khususnya ketika Majlis Bersama Rakyat di semua daerah.

Hadir di majlis itu termasuklah Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Selain itu juga dibincangkan termasuklah penetapan tarikh-tarikh keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bercemerlang ke daerah-daerah di sepanjang sambutan perayaan ulang tahun baginda pada tahun ini.

Di mesyuarat itu ahli jawatankuasa juga telah memutuskan penetapan perlantikan Penaung dan Penasihat Jawatankuasa Kebangsaan pada tahun ini.

Kanak-kanak berhak untuk hidup dan berkembang

TUTONG, 22 Januari. - Penolong Peguam Cara, Jabatan Peguam Negara, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin berkata, semua hak dikenakan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira bangsa, warna, jantina, bangsa, agama pendapat politik, asal negara, etnik atau masyarakat, harta, ketidakupayaan, kelahiran atau tarafnya atau ibu bapa dan penjaganya.

Menurutnya lagi kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup dan berkembang dalam semua aspek kehidupan mereka termasuk aspek jasmani, emosi, psikososial, kognitif, sosial dan kebudayaan.

"Mereka yang dikategorikan kanak-kanak ialah yang berumur kurang daripada 18 tahun melainkan jika undang-undang menyatakan usia dewasa kurang daripada 18 tahun," katanya di Forum Konvensyen Hak Asasi Kanak-Kanak (CRC) yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Melalui CRC katanya, kanak-kanak hendaklah dibolehkan ikut serta secara aktif dalam segala hal yang melibatkan kehidupan mereka dan bebas untuk memberi pendapat dan mereka juga mempunyai hak untuk didengar dan diambil peduli secara serius.

Menyentuh mengenai situasi kanak-kanak di eksploitasi seperti dijadikan buruh, penyalahgunaan dadah, eksploitasi atau penderaan seksual, penjualan, perdagangan dan penculikan, kanak-kanak berkenaan diberi hak kepada perlindungan khusus, katanya.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian kebajikan kanak-kanak

Oleh Hajah Saidah PHOA

TUTONG, 22 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberi perhatian hal-hal kebajikan kanak-kanak di negara ini.

Pegawai Daerah Tutong, Abang Haji Hapnie bin Orang Kaya Paduka Setia Diraja Abang Haji Abu Hanafiah menambah, pihak kerajaan telah menyediakan secara percuma pendidikan dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat

universiti. Begitu juga dengan perkhidmatan perubatan kepada rakyat dan penduduk tetap negara ini telah pun diberikan secara percuma tanpa mengira usia.

"Pemedulian seumpama ini juga tidak ketinggalan diberi perhatian kepada anak-anak yatim dan kanak-kanak istimewa di negara ini malahan setiap permasalahan yang

timbul sentiasa ditangani oleh pihak-pihak berkenaan baik dengan agensi kerajaan mahupun agensi bukan kerajaan," katanya di Forum Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) bagi Daerah Tutong yang diadakan di Dewan Kemasyarakatan di sini.

Beliau seterusnya menyeru orang ramai agar melaporkan apa jua kejadian yang mem-

babitkan pelanggaran konvensyen berkenaan kepada pihak-pihak tertentu.

Forum yang dipengerusikan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin telah mengundang lima ahli panel terdiri daripada Penolong Pengarah Pembangunan Masyarakat Khusus Bahagian Keluarga dan Kanak-kanak, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Hajah Mordiah binti Haji

Jackia; Penolong Peguam Cara, Jabatan Peguam Negara, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin; Pakar Penyakit Kanak-Kanak dari Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Lim Meang Keang; Pegawai Pelajaran Kanan, Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Hajah Khatijah binti Haji Akbar dan Pegawai Pelajaran Ugama Dari Unit Perundangan Islam, Awang Suhaimi bin Haji Gemok.

Forum berkenaan merupakan susulan daripada Forum CRC Peringkat Kebangsaan yang pernah diadakan dua tahun lepas di Bandar Seri Begawan dan Daerah Tutong telah dipilih sebagai daerah pertama menjayakan forum tersebut sebagai salah satu langkah kerajaan dalam menyebarkan kesedaran dan pemedulian terhadap hak asasi kanak-kanak di negara ini.

Forum CRC satu-satunya instrumen antarabangsa yang telah dipersetujui dan diperakui oleh seluruh warga dunia yang menjadi ahli kepada konvensyen tersebut untuk melindungi kanak-kanak daripada segala bentuk umpamanya penderaan.

Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli CRC pada tahun 1996.



FORUM Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) bagi Daerah Tutong yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong dipengerusikan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Sastera & Budaya

APAKAH ERTI 'PERTUTURAN' ITU?

PERTUTURAN berasal daripada perkataan 'tutur' yang bererti apa-apa yang diucapkan; ucapan; kata perkataan. 'Pertuturan' pula bererti;

1. Cara atau gaya bertutur; sebutan
2. Apa-apa yang dituturkan; pembicaraan

MENGAPA PULA IA BERHUBUNG DENGAN BAHASA?

Pertuturan berhubung dengan lisan yang mana adalah salah satu cabang bahasa yang terbahagi kepada empat bahagian;

1. Kemahiran mendengar
2. Kemahiran bertutur
3. Kemahiran membaca
4. Kemahiran menulis

Daripada yang tercatat di atas maka jelaslah hubungannya dengan bahasa. Kanak-kanak banyak belajar daripada alam di sekeliling mereka. Pengalaman ini mereka gunakan untuk mempelajari beberapa aspek kehidupan dan ini termasuklah pertuturan. Peel (1958) mengatakan bahawa kanak-kanak mesti mengalami dan menggunakan dengan mahir benda serta bahan supaya dapat memperkembangkan kuasa pemikirannya di kemudian hari. Pengalaman seperti ini sama pentingnya dengan keselamatan bagi pertumbuhan inteleknya, kasih sayang dan kehidupan, emosi yang cukup memuaskan untuk pertumbuhan nanti sebagai sahaja yang matang dan yang seimbang (muka surat 43 Asas Pendidikan). Dari pendapat tersebut ada mengatakan bahawa pengalaman yang diperoleh oleh kanak-kanak menentukan pertumbuhannya yang sempurna.

Mengikut pendapat Vygotsky (1978 dan 1986) pula, pertuturan atau bahasa mengatur cara berfikir dan kanak-kanak menggunakannya sama ada untuk bertutur atau berkongsi pendapat antara satu dengan lain. Health (1983) dan Vygotsky (1978, 1986) melihat pembelajaran bahasa sebagai perkembangan sosial dan ia memperlihatkan budaya dan golongan apa tempat kanak-kanak itu tinggal. Daripada kenyataan ini nampak bahawa bahasa kanak-kanak datang daripada latar belakang yang berbeza.

Sebutan dan bunyi-bunyi bahasa juga tentulah berlainan antara satu dengan yang lain misalnya kita yang tinggal di Negara Brunei Darussalam. Walaupun Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang kecil tetapi ia mempunyai banyak suku kaum yang mempunyai pelbagai bahasa mereka tersendiri. Maka kanak-kanak suku kaum tersebut sudah tentunya akan membahaskan bahasa masyarakat persekitaran mereka.

Ini belum lagi pengaruh-pengaruh luar yang mana tersebar melalui berbagai-bagai jenis media sama ada dari segi bahasa, kebudayaan, agama dan se-

OLEH SUTERA UNGU

bagainya. Dialek-dialek sesuatu puak juga mempengaruhi cara kanak-kanak mereka bertutur misalnya puak Kedayan, manakala bahasa Melayu Brunei sendiri mempunyai hanya tiga vokal, i, a, u. Ini berbeza dengan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah yang mana mempunyai lima vokal a, e, i, o, u.

MENGAPAKAH DAN BAGAIMANAKAH GURU MENYAMPAIKAN DAN MENGAJARKAN BAHASA MELAYU DENGAN BETUL?

Oleh kerana banyak perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam bahasa Melayu itu sendiri, sebagai guru-guru bahasa Melayu haruslah menyampaikan dan mengajarkan penggunaan bahasa Melayu yang betul. Ini kerana ia adalah penting untuk kanak-kanak itu berhubung dengan satu sama lain dan mungkin kelak boleh mereka gunakan untuk bertutur di depan orang ramai sama ada untuk memberikan ucapan, menyampaikan syarahan ataupun di peringkat universiti sendiri. Ini memerlukan keberanian berbahasa dan memberikan buah fikiran yang kebanyakannya merasa malu untuk berbuat demikian.

Ini adalah kerana kurangnya tekanan pembelajaran bahasa dari segi pertuturan dari sejak awal persekolahan mereka lagi.

Di awal alam persekolahan kanak-kanak akan menemui pelbagai keadaan yang berbeza dengan apa yang mereka alami di rumah. Ini kerana mereka mempunyai latar belakang dan persekitaran yang berbeza. Penemuan baru mereka ini dibuat sebagai pelajaran baru. Jadi sebagai seorang guru, mereka harus tahu bagaimana cara untuk menarik perhatian mereka. Jika mereka hanya menggunakan cara pengajaran yang lama, maka kanak-kanak akan cepat merasa bosan dan ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk ke sekolah.

Sebagai guru sepatutnya pandai merancang

Pertuturan penting diajarkan di sekolah rendah

OLEH SUTERA UNGU

strategi untuk sesuatu pengajaran yang berkesan. Guru harus kreatif. Guru juga harus senantiasanya menyelidiki setiap gerak langkah mereka supaya boleh diterima oleh kanak-kanak di sekolah. Perbincangan antara guru-guru untuk mencari bahan atau idea untuk mengajar. Jika kita perhatikan kanak-kanak yang baru mulakan persekolahan, mereka ini suka memerhatikan suasana keliling mereka. Alat bantu mengajar harus dapat menarik perhatian dan setiap gambar atau carta haruslah menarik dan berwarna-warni. Keinginan mereka untuk mengetahui sesuatu itu jika kita pandai 'melayan' akan sedikit sebanyak menarik mereka untuk bercakap.

Selain daripada di atas kita juga boleh cuba mencorak alam sekeliling bilik darjah. Dalam hal ini para guru boleh mendapat 'bantuan' daripada kanak-kanak itu sendiri. Mintalah buah fikiran mereka dan bawalah mereka berbilang. Dengan ini akan dapat melatih mereka untuk memberikan pendapat dan keberanian untuk bercakap di hadapan kawan-kawan mereka. Kanak-kanak suka jika mereka diberikan perhatian, tetapi harus hati-hati agar mereka tidak merasa dibezakan.

Pendekatan terhadap setiap murid perlu untuk menyelami jiwa mereka dan untuk memberikan kepercayaan mereka terhadap kita dan sekali gus untuk memberikan rasa 'selesa' untuk berbual atau berbincang sama ada bersama rakan atau dengan guru. Oleh kerana perbincangan ini pada peringkat awal, maka ini bererti peringkat prasekolah. Pada tahap seawal ini, guru mempunyai tugas untuk mengenalkan huruf, angka ataupun warna. Dari sinilah mereka akan diajar untuk mengenal ayat-ayat mudah.

Contoh. Pengenalan angka :

1. Angka satu
2. Perkataan 'SATU'
3. Warna 'hitam'

Di samping itu guru boleh mengajar murid-murid mereka sambil mereka melakukan aktiviti bermain. Bermain merupakan salah satu yang sangat susah untuk dipisahkan daripada jiwa kanak-kanak. Mengapa tidak diambil kesempatan daripada aktiviti bermain ini? Tetapi harus juga diingat apa bentuk permainan yang sesuai untuk mereka. Guru perlu tahu cara untuk menyampaikan peraturan-peraturannya. Ini bertujuan untuk mendisiplinkan mereka tanpa mengganggu keaktifan kanak-kanak ini tadi.

Contohnya : Mengenal warna, perkataan dan angka.

- a. Kita sediakan gambar dua biji epal (hitam putih berbentuk lukisan).
- b. Kita tanyakan gambar apakah itu.
- c. Minta pendapat mereka warna apakah yang patut diberikan pada buah tersebut.
- d. Kita tanya pula berapa jumlah buah epal yang ada.
- e. Berikan mereka kertas untuk mewarna dengan warna kegemaran mereka, tanyakan mengapa mereka memilih warna-warna tersebut.

Dari pengalaman masa lalu, mereka tentulah akan dapat menjawab dengan tepat dan ini boleh diberikan pujian sebagai hadiah mereka. Kita juga boleh menyediakan kerja tangan untuk mereka buat sendiri. Dari sinilah seorang guru dapat menyelami gaya imaginasi mereka. Imaginasi kanak-kanak boleh mendorong mereka dalam pelbagai hal seperti seni. Seni dalam konteks ini bolehlah menjurus kepada kepandaian bercerita umpamanya. Jika tahu memberikan galakan sudah tentunya akan dapat membangkitkan semangat kanak-kanak untuk lebih tekun belajar.

BAGAIMANAKAH CARA KANAK-KANAK BERINTERAKSI?

Asmah Haji Omar ada mengatakan bahawa pertumbuhan dan perkembangan bahasa melalui teknik interaksi. Kanak-kanak

mempunyai berbagai-bagai cara untuk menimbulkan hubungan sosial melalui bahasa dengan orang yang ada di sekeliling mereka. Di antara cara-cara ini ialah bercerita, bertengkar atau berbahas, bekerja sama, menyatakan keinginan dan berbagai-bagai lagi.

1. Bercerita

Dengan bercerita, kanak-kanak akan memberitahu sesuatu kepada pendengarnya yang boleh menarik minat dan mempengaruhi gerak-geri pendengarnya. Penceritaan juga boleh didasarkan kepada benda yang dilihatnya, misalnya anak patung, gambar atau yang lainnya. Kanak-kanak memang suka berkhayal dan biasanya khayalannya itu tertumpu pada keinginannya akan sesuatu, dengan cara mengambil orang-orang yang lebih tua sebagai model.

2. Bertengkar atau berbahas

Dalam teknik ini, kanak-kanak bertengkar atau berbahas antara satu sama lain. Sama ada antara mereka atau yang lebih tua sedikit umurnya. Perbincangan mereka juga merujuk kepada pengesahan mengenai satu-satu perkara.

3. Bekerjasama

Dalam teknik ini kanak-kanak mengajar yang sebaya dengannya untuk mengerjakan sesuatu untuk mencapai sesuatu tujuan misalnya untuk bermain membetulkan permainan, melukis dan sebagainya.

4. Menyatakan keinginan

Keinginan adalah naluri yang sudah ada sejak manusia lahir. Mereka menyatakan keinginan mereka untuk mengharap gerak balas dari orang yang menjadi tumpuannya, baik gerak balas dalam bentuk tindakan mahupun gerak balas dalam bentuk bahasa.

5. Mengkritik

Kanak-kanak biasanya mengkritik atau menegur sesuatu perbuatan atas kelakuan orang lain. Dengan cara ini dia menimbulkan gerak balas baik secara positif atau negatif dari orang lain.

6. Memerintah atau meminta

Dalam bahasa kanak-kanak kita dapati modus memerintah atau meminta ini paling kerap diwujudkan.

7. Bertanya

Bagi kanak-kanak bertanya merupakan tutur yang menunjukkan keinginan untuk mengetahui sesuatu.

8. Menjawab

Dalam menjawab pertanyaan terbuka, kanak-kanak memberikan perhatian kepada fokus pertanyaan tersebut.

9. Mengulas

Mereka juga dapat membuat ulasan mengenai apa yang didengar, dirasa atau disaksikan.

10. Melarang

Hanya terdapat satu jenis larangan saja yakni yang diwujudkan dengan perkataan 'jangan'.

11. Mengajak

Mereka akan mengajak kawan-kawan sebaya untuk menimbulkan hubungan mesra untuk sesuatu tujuan seperti bermain bersama.

KESIMPULANNYA

Daripada kenyataan yang tercatat di atas, menunjukkan penggunaan bahasa itu penting untuk kanak-kanak. Walaupun mereka ini secara semula jadi boleh membentuk ayat-ayat mereka sendiri tetapi kita adalah ditugaskan untuk memberikan bimbingan kepada mereka. Tugas ini kita kongsi bersama dengan para guru kerana anak-anak menghabiskan hampir separuh daripada masa mereka di sekolah. Kita perlu tahu cara-cara untuk memberikan bimbingan kepada kanak-kanak atau murid-murid mengenai penggunaan bahasa yang betul. Kita juga perlu tahu untuk menarik perhatian mereka dengan pelbagai teknik mengajar dan penyusunan bilik darjah yang berseesuaian.

Perkembangan bahasa melibatkan pertuturan, perbualan, gerak-geri kanak-kanak untuk menyampaikan maklumat kepada orang lain. Ia adalah selari dengan perkembangan

(kognitif), sosial, emosi dan fizikal. Mendidik kanak-kanak dengan penggunaan bahasa yang betul dan mengajarkan mereka untuk menggunakan bahasa pelat dengan tujuan memudahkan mereka memahami apa yang ingin disampaikan adalah satu cara yang salah.

Apabila murid bertutur dengan pelat, sebagai guru haruslah bercakap dengan menggunakan bahasa yang betul. Latih tubi akan membantu murid-murid yang pelat ini menggunakan bahasa yang betul. Satu yang perlu diingat, jangan perkecilkan murid-murid yang tidak mampu bercakap dengan betul kerana ini boleh merencatkan keyakinan diri mereka untuk berkomunikasi dengan orang lain.

Sebagai seorang guru, setiap perkembangan yang dilalui oleh murid harus diperhatikan. Ini kerana jika ada di antara perkembangan ini yang terencat, harapan kita untuk melahirkan atau menjadikan murid-murid yang cergas dan pintar mungkin tidak akan tercapai. Tahap perkembangan murid-murid ini begitu penting untuk diambil perhatian kerana melalui ini kita dapat mengenal pasti keupayaan dan kebolehan murid.

Kerana setiap murid mempunyai keupayaan dan kebolehan yang berbeza, maka sebagai guru haruslah dapat mengenal pasti keupayaan dan kebolehan murid. Penelitian sebegini juga akan membantu para guru khususnya untuk mengenal pasti kelemahan murid dan mencari jalan untuk mengatasinya. Dalam hal ini, guru berperanan untuk menyediakan rangsangan yang berseesuaian bagi memastikan murid mendapat bimbingan dengan sewajarnya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Rahman, 1996. Kamus Baku Federal, Federal Publication Sendirian Berhad, Selangor Darul Ehsan.
- Asmah Haji Omar, 1993. Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Gail E. Tompkins, California State University, Fresno, Kenneth Hoskisson, Virginia Polytechnic Institute and State University, 1991. Language Arts Content and Teaching Strategies, Macmillan Publishing Company United States of Amerika.
- James Flood, Boston University dan Diane Lapp, San Diego State University, 1981. Language/Reading Instruction For The Young Child, Macmillan Publishing Company, New York, Collier Macmillan Publishers, London.
- W.F. Connell, 1981. Asa Pendidikan.

Didik anak-anak dengan ilmu agama dan ilmu dunia

MARILAH kita sentiasa bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala iaitu dengan menjalankan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya. Dengan bertakwa itulah yang dapat menimbulkan kesedaran untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala kerana yang demikian itu merupakan bekal yang baik untuk kehidupan dunia lebih-lebih lagi di akhirat nanti.

Anak merupakan anugerah yang sangat berharga dari Allah Subhanahu Wataala. Ia merupakan amanah Allah yang mesti dijaga dengan sempurna, diberi pendidikan yang padu dan mantap.

Namun begitu sebahagian manusia tidak dapat mengimbangi dalam soal memelihara anak, ada yang terlalu sayang kepada anaknya diberi kewanjaan yang begitu tinggi sehingga menjadikan anak rosak pada masa hadapannya, di mana mereka berkemungkinan akan menjadi golongan belia remaja yang tidak tahu untuk hidup berdikari, terlalu bergantung kepada orang tua, kurang bijak dalam mengendalikan soal kehidupan dan akhirnya akan menjalani kehidupan ini tanpa mengetahui matlamat yang sebenar lagi hakiki. Di samping itu ada juga terdapat golongan ibu bapa yang bersikap terlalu kejam kepada anak-anak dan didera dengan pelbagai cara. Cara yang demikian bukannya dapat membentuk anak tersebut menjadi baik sebaliknya akan membesarkan sama ada menjadi seorang yang sentiasa hidup dalam tekanan dan ketakutan ataupun menjadi sebagaimana sikap kedua ibu bapanya dan kemungkinan besar mereka akan mencontohi cara pendidikan kejam ibu bapa mereka terhadap anak-anak mereka pula.

Dari itu pembentukan peribadi seorang anak tersebut perlu dibentuk dari kecil lagi dan sebaik cara ialah kita kembali kepada konsep pendidikan yang telah digarap dan diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu suatu konsep yang berlandaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah.

Bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebung'. Dari itu pendidikan pertama yang perlu kita ajarkan pada anak-anak ialah memperkenalkan mereka kepada Allah Subhanahu Wataala, Tuhan yang berkuasa kepada sekalian makhluk dan seluruh alam ini dan tiada yang berkuasa melainkan Allah Subhanahu Wataala. Dengan yang demikian akan menghidupkan jiwa taahid ke dalam diri mereka sekali gus kehidupan mereka akan dipimpin dengan ikatan iman yang teguh terhadap

Allah Subhanahu Wataala dari kecil lagi. Dan juga kita seharusnya memperkenalkan anak-anak dengan kalimah "Lailaha illallah" sebagaimana saranan yang dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam maksud sabdanya:

"Bukankah hati anak-anak kamu itu dengan ucapan yang pertama sekali iaitu Lailaha illallah." - Diriwayatkan oleh Al-Hakim daripada Ibnu Abas Radiallahuanhu.


Namun di era mengejar arus pemodenan ini menjadikan sebilangan ibu bapa lebih senang mendidik anak-anak mereka secara kebaratan, bangga jika anak-anak dapat bertutur dalam bahasa asing sehingga ada di antara anak-anak tersebut kurang kemahiran untuk bertutur dalam bahasa ibunda sendiri apatah lagi untuk membaca ayat-ayat suci Al-Quran. Dari kecil anak-anak diperkenalkan kepada ce-

SEPATUTNYA anak-anak perlu juga dididik dengan ilmu agama berganding sama dengan ilmu dunia supaya mereka dapat mengimbangi antara kemewahan dunia dan akhirat. Jika tidak pastinya anak-anak tersebut akan lebih suka mengejar kepuasan material dari spiritual, lebih senang mengejar kesenangan dunia dari kesenangan akhirat yang kekal abadi.

rita-cerita dongeng yang pastinya kadang-kadang sebahagian cerita tersebut tidak dapat diterima oleh akal dan hanyalah merupakan khayalan semata-mata, di mana akhirnya anak-anak akan hanyut dalam dunia yang fantasi, dianggapnya benar terjadi dalam satu kenyataan. Sepatutnya kita mendedahkan kepada mereka sejarah Nabi dan Rasul, orang-

orang salih, pahlawan-pahlawan dan tokoh-tokoh di kalangan orang-orang Islam sebagai panduan hidup dengan itu dapatlah mereka membesar menjadi remaja belia Muslim yang sempurna.

Ibu bapa sering menasihati anak-anak supaya belajar bersungguh-sungguh hingga ke peringkat yang tinggi dengan harap-



an agar mereka dapat menjawab jawatan yang baik apabila dewasa kelak serta dapat memiliki kehidupan yang mewah di dunia ini, akan tetapi sebahagian kecil dari mereka lupa untuk menggarap ajaran ilmu agama ke dalam jiwa anak-anak mereka kerana leka dan terlalu ghairah agar anak-anak mereka berjaya dalam ilmu dunia-wi sahaja.

Sepatutnya anak-anak perlu juga dididik dengan ilmu agama berganding sama dengan ilmu dunia supaya mereka dapat mengimbangi antara kemewahan dunia dan akhirat. Jika tidak pastinya anak-anak tersebut akan lebih suka mengejar kepuasan material dari spiritual, lebih senang mengejar kesenangan dunia dari kesenangan akhirat yang

kekal abadi.

Sesungguhnya cabaran terbesar yang dihadapi oleh anak-anak di masa ini ialah sistem penyebaran maklumat yang serba canggih yang wujud pada masa ini, di samping perubahan yang berlaku di sekeliling kita. Jangankan anak-anak dan golongan remaja belia berkemungkinan akan hanyut dengan pemodenan ini, kita pun juga pastinya turut terjejak jika tidak mengambil sikap berhati-hati dan berwaspada. Jikalau iman dan takwa menjadi benteng kita insya-Allah kita akan dapat menghindarkan diri dari terjerumus ke dalam keasyikan ciptaan manusia. Ini kerana sistem maklumat bukan sahaja mendedahkan kita kepada perkara yang berguna lagi bermanfaat tetapi juga kepada keburukan jika disalahgunakan.

Selain dari itu kesan dari perubahan global juga merubah gaya hidup dan akhlak komuniti masyarakat kepada lebih bebas dan berani, pakaian menjolok mata sudah menjadi trend, tutur kata yang kurang sopan dan lucah serta sumpah seranah menjadi mainan di mulut-mulut, keganasan berlaku di mana-mana dan adab sopan santun sudah tidak lagi menjadi pakaian peribadi. Dari itu anak-anak perlu dididik dengan agama Islam yang sebenar sebagaimana yang dianjurkan dalam Al-Quran dan Sunnah Nabi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya mereka dapat membezakan antara yang baik dan sebaliknya serta dapat menangkis dan menahan diri dari terjebak ke

dalam kemusnahan tersebut. Ini kerana jika diteliti, golongan kanak-kanak dan belia remajalah yang paling mudah terpengaruh dengan permasalahan tersebut.

Kita sebagai ibu bapa sudah setentunya mahukan yang terbaik untuk anak-anak kita sama ada dari segi pendidikan agama dan ilmiah, akhlak dan peribadi. Dengan terbentuk peribadi yang mulia yang disemai dari kecil akan berkembang menjadi belia yang dikehendaki oleh Islam, berjiwa jihad terhadap agama dan negara, berakhlak mulia, mentaati suruhan agama, menjauhi yang mungkar serta terhindar dari gejala-gejala yang tidak sihat dan tidak bermoral, pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara, kerana itu golongan remaja merupakan aset berharga kepada negara, dan kepada merekalah bakal diletakkan teraju pemerintahan negara dan akhirnya akan terbinalah nanti generasi contoh yang boleh diharapkan untuk membina sebuah negara yang maju dan makmur.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Tahriim ayat 6 yang tafsirannya:

"Hai orang-orang yang beriman, peliharalah diri-mu dan keluargamu dari Neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya Malaikat-malaikat yang kasar, yang keras yang tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan."

وقت سبهيخ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبهيخ، امساک، شوروق دان ضحی باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 26 ذوالقعدة، 1423 برسان دغن 29 جنوري، 2003 هيگگ کهاري ثلاث، 2 ذوالحجه، 1423 برسان دغن 4 فيبروري، 2003 اداله سرفت دباوه اين :-

هجرة	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
درالتمه									جنوري
26	12.35	3.56	6.31	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	29
27	12.35	3.56	6.31	7.43	5.06	5.16	6.36	7.00	30
28	12.35	3.56	6.31	7.44	5.06	5.16	6.36	7.00	31
29	12.35	3.57	6.32	7.44	5.06	5.17	6.36	7.00	فيبروري
30	12.35	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	1
درالحجه									2
1	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	3
2	12.36	3.57	6.32	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	4

وقت ۲ سبهيخ باکي دائره توتوغ دغه ساتو مينيت دان دائره بلايت دغه تيگ مينيت، سبهيخ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تقياري.

HARTA KANAK-KANAK DAN JANIN: Adakah Diwajibkan Zakat?

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihiie Waman Walah.

HARTA merupakan di antara nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wa taala kepada hamba-hamba-Nya, dan adalah menjadi tanggungjawab setiap hamba yang dikurniakan harta itu pula untuk mentadbirnya dengan baik dan bijaksana, seperti membelanjakannya kepada perkara-perkara yang dibenarkan, memberi nafkah kepada orang yang di bawah tanggungan, tidak membazir, menyalurkannya sebagai sumbangan atau bantuan dan apa-apa jua yang patut dilakukan mengikut landasan syarak termasuklah mengeluarkan zakatnya.

Oleh itu, setiap hamba Allah mempunyai tanggungjawab tersendiri terhadap harta benda di bawah penyalurannya

dan seterusnya berpeperanan untuk menunaikan tanggungjawab tersebut. Tanggungjawab yang dipikulkan itu telah dipeperuntukkan oleh syarak melalui dalil-dalil yang diwahyukan kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sama ada Al-Quran ataupun As-Sunnah, di antaranya:

Firman Allah Taala yang tafsirnya: "Berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dari harta benda (pemberian Allah) yang dijadikannya kamu menguasai sebagai wakil." (Surah Al-Hadid, ayat 7).

Firman Allah Taala di dalam ayat yang lain yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah

Bilangan 151 Bahagian Pertama

(pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu." (Surah Al-Baqarah, ayat 267).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: bermaksud: "Setiap pemilik emas dan perak yang tidak mahu menunaikan haknya (mengeluarkan zakatnya) pasti pada Hari Kiamat nanti disediakan baginya kepingan-kepingan besi daripada api, lalu dipanaskan kepingan-kepingan itu di dalam Api Neraka, kemudian diseterika rusuk, dahi dan punggungnya dengan kepingan-kepingan panas tersebut. Setiap kali kepingan-kepingan itu menjadi sejuk lalu dipanaskan semula. Hal

ini terjadi di mana sehari pada masa itu menyamai tempohnya dengan lima puluh ribu tahun, dan (hal itu) terus-menerus berlangsung sehinggalah perhitungan yang dibuat kepada setiap hamba selesai. Maka selepas itu, barulah dia nampak ke manakah jalan yang ditunjanya, sama ada ke Syurga ataupun ke Neraka." (Hadis riwayat Muslim).

Sehubungan dengan itu, zakat adalah di antara tanggungjawab dan merupakan salah satu komponen dalam Rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap Muslim yang merdeka (bukan hamba). Di samping tujuan induk menunaikan zakat itu sebagai menjunjung perintah Allah, ianya juga bertujuan untuk membersihkan pembarinya daripada dosa, supaya harta menjadi berkat dan membantu orang-orang yang memerlukan daripada golongan yang ditentukan oleh

syarak.

Sebagaimana dimaklumi bahawa kanak-kanak merupakan golongan yang tidak termasuk di dalam kategori orang mukalaf. Maka tuntutan syarak seperti ibadat sembahyang, puasa dan haji tidak diwajibkan ke atas kanak-kanak, kerana di antara syarat wajib ibadat itu hendaklah seorang itu mukalaf yakni berakal dan baligh. Oleh itu, tiga jenis ibadat tersebut tidaklah diwajibkan kepada kanak-kanak yang belum mencapai peringkat umur baligh. Apakah kewajipan zakat juga mengenakan syarat yang serupa (baligh)?

ZAKAT HARTA KANAK-KANAK

Sebelum itu, ada baiknya kita mengenali siapa yang dikatakan sebagai kanak-kanak pada pandangan syarak. Orang yang dikatakan sebagai kanak-kanak itu pada pandangan syarak ialah orang

لِرَّسَالَةِ الْخَلْقِ

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

yang pada peringkat umur semenjak lahir sehinggalah dia baligh. Dalam konteks ini termasuklah mereka itu kanak-kanak yang masih mempunyai ibu bapa dan yang tidak mempunyai ibu bapa iaitu anak yatim.

Sebagaimana menurut pendapat yang didukung oleh majoriti para ulama termasuk para ulama dalam Mazhab

Syafie bahawa kanak-kanak yang mempunyai harta yang telah mencapai nisab dan cukup haul, yakni genap satu tahun Hijrah adalah wajib dikeluarkan zakat daripada hartanya itu. Ini bermakna, mukalaf bukanlah merupakan sebahagian daripada syarat wajib zakat.

Bersambung

منوچو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

Ilmu akademik cabang dari Al-Quran

ZAMAN persekolahan adalah peluang keemasan untuk menimba ilmu pengetahuan, bermula dari peringkat tadika, rendah, menengah, pengajian tinggi dan sehingga ke akhir hayat. Menuntut ilmu tiada mempunyai masa yang terhad. Kita menuntut ilmu bukan hanya setakat belajar formal saja seperti di sekolah-sekolah atau pusat-pusat pengajian tinggi. Persekolahan itu hanya sebagai tempat untuk memudahkan pelajar agar mereka belajar mengikut sistem pelajaran yang telah disesuaikan mengikut peringkat-peringkat umur.

Kemudahan ini begitu berharga untuk diraih dan teramat rugilah bagi pelajar yang mengabaikannya begitu saja. Dalam soal pendidikan pula, seperti yang kita tahu bahawa sebaik-baik waktu untuk mendidik anak adalah sedari mereka kecil lagi. Ini bersesuaian dengan pepatah lama orang-orang Melayu kita iaitu 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'.

Sebagai umat Islam, kita dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjalani kehidupan ini dengan berpegang kepada dua sumber iaitu Al-Quran dan Sunnahnya. Sesungguhnya isi di dalam Al-Quran itu mencakupi semua perkara di dalam kehidupan manusia, sama ada dari segi ibadat, muamalat, jena-i, siyasah, sains, geografi dan sebagainya. Ilmu-ilmu tersebut telah dipecahkan mengikut jenis-jenisnya seperti ilmu ibadat dengan kaedah-kaedah dan dalil-dalilnya, muamalat dengan kaedah-kaedah dan dalil-dalilnya, ilmu sains dengan kaedah-kaedah dan dalil-dalilnya, ilmu alam dengan kaedah-kaedah dan sebagainya.

Sejak dari dulu lagi mata pelajaran akademik di sekolah-sekolah mahupun di pusat-pusat pengajian tinggi, tidak dikaitkan kajiannya dengan sumber yang asal iaitu Al-Quran. Seolah-olah mata pelajaran akademik itu adalah ilmu yang terpisah dari sumber asalnya, dan 'keterpisahan' ini juga seolah-olah menyebabkan pelajar-

pelajar dalam bidang akademik beranggapan bahawa bidang mereka itu tiada berkaitan dengan Islam. Sudah setentunya mereka juga berpendapat bahawa pelajaran akademik itu adalah ilmu ciptaan manusia. Padahal tanpa disedari ianya adalah hasil renungan para pengkaji-pengkaji Barat terhadap ciptaan-ciptaan Allah Subhanahu Wataala. Sayangnya kaedah renungan yang menjadi amalan dalam kehidupan Nabi junjungan kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dahulu hanya banyak dipraktikkan oleh orang-orang yang bukan Islam. Bagaimana kalau kita menebus semula kelalaian kita itu dengan menyedarkan semula umat Islam dari dilema tersebut?

Pada hari ini, kita juga tidak ketinggalan dalam menggunakan teknologi maklumat yang telah dipelbagaikan caranya.

Generasi yang pernah belajar mengenai subjek-subjek akademik juga semakin banyak mengetahui hal-hal kejadian manusia dan alam. Akan tetapi mereka perlu diingatkan bahawa mata pelajaran akademik tersebut adalah mata pelajaran yang dikembangkan melalui Al-Quran, dan bukannya ilmu-ilmu berbentuk ibadat sahaja yang terkandung di dalam Al-Kitab tersebut. Kita mesti berfikir positif bahawa dengan cara ini akan dapat melahirkan generasi yang bukan sahaja berpengetahuan dalam bidang-bidang akademik, bahkan juga mereka sentiasa merujuk kepada indung segala ilmu iaitu Al-Quran dalam setiap kajian mereka.

Untuk merealisasikan iltizam ini, adalah sangat perlu disadurkan dalam setiap mata pelajaran akademik tersebut dalil-dalil dan bukti-bukti melalui ayat-

ayat Al-Quran atau sumber rujukan Islam yang lain. Mungkin pada peringkat awal ianya nampak susah kerana pihak yang bertanggungjawab dalam susunan dan sukatan pelajaran akan terpaksa merombak dan membuat penyusunan semula. Tetapi semua ini adalah semata-mata untuk membina semula kegemilangan Islam yang mana sekarang ini kelihatan semakin malap, dan juga untuk menyelaraskan lagi pelajaran akademik mengikut aliran konsep negara iaitu Melayu Islam Beraja. Perkara ini hendaklah dilakukan dari peringkat yang rendah hingga seterusnya agar para pelajar dapat membiasakan diri untuk sentiasa menjadikan Al-Quran sebagai sumber rujukan pertama, kerana di dalam ayat-ayatnya itu banyak mengandungi maksud-maksud mendalam yang perlu dikuasai lagi.

Pendidikan dari awal amat berkesan seperti yang dilafazkan oleh pepatah Melayu di perenggan awal tadi. Semoga dengan cara ini akan melahirkan para cendekiawan yang Islami. Biarlah ahli genius umat Islam dikenali sebagai ahli saintis, ahli geologis Islami, ahli ekonomis dan sebagainya.

Sebagai sebuah negara Islam, kita patut bersama-sama berganding bahu dalam menonjolkan keislaman dalam budaya kita. Sebagai seorang Islam juga kita patut bermal secara Islami dan bukannya secara sekularisme. Inikan pula dalam melahirkan generasi untuk pengganti kita di masa depan. Kita janganlah beranggapan bahawa menggandingkan setiap perkara itu dengan cara Islam bukanlah sesuatu yang kolot dan ketinggalan zaman.

Tanggapan orang mengenai Islam sebagai agama yang kolot adalah satu kesalahan yang amat besar sama sekali. Walhal Islam itu tidak akan pernah 'lapuk dek hujan dan takkan lapuk dek panas', kerana ajaran-ajaran Islam itu adalah sesuai untuk semua keadaan, sehinggalah ke Hari Perhitungan.

TANGGAPAN orang mengenai Islam sebagai agama yang kolot adalah satu kesalahan yang amat besar sama sekali. Walhal Islam itu tidak akan pernah 'lapuk dek hujan dan takkan lapuk dek panas', kerana ajaran-ajaran Islam itu adalah sesuai untuk semua keadaan, sehinggalah ke Hari Perhitungan.

Bergerak maju ke arah kecemerlangan

GADONG, 12 Januari. - Ahli-ahli pengakap di seluruh negara di tekankan supaya bergerak maju dengan wawasan ke arah kecemerlangan diri selaras dengan tema Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, 'Bersatu Ke Arah Kecemerlangan Pengakap'.

Perkara itu ditekankan di Majlis Ramah Mesra Pengakap Berhari Raya anjuran Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap di sini.

Timbalan Setiausaha Agung Persekutuan Pengakap, Awang Haji Mohd. Yusof bin Mohd. Salleh semasa menekankan perkara itu juga mengingatkan ahli pengakap supaya berubah dan

Oleh Aliddin HM

meningkatkan lagi daya pemikiran dan personaliti mereka ke arah yang lebih maju, mantap dan berpancangan jauh ke hadapan dengan visi yang lebih jelas.

"Kitani harus pandai mengamati keadaan semasa dan perkembangan-perkembangan baru sekali gus membuat perubahan-perubahan yang perlu agar lebih bermanfaat bukan sahaja untuk Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam bahkan untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam keseluruhannya," jelas beliau.

Beliau menambah, ahli-ahli pengakap juga seharusnya banyak belajar dari orang yang lebih arif dan pandai dan memberi

waktu untuk lebih peka terhadap perkara-perkara baru serta bersedia untuk ditegur apabila ada kekurangan.

Selain itu, tambah beliau, mereka juga harus dapat menyesuaikan diri mengikut keadaan semasa dan persekitaran yang lebih mencabar di samping disiplin diri mestilah dipertingkatkan pada setiap masa agar imej pengakap akan lebih terangkat.

Majlis Ramah Mesra Pengakap Berhari Raya diharap akan dapat mengukuhkan hubungan di kalangan ahli-ahli pengakap sendiri.

Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam juga telah menganjurkan beberapa kegiatan termasuk basikalton dan kempen kebersihan yang diadakan di seluruh negara.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika hadir di Majlis Ramah Mesra Pengakap Berhari Raya anjuran Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam. Majlis berlangsung di Dewan Serbaguna Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap, Gadong. - Gambar oleh Masri Osman.

Majlis Doa Selamat bagi bakal-bakal haji

Oleh
Hj. Ahmad HS



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan derma kepada seorang bakal jemaah haji Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Masri Osman.

BERAKAS, 16 Januari. - Seramai 1,090 orang bakal-bakal haji Negara Brunei Darussalam akan menunaikan ibadat haji pada tahun ini, di mana rombongan pertama akan meninggalkan negara ini pada petang Hari Ahad dengan menggunakan pesawat khas Penerbangan Diraja Brunei.

Menjadi kebiasaan orang-orang kita di negara ini pelbagai majlis turut diadakan seperti Majlis Doa Selamat bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wataala supaya mereka yang menunaikan ibadat itu selamat pergi dan kembali ke tanah air dengan mendapat haji yang marbur.

Sehubungan itu Kementerian Kesihatan mengadakan majlis serupa bagi pegawai-pegawai dan kakitangannya yang akan menunaikan ibadat haji mahupun yang akan bertugas sebagai Pegawai Perubatan di Tanah Suci.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menjadi tetamu kehormat di majlis itu.

Atur cara di majlis itu antaranya termasuklah penyampaian derma kepada 21 orang bakal-bakal haji terdiri pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sementara itu majlis diselenggarakan bagi Pegawai Perubatan seramai enam orang dan 20 jururawat yang akan bertugas di Tanah Suci.

Akidah kukuh asas kekuatan ummah

JERUDONG, 19 Januari. - Pengukuhan akidah umpama membangun sebuah rumah yang mesti dimulakan dari asasnya kerana apabila asasnya kuat dan kukuh, maka akan kuatlah keadaan ummah, namun apabila asasnya rapuh, akan lemahlah keadaan mereka.

Perkara tersebut di-

nyatakan oleh Awang Zulkifli bin Haji Murad, Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam, Jerudong selaku Pengerusi Bengkel Pengukuhan Akidah Belia-belie Masjid, Surau dan Balai Ibadat bagi Daerah Brunei dan Muara berlangsung di masjid berkenaan.

Akidah merupakan be-

Oleh
Siti Aishah HS

kalan hidup yang paling utama bagi seluruh manusia dan kejayaan serta kebahagiaan hidup seorang manusia di dunia dan di akhirat sangat bergantung kepada kesucian dan kemurnian aqidahnya, katanya.

Ke arah itu, beliau menyeru akidah perlu dikuatkan apatah lagi dalam zaman globalisasi ini, pelbagai pengaruh yang datang mempengaruhi jiwa manusia terutama para belia sama ada pengaruh tersebut datangnya melalui media massa atau cetak.

Dari itu, katanya kemantapan akidah dan iman

mengambil peranan yang sangat penting bagi menghadapi pengaruh-pengaruh luar yang menjadi penyebab sesebuah bangsa dan masyarakat menjadi lemah, justeru kemantapan kedua-duanya adalah senjata bagi orang-orang yang beriman dalam menghadapi cabaran zaman ini.

Melalui usaha Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam, Kampong Jerudong, telah mengambil inisiatif di dalam merealisasikan hasrat yang murni tersebut melalui para belia masjid dengan mengadakan bengkel seperti itu.

Tujuan bengkel sehari itu diadakan ialah untuk mengenalkan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah di kalangan para belia masjid dan membetulkan akidah yang bercanggah yang boleh menjejaskan keimanan seseorang Muslim sejati

dan seterusnya menghubungkan lagi tali silaturahmi sesama para belia.

Semasa bengkel tersebut, dua sesi ceramah telah diperdengarkan. Ceramah pertama bertajuk 'Membagikan Masa Belia Ke arah Program Berkebaikan' yang disampaikan oleh Ustaz Haji Zawawi bin Haji Mohd. Taib, Imam Masjid Kampong Lambak dan ceramah kedua bertajuk 'Mengenali Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah' yang disampaikan oleh Ustaz Haji Ismail bin Mohd. Arif, penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di akhir bengkel tersebut para belia menerima sijil masing-masing yang disampaikan oleh Pengerah Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Yusof, yang juga selaku tetamu kehormat di majlis berkenaan.



PARA belia dari Daerah Brunei dan Muara ketika menghadiri Bengkel Pengukuhan Akidah Belia-belie Masjid, Surau dan Balai Ibadat. Majlis berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam, Jerudong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Pelajar lepasan teknikal dan vokasional digalakkan mengisi pekerjaan tetap projek-projek LPEB

SERIA, 20 Januari. - Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei (LPEB) baru-baru ini telah mengatakan bahawa perancangan mempelbagai ekonomi negara pelaburan yang bernilai AS\$4.5 bilion telah dikenal pasti bagi Kawasan Perindustrian Sungai Liang dan Pelabuhan di Pulau Muara Besar.

Sehubungan itu, lepasan pelajar teknikal dan vokasional diharap akan dapat mengisi projek-projek LPEB dijangka akan dapat menempatkan pekerjaan tetap tempatan seramai 6,000 menjelang tahun 2008.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengetua Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Cikgu Haji Abdul Latif bin

Oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

Abu Bakar di Majlis Pembukaan Rasmi Minggu Suai Kenal Pelajar Baru Pengambilan Ke-13 Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah.

Menurut Pengetua sekolah berkenaan, pada masa ini ramai belia yang menganggur dan mencari pekerjaan jika mereka tidak mempunyai kemahiran dan kelulusan mungkin mereka susah untuk diterima bekerja oleh majikan.

Sehubungan itu beliau menekankan bahawa peluang pekerjaan masih terbuka luas kepada lepasan pelajar sekolah yang berkelayakan dan berkemahiran untuk

menggantikan 40,000 pekerja asing yang masih bekerja di negara ini.

Oleh itu beliau menyarankan lepasan pelajar teknikal dan vokasional di samping mencari pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta mereka hendaklah menceburi diri dalam perusahaannya persendirian.

Untuk itu, mereka diberi peluang mengikuti kursus keusahawanan yang dikendalikan oleh Bahagian Latihan Keusahawanan, Jabatan Pendidikan Teknik dan Livewire yang dikendalikan oleh Syarikat Minyak Brunei Shell, katanya.

Katanya lagi, sekolahnya mempunyai hubungan rapat dengan syarikat dan jabatan kerajaan. Melalui hubungan tersebut lebih 90 buah syarikat dan jabatan kerajaan telah menerima pelajar sekolah berkenaan untuk menjalani penempatan industri dan melalui Jabatan Pendidikan Teknik sekolah itu juga telah menandatangani perjanjian dengan beberapa buah syarikat bagi penempatan perantisan pelajar.

"Dengan penglibatan dan sokongan yang padu dari jumlah yang besar dari syarikat dan jabatan kerajaan ini menunjukkan sekolah ini akan dapat menuju ke arah perkembangan dan kemajuan yang lebih tinggi di masa akan datang," katanya.

Menyentuh mengenai disiplin kedatangan pelajar, beliau menegaskan bahawa kedatangan mereka yang kurang dari 85 peratus sebulan akan diambil tindakan umpamanya surat pemberitahuan pertama, kedua dan ketiga akan dikirim kepada ibu bapa untuk memberi makluman serta berbincang mengenai kedudukan anak mereka dan jika berterusan, pelajar terbabit akan diberi amaran dan kemungkinan akan diberhentikan dari mengikuti kursus.

Oleh itu beliau berharap pada ibu bapa dan penjaga pelajar serta pengajar supaya bekerjasama dengan pihak sekolah di semua bidang terutama di segi kedatangan pelajar dan menjauhkan mere-

ka dari perkara yang tidak diinginkan.

"Pelajar-pelajar sekolah ini bernasib baik kerana sekolah ini mempunyai kemudahan dan peralatan yang baik, moden dan terkini serta keadaan persekitaran yang aman, bersih dan menjadikan sekolah ini selesa dan sesuai bagi semua pelajar memperolehi ilmu pengetahuan dan kemahiran," jelasnya.

Dari itu beliau berharap, semua pelajar supaya akan dapat memanfaatkan segala kemudahan, peralatan dan persekitaran tersebut untuk kecemerlangan pelajar dan sekolah.

Selain itu beliau juga menasihati setiap pelajar terutama pelajar baru supaya

menjauhkan diri dari gejala yang kurang sihat yang berlaku di persekitaran mereka serta sentiasa patuh mengikuti peraturan dan disiplin sekolah.

Seramai 81 pelajar dari 125 pemohon telah diterima bagi pengambilan ke-13 sesi 2003/2004 selama lebih setahun termasuk latihan industri di jabatan kerajaan dan syarikat tempatan di Daerah Belait. Sebanyak lapan jenis kursus ditawarkan kepada mereka antaranya Sijil Kebangsaan Teknikal dalam jurusan pengemplan, mekanik kenderaan, membaiki badan kenderaan, hawa dingin dan peti sejuk, pembuatan pakaian dan Sijil Kebangsaan Vokasional dalam jurusan perkeranian.

Timbalan Pengetua (Pendidikan dan Latihan) sekolah berkenaan, Cikgu Haji Ramli bin Haji Mahmud dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang diterima itu merupakan pemohon yang sangat bernasib baik kerana terpilih mengikuti dalam bidang yang diminati demi di masa depan.

Bagaimanapun katanya, perkara tersebut bergantung kepada kerajinan dan ketekunan pelajar itu sendiri dalam mempelajari bidang yang diceburi. Sekolah tersebut merupakan pilihan yang tepat yang menawarkan pelbagai jenis kursus kemahiran bagi membolehkan mereka mempelajari dan menimba ilmu yang berguna dan mempertingkatkan taraf hidup yang lebih menjamin masa depan melalui kelulusan dan kelayakan yang diijazati.



PELAJAR-PELAJAR baru Pengambilan Ke-13 Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Seria ketika menghadiri Minggu Suai Kenal yang berlangsung di sekolah tersebut pada 20 Januari lepas. - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Brunei sentiasa menyokong usaha kekalkan keamanan

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Memberigakan Sambutan Hari Kebangsaan'. Tarikh tutup 8 Februari 2003.
2. 'Huraikan Tema Hari Kebangsaan Tahun Ini : Bangsa Berilmu Negara Maju'. Tarikh tutup 15 Februari 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

PENGLIBATAN Negara Brunei Darussalam dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sememangnya sesuatu yang bermanfaat dan bermakna. Sejak menganggotai PBB pada 21 September 1984 Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan yang tersendiri, selain turut menyumbang dalam pelbagai aspek dan selaras dengan prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Dalam tempoh tersebut Negara Brunei Darussalam mampu meraih imej terbaiknya dan membuktikan penglibatannya di arena antarabangsa.

Sebagai negara anggota, Negara Brunei Darussalam menyokong dan mengulangi usaha-usaha mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa, sebagaimana tujuan badan dunia tersebut untuk mencari serta mengekalkan perdamaian di dunia dengan pendekatan permuafakatan, perundingan serta pertukaran pemikiran sesama anggota PBB. Pencapaian kemerdekaan dan keadaan negara yang berjalan dengan aman dan tenteram, ditambah dengan kebijaksanaan pimpinan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membolehkan negara untuk berperanan lebih aktif. Ini dapat dibuktikan dengan usaha untuk menubuhkan lebih banyak hubungan dengan negara-negara sahabat dan negara anggota PBB yang lain, sama ada secara dua hala, pelbagai hala atau hubungan diplomatik.

Melihat kepada kepentingan sejagat dan pelbagai aspek seperti sosial, ekonomi, politik, keselamatan, pembangunan dan persekitaran, Negara Brunei Darussalam turut menghormati dan mengekalkan persamaan taraf dan kedaulatan semua negara anggota PBB, di samping memenuhi tanggungjawab menurut piagam, dengan perasaan dan semangat terbaik-baik serta tidak terlibat dengan kekerasan terhadap kemerdekaan sebarang negara ataupun yang menyalahi tujuan.

Dengan pengiktirafan keanggotaan sebagai ahli ke-159 PBB, Negara Brunei Darussalam turut menyumbang pelbagai bantuan sama ada bantuan kewangan, kemanusiaan atau sokongan moral dan pendirian negara. Hanya dilak-

sanakan bukan saja dari semasa ke semasa, bahkan mengikut keperluan dan kepentingan bersama antara-bangsa dan sejagat yang melibatkan anggota PBB. Kepekaan negara kepada negara-negara yang mengalami kemiskinan, keburluan, bencana alam dan seumpamanya turut dibantu dan disalurkan melalui pertubuhan-pertubuhan berkaitan PBB, seperti UNICEF, UNCHR dan FAO. Sumbangan ke arah kesejahteraan sejagat ini memang dapat dibuktikan, seperti penglibatan serombongan anggota keselamatan negara di Kemboja, pada satu ketika dulu, yang turut bertugas mengawasi proses pilihan raya.

Peranan dan sumbangan negara juga dapat dilihat dari penglibatan negara di forum-forum antarabangsa. Pendapat dan pendirian negara juga disuarakan di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan setiap tahun, untuk sama-sama menangani masalah dan isu-isu antarabangsa seperti Timur Tengah, keganasan atau yang melibatkan resolusi-resolusi tertentu dan kepentingan PBB. Selain itu, negara juga turut menyokong usaha menge-

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Peranan dan Sumbangan Brunei Dalam PBB'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

maskini dan pembaharuan jentera pentadbiran dan pengurusan PBB, seterusnya usaha-usaha pembangunan dan menangani arus globalisasi yang melanda negara-negara anggota.

Tegasnya, atas dasar kesejahteraan masyarakat dunia dan kepentingan bersama serta sebagai anggota PBB, Negara Brunei Darussalam memang turut berperanan dan menyumbang, walaupun hanya sebuah negara kecil. Komitmen ini dibuktikan dengan sokongan, pernyataan pendirian negara, bantuan-bantuan dalam pelbagai

aspek, selain usaha untuk meningkatkan imej negara di arena antarabangsa. Penglibatan ini sudah tentu mengikut kepentingan negara dan akan sentiasa menghadapi perubahan cabaran, sebagaimana juga PBB, sebagai badan dunia dengan pelbagai masalah dan cabaran dunia.

Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21 G, Kampong Burong Pingai Ayer, BM 1126.
No. k/p : 058132

REMAJA

KELIRU

Oleh H. A. Manap

MEMANG agak sukar untuk kita mengukur sejauh mana kemampuan remaja kita dalam menentukan hala tuju hidup mereka. Alam remaja ini memang merupakan alam yang agak berlaru apatah lagi pendedahan yang mereka lalui memang bukan merupakan suatu pendedahan yang sambil lewa akan tetapi ia amat mencabar kewibawaan dan kepayaan remaja itu dalam mempertahankan identiti mereka sendiri. Konsep berubah atau diubah agak sinonim dengan kehendak mereka yang ingin mencuba sesuatu yang baru. Kerana itu remaja sering merancang perubahan dan perubahan itu selalunya bermula dengan sesuatu sempena.

Misalnya setiap menjelang tahun baru memang akan ada sahaja keinginan untuk berubah dilakukan, sama ada perubahan itu baik ataupun merupakan perubahan yang terikut-ikut dari hasil pendedahan media dan pengetahuan melalui pembacaan. Akhirnya terjadilah perubahan secara 'segmental' dan tidak menyeluruh. Me-

reka juga jadi keliru sama ada perubahan yang mereka buat itu secocok atau sebaliknya. Rata-rata perubahan lahiriah lebih menghasilkan perubahan yang kurang cocok dengan budaya, adat resam dan naluri masyarakat.

Mungkinkah kerana dewasa ini orang tidak begitu 'ingau' dengan perubahan dan keolahan remaja yang semakin terikut-ikut menyebabkan remaja kita senang sahaja melakukan perubahan atau diubah zaman. Apa pun natijahnya kekeliruan yang dilalui oleh kalangan remaja kita masa

kini perlu kita perbetulkan segera. Kita berdepan dengan pelbagai kemudahan dan cara yang menyebabkan daya usaha kita semestinya lebih diaktifkan lagi berbanding zaman lima belas dan dua puluh tahun yang lampau.

Era remaja masa kini terlalu banyak yang memaksa kita menarik nafas panjang. Belum lagi kita berdepan dengan isu sosial dengan hanya melihat gelagat dan keolahan sesetengah mereka sudah menjadikan kita semakin gelisah dan resah dibuatnya. Banyak perkara perlu kita jadikan sebagai asas untuk mencari jalan bagaimana cara remaja kita dibentuk dengan lebih cermat dan tidak keliru dengan kehidupan yang dilaluinya.

Misalnya sahaja dahulu mungkin kita hanya akan menemui atau terserempak dengan remaja perempuan yang memiliki rambut yang diwarnakan dengan beraneka warna tetapi sekarang kita pula sudah berdepan dengan remaja lelaki yang mewarnakan rambut dengan beraneka corak. Lain lagi yang sudah bersubang atau memakai anting-anting menambahkan lagi gelisah dan gelisah yang kita alami. Sebenarnya perubahan sosial yang berlaku ke atas mereka ini merupakan hambatan hidup yang tidak mampu mereka hadang dari mempengaruhi diri mereka.

Lihat sahaja teman-teman mereka yang lain, masih lagi kukuh dan

mantap dengan pendirian mereka mengekalkan kehidupan sebagai seorang remaja yang menandai kehidupan berbudaya yang sihat. Apa pun yang berlaku sekarang ini terhadap diri mereka merupakan perubahan sosial dalam institusi masyarakat yang sedia ada. Mencorakkan semula kepada landasan yang selari dan serasi dengan budaya, adat dan suasana kehidupan masyarakat kitani, adalah menjadi tanggungjawab kita semua.

Kita perlu menanamkan nilai-nilai murni dan kehalusan budaya masyarakat kitani. Apa yang penting kita masih tidak kekurangan modal malah kita mempunyai kekuatan yang tidak ada

dalam masyarakat yang di luar kita iaitu nilai-nilai kemurnian akhlak yang Islami. Inilah yang sepatutnya kita tingkatkan dan usahakan penyerapannya di dalam setiap ruang lingkup kehidupan sebuah keluarga. Jika nilai keislaman dan kemurnian akhlak yang bersendikan keislaman tidak dipupuk dengan sebaiknya maka akan terhasil suatu kekeliruan di kalangan remaja kita. Kalau ini berlaku maka wujudlah 'pencemaran' nilai dalam kehidupan mereka iaitu antara yang murni dan ikutan.

Justeru, kita perlu melihat dengan lebih meluas lagi kerana pertembungan nilai dan kehendak sering mengelirukan kalangan remaja. Mereka menginginkan sesuatu yang baru dan seronok sedangkan nilai-nilai murni mempertahankan kebaikan dan etika kehidupan berakhlak yang tidak me-

mentingkan naluri keseronokan dan keselesaan.

Remaja juga perlu tahu dalam menilai kekeliruan dan perkara yang betul untuk diikuti atau dijadikan contoh. Harga kehidupan setiap remaja itu bukanlah perkara yang boleh dijual beli akan tetapi ianya bakaian mutiara yang berharga, jika kita gagal mengendalikan kehidupan semasa remaja ini maka kita tidak akan dapat mencapai kejayaan yang lebih di hari dewasa kelak. Kita tidak perlu bermula setelah usia matang atau dewasa dalam menentukan hala tuju kehidupan, akan tetapi kita perlu bersikap proaktif dalam menentukan corak kehidupan bagaimana yang sepatutnya kita lalui, adakah yang mengelirukan atau perjalanan yang betul yang terbentuk dari sikap kekuatan beragama dengan nilai akhlak yang mulia.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar ketika menyampaikan Bantuan Tambang Kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada seorang saudara baru. - Gambar oleh Masri Osman.



AWANG Haji Abdul Wahab, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei menyampaikan bantuan kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada seorang saudara baru wanita yang menunaikan ibadah haji tahun ini. - Gambar oleh Masri Osman.

Pengurniaan tambang beri peluang saudara Islam tunaikan haji

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 13 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan tambang-tambang haji kepada saudara-saudara baru adalah untuk memberi peluang kepada mereka bersama dengan umat Islam yang lain menunaikan fardu haji.

Ia juga dapat memberi penghayatan agama Islam terutama kepada saudara-saudara baru ke arah meningkatkan penghayatan Islam yang sempurna dan mantap bukan sahaja dari

segi akidah dan keimanan terhadap Allah Subhanahu Wataala tetapi dari segi pelaksanaan ibadah yang terdapat di dalam syariat Islam khususnya perlaksanaan Rukun Islam kelima iaitu menunaikan fardu haji ke Mekah.

Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar menjelaskan demikian di Majlis Penyampaian Bantuan Tambang Kur-

nia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kewangan kepada saudara-saudara baru yang akan menunaikan fardu haji pada tahun ini yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Seramai lapan orang saudara baru telah diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu haji

pada musim haji tahun ini.

Kurnia tambang itu berjumlah \$3,500.00 bagi setiap orang sebagaimana juga yang diberikan kepada para pegawai kerajaan yang telah berkhidmat lebih 15 tahun, satu keistimewaan yang diberikan kepada saudara-saudara baru ialah bahawa baginda dan atas sokongan Jawatankuasa Menimbang Permohonan Kurnia Tambang Haji Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan supaya tiap-tiap saudara baru diberikan bantuan bayaran pakej haji yang semuanya berjumlah \$6,800.00 iaitu \$3,500.00 adalah kurnia tambang baginda sementara tambahan bagi mencukupkan pakej haji ialah sebanyak \$2,800.00 yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Zakat MUIB.

Selain itu, mereka juga menerima bantuan wang saku untuk keperluan perbelanjaan semasa menunaikan fardu haji yang berjumlah \$2,000.00 bagi setiap orang yang juga dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Zakat MUIB.

Penyampaian bantuan telah disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar.



SERAMAI lapan orang saudara baru diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu haji tahun ini. Gambar atas kelihatan saudara-saudara baru tersebut bergambar ramai bersama Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). - Gambar ihsan MUIB.

Rahsia 9 kunci kecil membuka 9 pintu besar isu pengangguran

“SESUNGGUHNYA jika kamu menghendaki kebaikan dunia, hendaklah dengan ilmu, jika kamu menghendaki kebaikan akhirat, hendaklah dengan ilmu dan jika kamu menghendaki kebaikan kedua-duanya juga dengan ilmu.” - Maksud hadis.

Menuntut ilmu itu diwajibkan ke atas kaum lelaki dan perempuan. - Maksud hadis.

Tuntutlah ilmu walau ke negeri China. - Maksud hadis.

Tuntutlah ilmu sejak dari dalam buaian hingga ke liang lahad. - Maksud hadis.

RAHSIA LOMPAT KATAK 'ATAS' TEMPURUNG

Lompat katak saya dalam MLM bukan lompat katak sembarangan, bukan lompat katak bawah tempurung! Tetapi lompat katak atas tempurung! Saya orangnya 'terbuka' (open-minded). Walaupun saya sudah beberapa kali 'sign-up'. Keluar - masuk - keluar - masuk, antara dua MLM, sekerat jalan 'tidur', atas alasan yang sama 'wang gaji hanya cukup-cukup makan' bagi menyara anak seramai lima orang putera, satu lagi bakal muncul. Hendak beli produk tidak mampu. Sibuk dan tangguh. Tidak fokus. Akhirnya, dapat ijazah MA (M*A*L*A*S).

Saya mencuba untuk menjadi insan realistik. Berpijak pada bumi nyata. Tidak mau terikut-ikut dengan orang lain. Dalam hati kudus saya memang tersisip keinginan yang besar untuk menjadi Orang Besar-Orang Bergelar, jutawan dalam perniagaan konvensional atau MLM, 'impian' itu mungkin didorong oleh bakat kepimpinan yang sedia ada dan naluri ingin menjadi 'jutawan' lantaran hidup peribadi dan keluarga yang daif, papa kedana, kucar-kacir, miskin harta dan wang (tetapi kaya hati).

'Berimpian besar' itu halal untuk semua insan, kan? Kalau tidak generasi kita, mungkin generasi anak cucu yang akan mencapainya. Saya selalu teringat akan profile Allahyarham Malai Mashor yang dulunya agak 'kapih' mungkin kerana 'poligami' atau 'belum nasib', tetapi beliau seorang yang 'gigih' berusaha. Maka mutiara keringat beliau itu dinikmati oleh anak cucunya yang menayakan Syarikat Malai Mashor yang kini bertaraf 'jutawan'. Demikian nasib bangsawan legenda Tan Seri P. Ramlee,

Oleh Anak Kedayan, UBD

SIRI MOTIVASI : "Ubah Sikap Awda dan Awda Merubah Sikap Hidup Awda"

lagu dan lakonannya tetap 'evergreen' dan habuannya hingga masa kini dinikmati oleh pihak lain.

Tujuan saya menulis rencana MLM ini adalah untuk merangsang, menajana, membakar semangat para penganggur dan 'penganggur berijazah' untuk merubah nasib dan berfikir positif, kreatif, inovatif dan 'berdikari'. Industri MLM memberikan banyak peluang untuk kejayaan dan kekayaan. Saya kenal seorang usahawanita MLM yang berjaya walaupun mempunyai latar belakang akademik sederhana, tidak memiliki pekerjaan, tetapi membuat perusahaan MLM secara penuh masa. Dalam jangka masa kurang setahun beliau telah mencapai pangkat eksekutif dan mendapat pendapatan melebihi 'gaji seorang graduan'.

TIDUR TETAPI BERMIMPI MENDAPAT INTAN: ENAK JUGA KAN!

Dalam saya tidur, dalam saya bertangguh untuk mengembangkan perniagaan MLM sebelum ini, kerana saya agak kandas dalam strategi perniagaan yang utama iaitu penajanan dan fokus, kerana saya kononnya dalam kepompong keperibadian 'malinkolik' dan 'pragmatik', namun saya punya satu sikap yang 'agak baik juga', iaitu cintakan ilmu! Kerana cintakan ilmu beberapa bilik dalam rumah saya menjadi 'store' buku-buku dan akhbar yang saya kumpul sejak di bangku sekolah rendah lagi. Saya gelarkan 'store' kerana buku-buku berselerak dan tidak pernah tersusun rapi di rak almari dan atas lantai. Ini kerana saya ulat buku dan jarang ke kutub-kutub universiti untuk

buat rujukan kecuali jika perlu sahaja. Saya lebih suka membeli dan memiliki buku sendiri.

Segenggam pengalaman lompat katak saya dalam dua MLM, saya seringkali mengikuti program latihan yang ditawarkan dan disediakan. Seperti BP (Business Preview), BBS (Business Building Seminar), WLS (Weekend Leadership Seminar), SNP (Success Network Programme), GBOS (Grand Business Opportunity Seminar), BOS (Business Opportunity Seminar), GM (Group Meeting), 'home party' dan seumpamanya. Sepanjang destinasi 'pengalaman' lompat katak itu, saya melihat keunikan dan kelemahan pada setiap MLM itu. Untuk bersikap tidak 'baias' (berat sebelah) biar saya kategorikan MLM X dan MLM Y.

MLM X: Tahun 2002 ini sudah berusia 43

atik dan komprehensif dengan dibantu oleh satu 'konsultan latihan'. Tetapi segala gerak-gerinya masih di balik tabir dan tidak diberikan publisiti meluas. Pengikutnya agak taksab.

MLM Y: Tahun 2002 ini menyambut ulang tahun ke-13, bertapak di Brunei setahun jagung, dan kini mempunyai ahli hampir 6,000 ribu orang, menyediakan insentif yang 'luar biasa' iaitu pakej Umrh! dan sistem PV yang 'akumulatif'. Pihak syarikat memainkan peranan proaktif dengan publisiti di pelbagai media massa. Pengikutnya agak longgar dalam aspek disiplin tinggi, walaupun dari masa ke semasa mereka sedang dalam proses 'memantapkan semua aspek dan kualiti organisasi', tetapi Syarikat MLM ini telus dan terbuka. Mempunyai visi yang amat jelas.

Melihat kepada situasi dan kondisi MLM X dan MLM Y di atas, saya mendapat 'ilham'. Jikalau

amat diperlukan pada masa kini: Pertama, golongan yang kaya perlu mengkaji bagaimana golongan yang miskin hidup; dan kedua, golongan yang miskin pula perlu mengkaji bagaimana golongan kaya berjaya. - John Foster.

Burke Hedges menceritakan kisah seorang pendatang bernama Ernest Hamwi telah cuba menjual sejenis kuih Parsi yang nipis seperti kertas yang dikenali sebagai wafel pada Pesta Dunia 1905. Beliau telah bekerja dari terbit matahari sehingga terbenam matahari, ia juga memberikan wafel tersebut secara percuma untuk menarik perhatian orang yang lalu-lalang di sekitar kawasan tersebut, malangnya ia tidak berhasil. Tidak ada seorang pun yang berminat untuk membeli wafelnya.

Keadaan menjadi lebih buruk, bila setiap hari beribu-ribu orang yang dahaga dan lapar akan melalui warung Ernest yang sunyi itu lalu berbaris

SAYA mencuba untuk menjadi insan realistik. Berpijak pada bumi nyata. Tidak mau terikut-ikut dengan orang lain. Dalam hati kudus saya memang tersisip keinginan yang besar untuk menjadi Orang Besar-Orang Bergelar, jutawan dalam perniagaan konvensional atau MLM, 'impian' itu mungkin didorong oleh bakat kepimpinan yang sedia ada dan naluri ingin menjadi 'jutawan' lantaran hidup peribadi dan keluarga yang daif, papa-kedana, kucar-kacir, miskin harta dan wang (tetapi kaya hati).

tahun, bertapak di Brunei lebih 10 tahun, pada awalnya 'diyakini' masyarakat, tetapi setelah masa berlalu 'para pemimpin dan pengedar' telah mencongak arang dalam perniagaan ini, sehingga apabila disebut MLM ini orang jadi 'fobia' bersaudara 'muak'. Tetapi produknya masih dikatakan orang: 'baik' dan berkualiti, cuma 'terlalu' mahal! Sistem pelan pemasarannya agak rumit dan tidak 'akumulatif'. Pangkat boleh jatuh atau tersangkut. Kini terbahagi dua golongan: Satu, golongan tradisional dan kedua, golongan inovatif yang lebih sistem-

kebaikan dan kelebihan kedua-dua MLM ini disepadukan, maka sudah pasti akan melahirkan MLM Ke-3 yang konkrit, komprehensif dan dinamik! Dalam hal ini saya teringat akan istilah 'Sinergisma: Perkahwinan Impian' dan kaedah penilaian 'SWOT' (Strength, Weakness, Opportunity dan Threat).

Penaklukan tentera boleh ditentang tetapi tidak suatu 'idea' yang masanya sudah tiba! - Victor Hugo.

SINERGISMA: PERKAHWINAN IMPIAN
Dua perkara yang

untuk membeli ais krim di warung ais krim yang berdekatan dengan warung Ernest. Ernest pula akan memerhatikan penjualan ais krim itu mengaut keuntungan. Sudahlah jatuh, ditimpa tangga lagi.

Walaupun bagaimanapun, pada suatu tengah hari yang amat panas lagi sibuk, nasib Ernest bertukar menjadi baik. Ais krim dijual dengan amat cepat sehinggakan penjualan kehabisan pinggan mangkuk untuk menghidang ais krim tersebut.

Dalam keadaan terdesak, penjual ais krim itu

SIRI KELIMA

berlari ke arah Ernest untuk meminjam pinggan-nya.

SINERGISMA: PERKAHWINAN IMPIAN BERMULA!

Ernest tidak ada pinggan seperti yang dikehendaki. Apa yang dia ada cuma berlapis-lapis wafel Parsi yang lembut dan manis yang diberi percuma pun pelanggan tidak mahu. Tiba-tiba Ernest mendapat satu idea. Mungkin dia dapat mengulung salah satu wafel itu menjadi bentuk kon yang boleh diletakkan ais krim di dalamnya. Hasilnya amat menakjubkan! Peristiwa ini adalah merupakan detik permulaan zaman kegemilangan aiskrim kon.

Success is the intersection where dreams and hard work meet. - Lynn Goldblatt.

Ais krim dan wafel kon Ernest adalah seperti isi dengan kuku. Ianya seperti perkahwinan impian. Ais krim kon menjadi sensasi dan makanan popular semasa Pesta Dunia 1905. Hampir satu abad kemudiannya ais krim kon masih lagi menjadi pencuci mulut kegemaran dunia.

Cerita mengenai ais krim ini adalah satu contoh yang hebat mengenai konsep sinergisme. Ia bermaksud penggabungan antara dua jenis produk atau konsep yang berbeza adalah lebih hebat jika dibandingkan sekiranya produk atau konsep itu berdiri dengan sendiri. Ais krim kon adalah satu sinergisma yang kreatif kerana:

- Ais krim rasanya sedap
- Wafel juga rasanya sedap
- Gabungan mereka bersama -

Tentu sekali hebat rasanya.

Menurut Burke Hedges lagi Pemasaran Berangkai (Network Marketing) adalah Konsep Sinergisma yang terunggul. Bayangkan sejenak, awda diberi tugas untuk mencipta satu konsep sinergisma yang terunggul untuk pembinaan kekayaan - satu kuasa

sinergi yang begitu hebat, begitu berkuasa yang akan mendatangkan impak kepada kehidupan setiap orang di muka bumi ini serta dapat sekali gus memperbaiki dan memperkayakan hidup mereka. Konsep sinergi itu mestilah:

1. Senang ditiru sehingga sesiapa pun boleh menirunya;
2. Murah dimiliki sehingga sesiapa pun boleh menceburinya;
3. Akan meningkat secara eksponen, bukannya mendatar;
4. Boleh didapati di mana-mana di seluruh dunia;
5. Akan mempengaruhi kedua-dua lelaki dan perempuan...muda dan tua...kaya dan miskin;
6. Akan menjadi satu sistem peniruan yang terunggul untuk mencipta kekayaan.

Menurut Burke Hedges sememangnya wujud konsep sinergi yang begitu radikal seperti di atas. Ianya adalah satu gabungan yang diimpikan - kombinasi kreatif antara dua kaedah penciptaan kekayaan yang paling berkuasa dalam sejarah dunia - percantuman antara 'francais' dan 'pertumbuhan eksponen'.

Hasilnya adalah satu konsep yang dipanggil sebagai sinergisma yang terunggul - Pemasaran Berangkai. Satu konsep yang amat bijak - sistem francais yang terus meningkat secara eksponen. Ianya adalah seperti ais krim kon, juga mesin faks dan terkini era penciptaan tanpa sempadan komputer dan telefon bimbit.

PERTUMBUHAN SECARA EKSPONEN: FORMULA UNTUK MENGUMPUL KEKAYAAN

Jika anda ingin menjadi kaya, cuma cari seseorang yang telah memperolehi banyak wang dan lakukan apa yang dia lakukan - J. Paul Getty.

BERSAMBUNG

Brunei Darussalam dan United Kingdom kukuhkan kerjasama di bidang pertahanan

BERAKAS, 20 Januari. - Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom terus mengukuhkan hubungan dua hala terutamanya dalam bidang kerjasama pertahanan untuk kepentingan bersama.

Pertukaran lawatan di antara pegawai-pegawai kanan kedua-dua negara terus diadakan seperti lawatan Penolong Ketua Staf Pertahanan (Dasar), Naib Marsyal Udara Leftenan Jeneral Hobart D.A. ke negara ini selama empat hari.

Dalam rangka lawatan tersebut, beliau juga membuat kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sang-

Oleh
Abdullah Asgar

gama Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith di pejabatnya di Bolkiah Garrison.

Walaupun merupakan kunjungan muhibah tetapi kedua-dua mereka juga dijangka berbincang mengenai hal-hal kerjasama pertahanan yang telah ditandatangani baru-baru ini di antara kedua-dua negara.

Esok Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom akan mengadakan Mesyuarat Kerjasama Pertahanan Bagi Suruhanjaya Pertahanan Bersama yang julung kali

di sebuah hotel di Jerudong.

Hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (Kewangan dan Pembangunan), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Mohd. Jaafar serta pegawai-pegawai kanan kedua-dua belah pihak.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke negara ini, Tuan Yang Terutama Andrew J. Caie.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menerima kunjungan muhibah Penolong Ketua Staf Pertahanan (Dasar), Naib Marsyal Udara Leftenan Hobart D.A. Majlis berlangsung di Bolkiah Garrison. - Gambar oleh Hamadi HM.



SETIAUSAHA Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman (sebelah kiri) mempengerusikan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Di Bidang Pertahanan antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Mesyuarat Suruhanjaya Bersama antara Brunei - United Kingdom

JERUDONG, 21 Januari. - Suruhanjaya Bersama Bagi Kerjasama Di Bidang Pertahanan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom mengadakan mesyuarat pertamanya di Empire Hotel and Country

Oleh
Samle HJ

Club di sini.

Mesyuarat berkenaan merupakan lanjutan daripada penandatanganan Memorandum Persefahaman bagi penubuhan suruhanjaya berkenaan

yang telah ditandatangani di Bandar Seri Begawan pada 31 Disember 2002.

Setiausaha Tetap (Kewangan dan Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Abdul Kani mempengerusi mesyuarat dan juga selaku tuan rumah.

Sementara delegasi dari United Kingdom diketuai oleh Penolong Ketua Staf Pertahanan (Dasar), Naib Leftenan Udara Leftenan Jeneral Hobart D.A.

Mesyuarat julung kali membincangkan perkara yang berhubung kait bidang-bidang aktiviti pertahanan dan kerjasama kedua-dua negara.

Mesyuarat tersebut juga merupakan satu mekanisme yang berkesan bagi anggota pertahanan kedua-dua buah negara untuk membincangkan secara lebih meluas mengenai hal-hwal ketenteraan ke arah memperingkatkan hubungan kerjasama pertahanan kedua-dua buah negara.

Laman Web ubah pengurusan sumber

GADONG, 20 Januari. - Laman web telah mengubah pengurusan sumber manusia di abad ke-21. Sistem penyimpanan rekod berasaskan kertas telah digantikan dengan teknologi-teknologi tinggi dan sistem yang direka bagi memberi informasi meluas, data peribadi dan profesional hingga kepada pengguna individu dan majikan.

Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menjelaskan demikian di Majlis Perasmian Bengkel Impak E-Sumber Manusia Dalam Urusiaga (The Impact of E-HR On Business) di sini, hari ini.

Bengkel sehari yang disertai oleh para eksekutif, pengurus-pengurus dan profesional sumber manusia yang hendak mengambil peluang dalam inovasi baru sumber manusia tetapi tidak tahu bagaimana hendak memulakannya.

"Ia akan menerangkan bagaimana corak jabatan sumber manusia berasaskan

laman web direka, bagaimana ia berfungsi dan cara untuk mengimplimentasikan teknologi-teknologi tinggi yang boleh menjimatkan perbelanjaan dan mencapai kepuasan

tinggi para pekerja," jelas beliau.

Bengkel yang berlangsung di Dewan Sukma Indera, Pusat Pengurusan ASEAN-EC

telah dikendalikan oleh Pengerusi Kumpulan Pakar Pengurusan Sumber (Specialist Management Resource Group) (SMR) Malaysia, Dr. R. Palan.

Oleh
Bolhassan HAB



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin ketika berucap merasmikan Bengkel Impak E-Sumber Manusia Dalam Urusiaga (atas). Sementara gambar kiri, para peserta bengkel yang terdiri dari para eksekutif, pengurus dan profesional sumber manusia ketika menghadiri bengkel. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PENOLONG Naib Canselor (Am) Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Kassim bin Haji Daud ketika menyaksikan Pameran Calapa dan Pilong-Pilongan sejurus merasmikannya. Pameran berlangsung di Kawasan Lobi Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Pembentukan Kerajaan Brunei melalui kuasa Perlembagaan

BERAKAS, 18 Januari. - Bagi menentukan wujudnya sesebuah kerajaan negara itu mestilah mempunyai sempadan politiknya yang tersendiri, di samping mempunyai penduduk, kerajaan dan kedaulatan.

Asas pembentukan kerajaan di mana-mana negara dalam dunia ini terdiri daripada beberapa elemen seperti melalui peti undi dengan mengadakan pilihan raya serta menubuhkan dewan rakyat, dewan undangan negeri dan dewan parlimen yang sering dikaitkan dengan sistem demokrasi.

Sementara asal usul sistem pemerintahan Kerajaan Negara Brunei Darussalam adalah mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof berucap demikian sewaktu memberi ceramah bertajuk 'Struktur Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' kepada para pegawai dan kakitangan Royal Brunei Catering (RBC) Sendirian Berhad yang mengikuti Ceramah Kenegaraan, Bengkel Persuratan, Perhubungan Awam dan Komunikasi Berkesan yang berlangsung di Jabatan Penerangan di sini.

Sementara pembentukan Kerajaan Negara Brunei Darussalam pada masa ini adalah melalui kuasa Perlembagaan Tahun 1959 di mana sebelum ini kerajaan kita dibentuk berasaskan kepada adat istiadat dan struktur masyarakat tradisi Brunei, katanya.

Juga disentuh dalam ceramah itu termasuklah Sejarah Perkembangan Kerajaan Negara Brunei

Oleh
Abu Bakar HAR

Darussalam, di samping mengenai jumlah tenaga kerja dalam sektor swasta dan kerajaan pada tahun 1960-an hingga 1998.

Para peserta yang mengikuti ceramah selama enam hari itu juga didedahkan kepada beberapa ceramah yang lain seperti aspek-aspek halal haram dalam Islam khusus mengenai pemakanan, adat istiadat dan penggunaan terasul dalam persuratan, di samping melawat ke Pameran Ristaan Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Masu'ut dan Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi ketika hadir memberikan Ceramah Kenegaraan, Bengkel Persuratan, Perhubungan Awam dan Komunikasi Berkesan (atas). Sementara gambar kanan, pegawai dan kakitangan RBC yang menghadiri bengkel tersebut. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pegawai, kakitangan kerajaan swasta perlu mengetahui adat istiadat Brunei



PEGAWAI Adat Istiadat, Jabatan Adat Istiadat Negara, Pengiran Haji Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin ketika memberikan ceramah mengenai Adat Istiadat Brunei kepada pegawai dan kakitangan RBC. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BERAKAS, 18 Januari. - Pegawai dan kakitangan dari sektor kerajaan dan swasta perlu mengetahui adat istiadat Brunei dalam perhubungan dengan keluarga diraja, kerabat diraja termasuk menteri-menteri kabinet dan kepada orang-orang yang dikurniakan gelaran.

Ia perlu diketahui ketika berbual atau menulis surat khususnya bagi mengetahui panggilan pengganti diri atau jika perlu membuat pertanyaan kepada Jabatan Adat Istiadat Negara bagi mendapatkan kepastian.

Antara yang perlu diketahui oleh semua pegawai dan kakitangan yang terlibat dari kedua-dua sektor ialah terasul seseorang sebelum menulis surat dan berbual dengannya.

Ini kerana di negara ini tidak semua orang mempunyai terasul yang sama terutama bagi keluarga diraja, menteri-menteri dan orang-orang yang dikurniakan gelaran yang sememangnya sudah mempunyai terasul yang ber-

UBD anjurkan Pameran Calapa dan Pilong-Pilongan

RIMBA, 14 Januari. - Dalam usaha bagi meningkatkan penggunaan bahan-bahan Bruneiana untuk pembelajaran, rujukan dan penyelidikan sesuai dengan misi Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam menggiatkan lagi penyelidikan dan kajian sebagai salah satu kegiatan utama universiti ini, Perpustakaan UBD dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium Brunei menganjurkan Previu Pameran Calapa dan Pilong-Pilongan.

Pameran tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahu-

Oleh
Ak. Jefferi PD

an para pelajar, orang ramai dan para penyelidik akan kekayaan khazanah warisan budaya negara kita, di samping cuba menarik perhatian orang ramai mengenai masalah kepupusan sebilangan bahan-bahan khazanah alam semula jadi kita.

Pameran Calapa dan Pilong-Pilongan yang diunggakayahkan pada hari tersebut melalui Bahagian Perkhidmatan Pelajaran, Bahagian Pameran, Baha-

gian Etnografi dan Bahagian Ilmu Kejadian, Jabatan Muzium-Muzium Brunei merupakan satu siri pameran bergerak ke semua daerah di negara ini.

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Perasmian Previu Pameran Calapa dan Pilong-Pilongan ialah Penolong Naib Canselor (Am) UBD, Dr. Haji Kassim bin Haji Daud. Pameran selama sebulan juga dibukakan untuk kunjungan orang ramai. Pameran tersebut diadakan di Kawasan Lobi Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam.



Oleh Abdullah Asgar

lainan.

Pegawai Adat Istiadat dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Pengiran Haji Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin membuat peringatan itu ketika menyampaikan ceramahnya kepada para peserta Ceramah Kenegaraan, Bengkel Persuratan, Perhubungan Awam dan Komunikasi Berkesan kelolaan Jabatan Penerangan bersama Penyajian Diraja Brunei (RBC) Sendirian Berhad pagi tadi di Jabatan Penerangan.

Di negara ini terasul yang paling tinggi ialah terasul Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan keluarga serta kerabat diraja yang lain.

Di samping itu, terasul Yang Amat Mulia perlu juga diketahui kerana mereka adalah orang-orang yang dikurniakan gelaran oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, jelas beliau.

Bengkel tersebut disertai oleh 35 orang peserta yang terdiri dari pegawai dan kakitangan RBC yang dibahagikan kepada dua sesi iaitu Ceramah Kenegaraan dan Seminar/Bengkel Perhubungan Awam dan Komunikasi Berkesan.

Bengkel selama enam hari memberi pema-haman kepada para peserta bahawa perhubungan yang betul itu penting.

Semasa menyertai bengkel dan seminar tersebut mereka juga berpeluang membuat latihan amali dalam penulisan siaran akhbar, sesi soal jawab dan mendengar ceramah oleh wakil Dewan Bahasa dan Pustaka.

PEMERINTAHAN Sultan Muhammad Alam² ini sangat keras dan kezaliman berleluasa, termasuk membunuh kanak-kanak untuk dijadikan mangsa sehingga akibat kezaliman itu menjadikan Brunei mengalami kemarau panjang, tumbuh-tumbuhan tidak subur dan akibatnya makanan sangat susah didapati. Dengan keadaan demikian negara telah menjadi huru-hara. Memandang kepada kegagahan Sultan Muhammad Alam itu luar biasa, maka Sultan Omar Ali Saifuddin II terpaksa bersabar dan membiarkan sahaja Sultan Muhammad Alam menjalankan pemerintahan. Pada 7 Rejab 1241 bersamaan 15 Februari 1826 Sultan Omar Ali Saifuddin II terpaksa berangkat pindah ke Pulau Keingaran untuk menyelamatkan diri daripada bahaya keadaan yang tidak tenteram itu. Memandangkan keadaan sedemikian, untuk memelihara kepentingan dan ketenteraman rakyat supaya keadaan jangan terus-menerus huru-hara dan terancam, maka akhirnya pada tahun 1828, Raja Isteri Nur Alam¹ binti Sultan Muhammad Kanzul Alam telah bertawakal kepada Allah menantahkan kepada orang yang tertentu membunuh Sultan Muhammad Alam.

Semasa hendak menjalankan pembunuhan itu, Sultan Muhammad Alam telah bertanya kepada orang yang hendak melakukan pembunuhan itu dengan titah, "Siapa menyuruh kamu hendak melakukan pembunuhan ini?" Apabila disebarkan bahawa yang memerintahkan itu adalah kakanda baginda Raja Isteri Nur Alam, maka baginda pun bertitah, "Jikalau sudah kakanda Raja Isteri Nur Alam tiada suka kepada beta hidup, jalankanlah titah baginda itu," maka baginda sendiri memasukkan tali kujut ke leher baginda dan memerintahkan menarik tali kujut itu pada ketika yang ditentukan baginda. Pada tahun 1828 lindunglah Sultan Muhammad Alam.

Setelah Sultan Muhammad Alam lindung, maka Sultan Omar Ali Saifuddin II² yang telah pindah ke Pulau Keingaran pun berangkat balik ke Bandar Brunei dan terus memerintah. Bagaimanapun, dengan hasutan Pengiran Anak Badaruddin ibnu Sultan Muhammad Kanzul Alam, Pengiran Muda Hashim ibnu Sultan Muhammad Kanzul Alam pula seakan-akan menyai-nyi Kuasa Sultan Omar Ali Saifuddin II itu. Walaupun dia tidak menaiki takhta tetapi sebarang kehendaknya dipenuhi, seolah-olah Sultan jua.

Suatu hari semasa Pengiran Muda Hashim duduk di kubu rumahnya, tiba-tiba dia terlihat sebuah lancang yang sarat dengan muatan berisi beraneka harta melintas di hadapan rumahnya. Tat kala ditanya oleh Pengiran Muda Hashim siapa yang punya lancang itu dan apabila disebarkan lancang itu kepunyaan Pengiran Anak Muhammad Yusof ibnu Sultan Muhammad Tajuddin, maka dari masa itu terbukalah hatinya hendak berangkat ke Sarawak.

Pengiran Muda Hashim berangkat ke Tanah Darat (Sarawak) pada TH 1240 bersamaan TM 1835.¹ Pada masa itu Sarawak di bawah pemerintahan Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muhammad Salleh yang dilantik oleh Sultan Muhammad Kanzul Alam.² Setibanya perangkatan Pengiran Muda Hashim itu di Kuala Sungai Sarawak, dia telah menghantar utusan untuk minta sambutan kepada Pengiran Indera Mahkota. Sejak masa itulah James Brooke berkira-kira mencari jalan untuk mendapatkan kuasa memerintah di Sarawak dan mula mengkaji keadaan kedua-dua Pengiran itu. Menurut James Brooke, Pengiran Indera Mahkota itu memang lebih layak untuk dijadikan sahabat kerana lebih cerdik berbanding dengan Pengiran Muda Hashim.¹ Akan

menjunjung keberangkatan itu ke Sarawak.³


Atur cara itu tidak disetujui oleh Pengiran Muda Hashim kerana maksudnya Pengiran Indera Mahkota sendiri hendaklah berangkat ke Kuala Sungai Sarawak untuk menjunjungnya dan terus berangkat bersama-sama mengiringkannya ke tempat perayaan itu. Menurut Adat Istiadat Diraja Brunei, keberangkatan putera Sultan yang gahara hendaklah disambut di Kuala Sungai Sarawak oleh ketua pemerintah di tempat itu.

Pengiran Indera Mahkota pula berpendapat atur cara sambutan yang dirancarkan itu layak bertempat di Balai Penghadapan dan Pengiran Indera Mahkota sendiri menanti keberangkatan putera Sultan itu kerana Pengiran Indera Mahkota adalah wakil Sultan yang memerintah di tempat itu. Walaupun Pengiran Muda Hashim boleh menjadi bakal Sultan, tetapi sebelum menjadi Sultan kedudukannya tidaklah dapat disamakan dengan Sultan. Hal inilah yang menjadi perselisihan faham antara Pengiran Muda Hashim dengan Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muhammad Salleh.⁴

Pada 15 Ogos 1839⁵ James Brooke tiba di Sarawak. Kedatangan James Brooke ke Sarawak itu telah disambut oleh kedua-dua Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muhammad Salleh dan Pengiran Muda Hashim dan dari masa itu perhubungan pun bermula. Sejak masa itulah James Brooke berkira-kira mencari jalan untuk mendapatkan kuasa memerintah di Sarawak dan mula mengkaji keadaan kedua-dua Pengiran itu. Menurut James Brooke, Pengiran Indera Mahkota itu memang lebih layak untuk dijadikan sahabat kerana lebih cerdik berbanding dengan Pengiran Muda Hashim.¹ Akan

Sejarah Sultan-Sultan Brunei menaiki takhta

BUKU INI DITULIS OLEH
YANG DIMULIAKAN PEHIN JAWATAN
DALAM SERI MAHARAJA
DATO SERI UTAMA DR. HAJI AWANG
MOHD. JAMIL AL-SUFRI



tetapi Pengiran Indera Mahkota tidak dapat dipermainkannya dan sebaliknya boleh jadi penghalang maksudnya.² Manakala Pengiran Muda Hashim walaupun ada kekuatannya tetapi kuasa politik yang ada padanya lebih mustahak. Pada 30 Rejab 1257³ bersamaan 15 September 1841, James Brooke telah bejaya membuat satu perjanjian dengan Pengiran Muda Hashim untuk mendapatkan kuasa menadhir di Sarawak.

Oleh kerana kesan daripada perjanjian tahun 1841 itu belum dapat membatalkan kuasa Pengiran Indera Mahkota di Sarawak, maka James Brooke telah meminta Pengiran Muda Hashim supaya pergi berangkat ke Brunei bersama-samanya. Pada 24 Jamadilakhir 1258 bersamaan 15 Ogos 1842⁴ satu perjanjian telah dibuat antara Sultan Omar Ali Saifuddin II dengan James Brooke untuk melantik James Brooke memerintah Sarawak dan seterusnya menjadi Rajah Sarawak. Perlantikan ini boleh membatalkan kuasa Pengiran

Indera Mahkota di Sarawak dan juga dapat menadhir Kerajaan di Sarawak.⁵

Melalui kuasa yang didapat itu, James Brooke pun mula menjalankan pemerintahan di Sarawak dan memperluaskan kekuasaannya itu ke daerah-daerah yang diperintah oleh Brunei¹ satu demi satu seumpama Bintulu, Mukah, Uya, Miri, Sibuti dan Baram. Di samping itu beberapa rancangan telah disusun untuk merakus kuasa Sultan Brunei dengan menggunakan Pengiran Anak Badaruddin ibnu Sultan Muhammad Kanzul Alam sebagai perantaraan. Untuk melaksanakan rancangan itu James Brooke meminta Pengiran Muda Hashim berangkat ke Brunei untuk mengambil alih kuasa Sultan dengan menggunakan apa saja tipu daya yang boleh. Setelah Pengiran Muda Hashim mendapat kuasa Sultan nanti barulah James Brooke membuat perundingan dengan Pengiran Muda Hashim untuk mendapatkan kuasa memerintah Brunei yang dimaksudkan-

nya itu.

Pada tahun 1846 Pengiran Muda Hashim pun berangkat balik ke Brunei. Sehari demi sehari Pengiran Anak Badaruddin berkira-kira untuk menjalankan maksud James Brooke itu dengan menjunjung Pengiran Muda Hashim supaya meminjam alat perhiasan Diraja kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II secara beransur-ansur dengan alasan hendak menguasainya. Kemudian disusuli dengan menjunjung Mahkota. Semua maksud itu telah diperkenankan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II. Apabila Keris Si Naga hendak dijunjung kepada Sultan Omar Ali Saifuddin II, maka baginda pun menyedari akan maksud itu. Titah baginda, "Jika Keris Si Naga diberikan bermakna baginda telah menyerahkan Kerajaan."

Apabila maksud itu

ketara, maka Pengiran Anak Badaruddin pun menjunjung Pengiran Muda Hashim supaya secara berterang-terangan mengisytiharkan diri menjadi Sultan dengan mengarahkan pegawai masjid supaya namanya dimasyhurkan di dalam Khutbah Jumaat. Setelah selesai didoakan dalam Khutbah Jumaat, maka pada petang hari Jumaat itu juga Pengiran Muda Hashim telah mencuba memakai Mahkota. Semasa Mahkota itu dipakainya penglihatannya patang (gelap). Maka bersabdalah Pengiran Muda Hashim, "Bukan hak kitani." Pada minggu berikutnya tiadalah dia mahu meneruskan rancangannya hendak mengambil alih takhta Kerajaan itu.

Setelah perkara ini diketahui oleh putera-putera Sultan Omar Ali Saifuddin II iaitu Pengiran Anak Muhammad Saleh dan Pengiran Anak Hashim, termasuk Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Abdul Kahar¹ (yang menjadi menantu Sultan Omar Ali Saifuddin II), maka mereka pun mengadakan satu permesyuaratan untuk mengambil tindakan terhadap perbuatan Pengiran Muda Hashim itu.

Pada mulanya permesyuaratan itu diadakan di Sungai Panga.² Oleh kerana tempat permesyuaratan

itu terbuka, bahana manusia berkumpul itu kedengaran ke istana. Maka Sultan Omar Ali Saifuddin II bertitah untuk bertanya perkara itu. Apabila disebarkan bahawa permesyuaratan itu hendak menaiki Pengiran Muda Hashim, maka titah baginda jangan dilakukan perkara itu kerana Pengiran Muda Hashim itu ayahanda saudara baginda. Maka maksud mesyuarat itu pun ditanggguhkan. Mesyuarat yang seperti itu diadakan lagi di Sungai Tekuyung³ iaitu suatu tempat yang tersorok. Dalam mesyuarat itu sengaja dihebahkan pula bahawa Sultan Omar Ali Saifuddin II telah memperkenankan maksud itu. Maka oleh kerana menyebut titah itu, maka Pengiran Anak Abdul Momin bin Pengiran Shahbandar Abdul Wahab (menantu Sultan Omar Ali Saifuddin II) dan orang ramai yang bersama-sama bermesyuarat pada masa itu tidak ragu-ragu lagi menyertai perkara itu.

Pada suatu hari dalam tahun 1846 iaitu kira-kira jam 2.00 pagi pasukan yang dihaskan untuk menyerang itu telah memulakan serangan diketuai oleh Haji Saman. Maka oleh kerana pihak Pengiran Muda Hashim tidak membuat persediaan, dan Pengiran Anak Badaruddin dan Pengiran Anak Tajuddin yang mempunyai pengaruh di kalangan orang ramai telah tewas pada pagi itu, maka keadaan itu telah menjadikan Pengiran Muda Hashim berundur diri ke Kampong Burong Pingai untuk berteduh di sana. Oleh kerana orang-orang di sana semuanya menutup pintu, maka Pengiran Muda Hashim dan orang-orangnya tidak dapat berlindung seperti yang dihaajatkan.

BERSAMBUNG

2. Sultan Brunei ke-22 [lihat Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei', h. 69 & 71]. Baginda naik takhta semasa hayat baginda dan memerintah Brunei selama kira-kira dua tahun. Baginda termasyhur kuat dan gagah, serta terkenal dengan sebutan 'Raja Api' (lihat Sultan-Sultan Brunei, h. 4).

1. Bonda Sultan Omar Ali Saifuddin II.
2. Sultan Brunei ke-23 (1828 - 1852) bergelar 'Sultan Omar Ali Saifuddin Jamalul Alam' [lihat Sweeney, P.L.A. (ed.), 'Silsilah Raja-Raja Brunei', h. 69 & 71].

1. Catatan ini diperolehi dalam penulisan sejarah yang disimpan (dipunyai) Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Haji Muhammad Salleh (salinannya tersimpan di Pusat Sejarah).
2. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, Syair Rakis ..., h. 4.

3. Ibid.
4. Ibid.

5. Irwin, G., *Borneo Abad Kesembilan Belas : Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*, (Terj. Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, h. 94.

1. Priangle, R., *Rajahs and Rebels : The Iban of Sarawak under Brooke Rule 1841 - 1941*, Mac Millan and Co. Ltd., London, 1970, h. 69; dan Runciman, S., *The White Rajahs : A History of Sarawak from 1841 to 1946*, Cambridge University Press, London, 1960, h. 60.
2. Mundy, Captain R.N.R., *Narrative of Events in Borneo and Celebes, Down to the Occupation of Labuan : From the Journals of James Brooke, Esq., Rajah Sarawak, and Governor of Labuan*, Vol. 1, (2nd Edition), John Murray, Albermarle Street, London, 1848, h. 267.
3. Tarikh ini termaktub dalam sepeucuk surat perjanjian pada masa Pengiran Muda Hashim menyerahkan Negeri Sarawak kepada James Brooke (lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Syair Rakis* ..., 98 - 99).
4. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Syair Rakis* ..., h. 98 - 99).
5. Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, *Survival Brunei : Dari Perspektif Sejarah*, h. 46.

1. Ranjit, Singh, D.S., *Brunei 1839 - 1983 : The Problems of Political Survival*, Oxford University Press, Singapore, 1984, h. 59.

1. Bin Pengiran Kerma Indera Pengiran Anak Bahar bin Pengiran Anak Ismail bin Pengiran Temenggong Pengiran Anak Abdul Kahar Ragum bin Pengiran Temenggong Pengiran Muda Shamsuddin ibnu Sultan Abdul Jalilul Jabbar.
2. Nama sungai ini masih digunakan hingga sekarang. Ia merupakan sebuah anak sungai sebelah kiri hala ke hulu Sungai Kebun (dalam kawasan Kampong Sungai Kebun) di Sungai Brunei, terletak tidak jauh dari Kampong Burong Pingai dan Kampong Lorong Dalam (di Kampong Ayer).
3. Menurut Spencer St. John pada tahun 1862, Sungai Tekuyung ini adalah Sungai Kianggeh sekarang. Sementara menurut ketetapan yang diberikan oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara pada awal tahun 1970-an, Sungai Tekuyung ini adalah anak sungai sebelah kanan di hulu Sungai Kianggeh sekarang (lihat Abdul Latif Haji Ibrahim, 'Variations and Changes in the Names Locations of the Wards of Brunei's Kampong Ayer Over the Last Century', *BMJ*, Vol.2, No. 3, 1971, h. 65, 69 & 70).

DARI pintu ke pintu aku berjalan bersama sebungkus plastik yang berisi hatiku! Ya! Inilah hatiku yang sesungguhnya. Bagi seorang pengemis yang sentiasa mengharapkan simpati dari orang-orang yang lalu-lalang, aku terus menanti dan menanti belas ihsan dari sesiapa saja yang sudi untuk melanjutkan hayat hatiku.

Air mata sudah sekian lama mengalir terus tanpa henti dari kedua-dua belah kelopak mataku semata-mata kerana kesakitan yang tidak tertanggung ini. Namun pada setiap pintu yang kuketuk masih enggan menghulurkan simpati pada sekeping hatiku yang kini berbungkus plastik!

Setiap pintu yang kuketuk dipenuhi dengan cerita-cerita dongeng yang sombong dan ego. Ada juga yang sekadar menjengukkan kepala dari tingkap lalu cepat-cepat menghilangkan diri ke dalam. Mereka seolah-olah takut dan jijik melihat hatiku. Seperti saja hatiku yang berbungkus plastik ini mengandungi penyakit, menjijikan dan boleh menyusahkan mereka. Apakah mereka tidak punya hati? Apakah mereka tidak melihat dan mengerti bahawa sekeping hati ini sangat mengharapkan huluhan kasihan mereka untuk terus hidup di muka bumi ini? Mengapakah manusia-manusia yang ada di sekeliling ini kejam sekali?

Mentang-mentanglah hatiku yang berbungkus plastik ini penuh berlumur darah, tiada yang mahu mendekati apa lagi untuk merawat. Mungkin mereka takut pada merah darah yang membasah. Mungkin mereka loya melihat liang-liang luka yang membengkak dan melaungkan kepedihan di hati ini.

Aku terus berjalan walau sudah terlalu panjang sebenarnya perjalanan yang tiada pernah kutemui kedamaian ini. Aku tahu aku harus terus berjalan mengetuk pintu demi pintu selagi hayat dikandung badan demi sekeping hati yang perlu diberi nafas semula. Demi sebungkus hati dalam bekas plastik, yang kepingin hidup lagi. Tapi mungkinkah segalanya akan mampu tersentuh jari, di keremangan jalan-jalan penuh ranjau dan duri ini? Sedang matahari, aku sudah terlalu lama kehilangan terbitnya di bumi hati yang luluh dan hancur ini!

Ah ... Hatiku, batinnya menjerit meratap merayu, namun sembilu tetap menghunjam memburu mencincang lumat seluruh nadi-nadi hayat yang tersisa. Kini yang tinggal hanya sebuah sebutan mengenai hatiku yang berbungkus plastik!

Aku duduk di tepi jalan dan membiarkan kenderaan atau orang yang lalu-lalang memandangkan dengan rasa marah dan meluat. Diriku yang semakin kotor dengan rambut yang kusut dan pakaian yang berdebu membiarkan semua mata yang memandangkiku meludah ke tanah. Pui! Manusia pengotor! Pui! Manusia hina!

Aku membiarkan mereka mencerca dan memaki hamun padaku sepuas hati mereka. Meski aku sebenarnya tidak pernah rela diperlakukan begitu aku memerhatikan plastik hatiku yang kusam. Hatiku sudah semakin kecut kekurangan udara. Ada kalanya hatiku berdenyut kencang, seakan tidak mahu berhenti. Sekejap-sekejap pula hatiku seakan-akan sudah berhenti daripada berdenyut!


Aku dekatkan penglihatanku pada plastik berisi hati di tanganku. Aku ingin memastikan kritikal tidaknya keadaan hatiku ketika itu. Mataku bengkak dan memerah.



Aku sebenarnya terlalu sedih bila melihat keadaan hatiku yang seperti itu. Ah! Kesan-kesan lebam, biru, kehitaman dan bintik-bintik luka terbakar serta tusukan jarum-jarum berbisa kelihatan semakin jelas pada hatiku.

Hatiku sudah semakin kritikal. Hatiku sudah semakin uzur. Bila-bila masa saja nadinya boleh membeku begitu saja. Tuhan ... Tolong selamatkan hatiku! Hatiku kini semakin tercungap-cungap di dalam bungkus plastik. Tuhan ... berkali-kali lagi aku memohon selamatkan hatiku.. hatiku..! Aku merasa lenyap buat beberapa ketika. Di mana aku dan hatiku ketika itu, aku tidak tahu. Yang pasti, segalanya tiba-tiba hilang, gelap dan padam begitu saja. Kesakitan yang tiada terluahkan? Mungkin juga kemuncak dari nazak hati!

Ketika sedar dari kabut hitam yang menyelubungi, aku segera menerpa plastik hatiku yang



H a t i

raya, biar dilenyek roda-roda kenderaan dan hikmat mati menyudahkan segala penderitaan!

Dua puluh lima tahun dahulu, hatiku tidaklah demikian rupa kejadiannya. Namun entah bagaimana pelayaran malam yang datang menjemput tanpa diundang itulah yang menjadi punca segala-galanya.

Selama mengikuti pelayaran di kapal laut tersebutlah hati ini mulai dilanda berbagai-bagai penyakit. Hati menjadi sering sakit-sakitan dan tidak sihat! Macam-macam wabak datang menyerang. Akhirnya oleh kerana bekalan ubat yang tidak pernah ada, hati ini menjadi bengkak dan bermanah. Sakitnya bukan alang

kepalang. Dari hujung rambut sehingga ke hujung kaki perit, berdenyut-denyut selama berpuluh-puluh tahun. Tiada siapa yang tahu. Tiada siapa yang mengerti. Kadangkalah mahu rasanya aku terjun saja ke dasar laut menamatkan riwayat. Tapi syukur aku masih ingat Tuhan. Mujur juga ada akal yang selalu memberikan ingat. Padahal kesakitan pada hati ini sudah sering kali membuat aku lupa dan lalai.

Dulu aku pernah cakap pada nakhoda kapal, aku tidak tahan dilambung gelombang. Gelombang yang setiap saat dan ketika terus menghempas kapal, membuat aku mabuk laut, sakit dan lenguh-lenguh seluruh badan. Keadaan

kapal membuatkan aku rimas. Tambahan pula penyakit hati yang kualami. Namun nakhoda yang pekak dan bengis itu terus diam seribu bahasa. Nakhoda yang tidak pernah mengerti akan penderitaanku selama berada di dalam pelayaran itu memaksa aku terus bertahan selagi hayat dikandung badan. Padahal sejak awal lagi aku memang kurang bersetuju dengan pelayaran maut seperti ini. Namun apa hendak dikata lagi? Sedar tidak sedar aku sudah berada jauh di tengah samudera lautan yang penuh dengan cabaran. Apa yang dapat aku lakukan lagi kecuali memujuk hatiku agar terus bersabar menempuh pelayaran ini.

Aku selalu meyakinkan hatiku bahawa pelayaran itu akan mencapai ke pulau impian juga akhirnya. Namun sayang seribu kali sayang, impian tidak selalu menjadi kenyataan. Aku lebih banyak sakit terlantar sepanjang pelayaran itu berlaku. Sudah tiada bezanya antara malam dengan siang lagi ketika mengetahui bahawa mata hatiku telah buta sepenuhnya! Aku meraung meratap hiba ketika mula-mula

OLEH
SENJA KELABU

keadaan tersebut menimpa ke atas diriku. Dunia terasa kosong dan tiada bererti lagi. Segalanya telah hancur dan musnah.

Akhirnya aku dan hatiku telah dihanyutkan dengan sebuah perahu kecil dan terdampar di pulau yang sangat asing ini. Di sinilah, di pantai ini ketika aku sedar dari pengsan rupa-rupanya hatiku telah terlucut keluar dari ruang dadaku! Aku terketar-ketar mencari bekas beg plastik dan memasukkan hatiku. Aku menangis semahu-mahu, melihat hatiku yang merah berlumur darah di dalam plastik itu. Aku mengucup kantung plastik berkali-kali, mengusap-usap hatiku dengan seribu janji bahawa ia pasti akan kumahkotakan kembali di sudut hatiku yang kosong ini.

Aku lemas dalam lautan air mata. Aku jatuh dan tenggelam dalam jurang api yang membakar. Setelah puas mengalir aliran sungai air mata aku berusaha untuk bangun semula, melangkah bersama bungkus hatiku yang derita. Aku mesti mendapatkan bantuan dari sesiapa saja yang ada di pulau ini. Namun, semua pintu berkata tidak! Kalaupun ada yang berkesudian untuk membuka pintu, cagarannya tidak akan pernah dapat kupenuhi. Aku dagang di pulau ini. Aku miskin. Aku bukan siapa-siapa. Aku tidak punya apa-apa. Hanya sekeping hati yang murni. Namun kini sekeping harta hati yang kumiliki juga telah teraniaya angkara hasad durjana. Tuhan, cubaan apakah ini? Bahawa hidup adalah bermakna untuk bersiap sedia dalam sebuah pertempuran untuk menuju sebuah kematian. Cuma itu sebenarnya hidup ini diadakan. Dan tidak lebih dari itu.

Aku terus berjalan dan hanya berhenti ketika merasa penat. Keadaanku benar-benar bukan seperti manusia normal lagi yang melata di muka bumi ini. Kadang-kadang aku makan. Kadang-kadang juga tidak. Aku berhenti dan tidur di mana-mana saja jika sudah terlalu penat berjalan. Aku makan, minum dan tidur bersama anjing-anjing dan

AKU membiarkan mereka mencerca dan memaki hamun padaku sepuas hati mereka. Meski aku sebenarnya tidak pernah rela diperlakukan begitu aku memerhatikan plastik hatiku yang kusam. Hatiku sudah semakin kecut kekurangan udara. Ada kalanya hatiku berdenyut kencang, seakan tidak mahu berhenti. Sekejap-sekejap pula hatiku seakan-akan sudah berhenti daripada berdenyut!

PUISI

AKU RELA HAMBA SENI

Pada mulanya
terasa berat
tapi kepala dah dicanai
melangkah cita terkapai
kuatkan jua sentimen ini untuk hasrat
kalau tidak kesampaian
akan terhutang seumur hidup
kesal merungkai sampai ke mati
setiap hidup mesti ada cita
untuk idola kehidupan
kalau cita tak sampai
hidup cincai tiada bererti
jiwa kosong tak berguna langsung.

Alhamdulillah, cita hampir terkabul kini
untuk menjadi pejuang menempa sejarah
sebagai legenda tanah air
berbakti untuk bangsa dan bermasyarakat
intelektual
perjuangan sastera dan budaya
jika berjaya, tiada cerca merba
aku rela menjadi hamba seni.

Haji Mat Noor Matussin

JALAN MAKRFAT

Bertafakur menilai diri
adalah sebaik-baik perkara
bagi setiap insan
yang ingin melabuhkan cintanya
ke arah kebahagiaan
ke arah yang direndai Tuhan.

Di sini jalan makrifat
jiwa yang kuat
dapat membentuk keperibadian
dengan iman
dengan ihsan
bukti ketakwaan.

Tuhanku
setiap detik siang atau malam
kusebut nama-Mu begitu indah sekali
dan sampai waktu-waktunya
aku berhadapan dengan-Mu
sujud dan tawaduk
di bawah kaki kebesaran-Mu
yang hakiki
abadi!

Tuhanku
sesungguhnya atas keagungan-Mu
telah kasedari sejak dahulu lagi
dan kini aku berkata :
Tiada perjalanan selain menuju-Mu
pada-Mu hidup matiku.

Rahim M.S

LUKA-MELUKAI

Kau lukai aku
aku lukai kau
saling melukai
siapa yang lebih terluka
aku atau kau?

Aku tidak mahu terluka
kau pun tidak mahu dilukai
hentiklah sengketa antara kita
biar tiada hati yang terluka
itulah yang lebih baik.

Hatiku luka kau lukai
hatimu pun luka kulukai
sama-sama terluka
hati siapa yang bisa tenang
kalau saling luka-melukai.

Sekarang hatiku tenang
hatimu juga tenang
setenang air di kolam
tapi adakah kau pun begitu
juga tenang seperti hatiku?

Itu aku tidak tahu
biarlah kau dengan hatimu
aku dengan hatiku
sama-sama punya hati
sama-sama juga punya perasaan.

Efe E.H.W

AFGHANISTAN

Afghanistan
di bumimu jelas kedengaran
bunyi dentuman dan tembakan.

Di dadamu juga jelas kedengaran
bunyi tangisan dan cemuhan
yang tua
yang muda
dan si kecil yang belum mengerti
erti peperangan.

Afghanistan
di udaramu pasti jelas kedengaran
suara laungan insan meminta perlindungan
Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar
kasihlah sayup-sayup kedengaran
memohon perlindungan kepada Tuhan
Tuhan yang Maha Mengetahui dan
Maha Mengasih.

Afghanistan
tanahmu hancur luluh
merah menyala
dibasahi titisan darah
dibasahi titisan air mata
di situ bergelimpangan mayat-mayat
yang tida berdosa.

Afghanistan
engkau sentiasa dalam ketakutan
engkau sentiasa dalam kesedihan
engkau sentiasa dalam kebingungan
engkau sentiasa dalam bahaya.

Ina 2811

REMBULAN MALAM

Rembulan kesiang
pudar tak bercahaya
sepi seiras wajah
membayangkan ada titik hujan
tertutup oleh sang awan pekat
hitam gelap tanpa mewarnai suasana
tak siapa mau memuja
apakah itu lumrah manusia?
jika terang bergemrlapan
merek datang untuk bertandang
walaupun hadirnya tanpa diundang.

Dan
jika gelap-gelita
merek membusu seribu bahasa
lidah pun kelu untuk bicara
hilang kasih hilang semua
yang ada sebuah rahsia.

Namun musim silih berganti
turun hujan kemarau pun pergi
bumi basah merata-rata
yang layu, kan mekar kembali
yang gelap cerah berseri
bulan terang hadir kembali.

Kini
merek mula mendongak ke langit tinggi
membuai khayalan menari-nari
hingga merek lupa diri
bahawa kaki sendiri masih tegak
berlantaikan bumi beratapkan langit nan
tinggi.

Eldaharyani

Dari muka 12

kucing-kucing liar yang
berada di mana-mana.

Aku sering kali mena-
han lapar dan haus ketika
ada di antara anjing-anjing
dan kucing-kucing yang
ada di sekelilingku tidak
mendapat makanan.
Anjing-anjing dan kucing-
kucing itu terlalu kurus
dan jarang makan. Padahal
aku juga memakan
makanan dari sisa-sisa
yang terbuang di tepi-tepi
longkang. Tapi haiwan
juga perlu makan, asal ja-
ngan ia memakan hatiku
yang di dalam bungkusan
plastik!

Suatu hari ketika aku
berjalan bersama anjing-
anjing dan kucing-kucing
itu, aku melihat sebuah
rumah yang tersergam
indah di atas sebuah bukit
yang sederhana tingginya.
Tuan punya rumah seindah
itu tentulah seorang yang
kaya-raya. Tuan punya
rumah itu tentulah dengan
mudah boleh membantuku
untuk merawat dan mele-
takkan semula hatiku ke
ruang dadaku. Aku meng-
hampiri pintu pagar utama
yang tinggi, besar dan can-
tik itu. Pengawal yang ada
di situ, terkejut melihat
keadaan diriku yang persis
seorang peminta sedekah
dengan sebungkus plastik
berisi hati.

"Tidak! Tidak! Tidak
ada sesiapa pun yang mahu
membeli hati di sini," ser-
gahnya padaku. Aku tentu
saja terkejut dengan
sergahan itu padahal aku
tidak pernah sekali ingin
menjual satu-satunya hati-
ku ini.

"Bukan, jangan salah
faham tuan, aku bukan
mahu menjual hatiku.
Tidak sama sekali. Aku
sekadar memohon bantuan
jika ada sesiapa di rumah

besar ini yang boleh meno-
long menyelamatkan
hatiku ini," aku meng-
angkat plastik berisi
hatiku.

Pengawal itu tiba-tiba
ketawa terbahak-bahak.
Aku tidak mengerti apakah
yang lucu dengan per-
mintaanku itu? Aku ter-
cengang kehairanan.

"Di sini bukan tempat
yang kau cari! Ini bukan
hospital! Lagipun berapa
sangatlah harga hatimu
untuk ditimbang-timbang?
Kau siapa? Apa yang kau
ada?" Pengawal itu
tersenyum sinis padaku.

"Adakah terdapat
syarat-sarat tertentu untuk
mendapatkan bantuan dari
rumah besar ini," aku
menyoal kembali.

"Bukan begitu ... Ah!
Tapi kau boleh mencuba.
Siapa tahu nasibmu tidak
seperti orang lain. Ya ya
nasib orang tidak sama.
Hmm... tolong rasiakan
saja kalau aku yang telah
membenarkanmu masuk
ke dalam." Ia mengang-
guk-angguk.

Aku mengucapkan teri-
ma kasih. Aku segera
masuk dan menemui tuan
rumah meskipun terpaksa
menempuh beberapa hala-
ngan sebelumnya. Tuan
rumah itu nyata seorang
lelaki yang bertubuh besar,
tinggi dengan wajah yang
agak keras.

"Ada apa?" kedengaran
keras suaranya.

"Aku mohon bantuan
tuan. Aku perlu merawat
hatiku. Hatiku sangat tenat
keadaannya tuan. Tolong,
aku memohon belas kasih-
an dan simpati untuk
menyelamatkan hatiku
tuan."

Tuan yang bertubuh
besar dan tinggi itu
mengerut-ngerutkan ke-
ningnya sambil meng-
isyratkan dengan tangan

**"BUKAN, jangan salah faham
tuan, aku bukan mahu
menjual hatiku. Tidak sama
sekali. Aku sekadar memohon
bantuan jika ada sesiapa di
rumah besar ini yang boleh
menolong menyelamatkan
hatiku ini," aku mengangkat
plastik berisi hatiku.**

agar bungkusan plastik
berisi hatiku diserahkan
padanya. Segera dua
orang kulinya menaib
plastik itu dari tanganku
dan menyerahkan kepa-
danya. Tuan itu menga-
mat-amati plastik yang
berisi hatiku sambil
mendekatkan hidungnya.
Dia cuba menghidu bau
dari hatiku. Tentu saja bau
pada hatiku di ketika itu
tidak menyenangkannya.

"Masih berdenyut
tuan," kataku tanpa di-
pinta.

Aku melihat tuan itu
terus membelek-belek
plastik yang berisi hatiku.
Cairan darah bertitis di
lengannya dan gugur
menitis ke bumi. Dia
menyentuh hatiku dengan
hujung jarinya. Sedikit
cairan darah yang melekat
di hujung jarinya terus
digosok-gosokkan antara
jari telunjuk dan ibu jari.
Ia sedikit mengangguk.
Dia merenungku. Aku
cuba menghulurkan se-
nyuman penuh harapan.

Dia kembali mengang-
guk-anggukkan kepala.
Semangatkuk menjadi
mekar dan berbunga
penuh harap. Dia me-
ngeluarkan hatiku dari
dalam plastik itu dan terus
meletakkan di atas tangan
kirinya. Dia memandang-
ku sekali lagi dan

tersenyum lebar menam-
pakan dua bilah gigi ta-
ringnya yang tajam.
Dengan sekelip mata,
tiba-tiba saja aku tidak
mampu bersuara... hatiku
dimakannya!!!

"Tuan....!" Hanya itu
perkataan terakhir yang
kudengar keluar dari
bibirku. Selepas itu dunia
ini terus hilang dari pan-
danganku.

Ketika aku sedar, aku
sudah berada di luar pintu
utama tempat masuk.
Pengawal itu hanya mere-
nungku seperti tidak ada
apa-apa yang telah
berlaku. Aku memanda-
nginya tanpa ada apa-apa
perasaan lagi.

Setelah beberapa
langkah aku berjalan, aku
berhenti dan berpatah
balik kepada pengawal
itu. Aku entah kenapa
tiba-tiba saja mengucap-
kan terima kasih padanya.
Dia hanya tersengih sam-
bil menghulurkan se-
bungkus nasi padaku.

Kini aku berjalan
tanpa hati. Hatiku telah
hilang. Hatiku sudah
berkubur di perut manu-
sia. Manusia yang
menukar hatiku dengan
sebungkus nasi di pintu
pagar rumahnya. Cuma itu
yang kutahu. Anjing-
anjing dan kucing-kucing
yang menjadi sahabatku
selama ini muncul
menyambut ketibaanku.
Anjing-anjing dan kucing-
kucing yang kurus tidak
terurus itu menyalak dan
mengiau kelaparan di
kakiku. Aku sendiri tidak
mengerti mengapa anjing-
anjing dan kucing-kucing
mesti lapar dan mengha-
rapkan makanan dariku
yang sudah tidak ada hati.
Aku tidak mengerti. Aku
hanya tahu aku lapar dan
perutku sendiri minta
diisi. Aku makan dengan
lahap. Aku membiarkan
anjing-anjing dan kucing-
kucing kelaparan mengge-
lapar di atas rumput ke-
ring. Aku telah mem-
biarkan anjing-anjing dan
kucing-kucing gugur dan
tenggelam ke dalam su-
ngai.

Aku terus berjalan
tanpa hati!





سنتیاس برسام بیسکیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلبیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 29 JAN	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION - 'Space Goofs'	MALAM	9.25	MERENTAS KENANGAN	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	BERITA	7.20	PRISMA	10.30	COSBY SHOW - 'Wake Up And Smell The Coffeehouse'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	CAFE DIGITAL	8.00	BERITA NASIONAL		
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.31	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - 'Menyimpul Harapan'	11.00	BEYOND CHANCES
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	SIRAH NABAWIYAH			11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 30 JAN	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.31	AZAN MAGHRIB	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR: THE MAGICIAN/FRACASSE	6.45	FIQHUL MIRATS		NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	10.30	DRAMA - 'Rebung Pasti Berubah'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.30	THE ULTIMATE GYIDE - 'Ants'	7.25	WARTA ISLAM	11.30	WAYANG PILIHAN - 'Twelve Monkeys'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A A T 31 JAN	PAGI	11.15	HERBA	2.30	DINAMIK - Siaran		SONTORIAN	7.20	GAYA	
		11.30	BERITA		Langsung	5.15	TOMORROW'S WORLD	7.44	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.40	AUSTRALIA'S WILD	3.00	TAYANGAN GAMBAR	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN		SECRETS		HINDI - <i>'Timko Na Bhool</i>	6.00	SYIAR MASJID - <i>'Masjid</i>	9.00	FIKIR-FIKIR
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.15	DISCOVER ISLAM		<i>Payenge'</i>		<i>Sharif Ali, Sengkurong'</i>	9.30	MEDICAL DIARY -
	6.12	RAMPAI PAGI -	12.30	SEMBAHYANG FARDU		AZAN ASAR	6.31	AZAN MAGHRIB		<i>'Elko Story : Seeing Is</i>
		Siaran Langsung		JUMAAT- Siaran Langsung	3.56					<i>Believing'</i>
	9.00	BERITA			3.50	TAYANGAN GAMBAR	6.45	AN NAZHAFAH		NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG			- Sambungan			10.00	KHUTBAH JUMAAT
		Sambungan			4.30	ANIMATION HOUR :	MALAM		10.40	TELEDRAMA - <i>'Cinta Mei</i>
10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI		VOLTRON : DEFENDER			10.55	<i>Dan June'</i>	
10.15	SESAME STREET	2.00	SUKAN ANTARABANGSA		OF THE UNIVERSE/USOP	7.00	LIPUTAN SEMASA	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	

SABTU 1 FEB	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG	4.15	BEYOND	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.10	ANIMATION HOUR: SAGWA: 'The Chinese Siamese Cat/Street Sharks'	4.45	ANIMATION HOUR: DOUBLED DRAGON	7.00	DUNIA ASIA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00	DOKUMENTARI	5.15	MY BEST FRIEND IS AN ALIEN	7.25	SUPERCITIES
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA	5.45	BERITA	7.44	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	12.10	DRAMA	5.55	CARA KITA - 'Seni Pertukangan Melayu'	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.35	AZAN ZUHUR	6.32	AZAN MAGHRIB	8.50	HIBURAN Hujung Minggu
	10.00	SUSUNAN			6.45	PEDOMAN AQIDAH	10.00	NEWS AT 10
							10.30	TAYANGAN GAMBAR
							12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 2 FEB	PAGI	10.10	RANCANGAN SESAME STREET	1.45	LEAGUE 2002/2003 - PREVIEW	MASYARAKAT - 'Faktor Kekuatan Sebuah Keluarga'	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	TAMAN ABC	2.45	ENGLISH PREMIER	7.00	DOKURIMA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	3.30	LEAGUE 2002/2003 CROCODILE HUNTER	7.44	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Willy The Sparrow'	3.57	MASAK APA?	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	12.35	AZAN ZUHUR	4.00	AZAN ASAR	8.50	TIRAI KELUARGA
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		4.30	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	10.00	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN	1.20	ENGLISH PREMIER		KAUNSELING	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
							11.00	GUINNESS RECORDS: PRIME TIME
							12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 3 FEB	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	RANCANGAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - 'Antara Dua Hati'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		ANIMATION HOUR: UNDER NAPTUNE'S FLAG/BOB MORANE	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	9.25	RITMA - Siri Baru
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.15	SUKAN GLOBAL				10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	COURAGE
			4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	AFRICA FROM THE GROUND UP	7.25	WARNA WARNI	11.00	BIZARRE
	9.00	BERITA	4.12	SUSUNAN			7.44	AZAN ISYAK	11.30	DOA DAN SIARAN
							8.00	BERITA NASIONAL		TAMAT

S E L A S A 4 FEB	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -		RANCANGAN	6.45	BIMBINGAN MUKMIN		Siri Baru	
			Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR -			9.25	CERMIN	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SIARAN TAMAT	<i>Dragon Tales</i>	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
		KEBANGSAAN			5.00	WILD DISCOVERY		10.30	E.R. - <i>'The Piece Of Wild</i>	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.45	BERITA	7.00	SAYEMBARA	<i>Things'</i>	
	6.12	RAMPAI PAGI -	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	DRAMA - <i>'Pintu' -</i>	7.30	DOKUMENTARI		
		Siaran Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN		<i>Ulangan</i>	7.44	AZAN ISYAK	11.30	QUEEN OF SWORD -
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN	6.32	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL		<i>'End Of Days'</i>
						8.50	KAMPONG KITA -	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	



AWANG Haji Yusof bin Dulamin, calon tunggal ketika membuat undian untuk memilih calon Ketua Kampung Mumong, Kuala Belait



BERERAPA orang penduduk Kampong Mumong ketika mengundi untuk memilih Ketua Kampung yang baru bagi kampung tersebut yang dikosongkan sejak dua tahun lalu (kiri). Sementara gambar kanan, kaum wanita juga diberi hak untuk memilih dan mengundi calon yang mereka sokong untuk memimpin dan mentadbir Kampung Mumong.

Calon Ketua Kampung hendaklah mematuhi tugas dan t-jawab Ketua Kampung

KUALA BELAIT, 19 Januari. - Calon Ketua Kampung yang dipilih hendaklah mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang dapat memenuhi tugas dan tanggungjawabnya selaku Ketua kampung.

Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah menyatakan perkara tersebut di Majlis

Pengundian Calon Ketua Kampung Mumong, Mukim Kuala Belait yang diadakan di Dewan Utama Kompleks Sukan Mumong di sini.

Pegawai Daerah Belait menyatakan, memiliki sikap pemedulian dan prihatin hal-ehwal kampung dan penduduk di dalamnya merupakan ciri-ciri utama yang perlu diambil kira oleh penduduk kampung dalam meni-

Berita dan gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

Calon Ketua Kampung yang bersesuaian.

Sehubungan itu Awang Adnan menyeru penduduk Kampung Mumong supaya menggunakan kesempatan yang diberikan itu bagi memilih Ketua Kampung mereka yang sesuai dan berwibawa.

"Penduduk Kampung Mumong haruslah mengambil tindakan yang bijak dalam pengundian calon Ketua Kampung mereka kerana keberkesanan dan keprihatinan pengurusan hal-ehwal kampung berserta penduduknya akan bergantung kepada Ketua Kampung yang akan dilantik nanti," kata Pegawai Daerah.

Menurutnya, walaupun pada hari tersebut pengundian calon yang akan menerajui kampung berkenaan cuma seorang sahaja, namun pihak jabatannya mahukan pengesahan mereka sama ada calon yang dipilih itu mendapat sokongan daripada mereka.

Calon tunggal di majlis tersebut, Awang Haji Yusof bin Dulamin berusia 58 tahun. Sebelum memegang jawatannya sekarang sebagai Pemangku Ketua Kampung Mumong, beliau merupakan pegawai kerajaan yang telah bersara pada 1 April 1999.

Pengundian jawatan

Ketua Kampung Mumong diadakan setelah dikosongkan dua tahun lalu berikutan persaraan Awang Haji Ramli bin Haji Seri pada 1 Januari 2001. Atas limpah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Awang Haji Yusof memegang jawatan tersebut bermula 1 Februari lalu.

Dalam ucapan beliau di majlis tersebut berkata, dalam tempoh memegang jawatannya itu sedikit sebanyak permasalahan anak-anak kampung telah dapat ditangani dengan sebaik mungkin atas kerjasama yang erat dan padu ahli-ahli Majlis Perundangan Kampung, Pengawas Kejiranan dan penduduk kampungnya.

Kampung Mumong mempunyai penduduk sekitar 9,000 orang dengan jumlah rumah lebih 2,000 buah. Mereka berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, syarikat swasta dan persendirian.

Kawasan terkandung di bawah pengawasan Ketua Kampung Mumong ialah Skim Perumahan Rakyat Jati Mumong termasuk bereberek pegawai rendah kerajaan, kawasan Jalan Dipa Negara, Jalan Singa Manteri, Mumong Selatan hingga kawasan Perumahan Ekspo

Kuala Belait.

Mereka yang keluar mengundi pada hari itu lebih 400 orang. Dari jumlah tersebut 380 penyokong, 12 membangkang dan 11 undi rosak. Antara syarat-syarat kelayakan dan perkhidmatan Ketua-ketua Kampung di bawah Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998, seorang Ketua Kampung berperanan dan bertindak sebagai perantara dua hala iaitu sebagai mata, telinga dan lidah kerajaan dan penduduk kampung bagi menjaga dan mengawasi kepentingan dan keselamatan kampung.

Selain itu beliau juga berperanan mengenai apa jua perkara yang berkebalikan untuk pembangunan, kesentosaan dan kesejahteraan terutama sekali berkaitan dengan permasalahan anak-anak kampung, keselamatan dan keamanan di kampungnya.

Ketua kampung juga bertanggungjawab mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat. Ketua Kampung juga berperanan mencegah kegiatan yang boleh mengancam keselamatan, kebersihan, kesejahteraan, ketenteraman, keselamatan atau apa jua perkara yang bertentangan dengan undang-undang, peraturan dan adat resam yang diamalkan oleh negara ini.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

- Siapakah nama qariah negara yang menjuarai Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringat Antarabangsa Ke-44 di Kuala Lumpur, Malaysia tahun lepas?
 - Dayang Hajah Masni binti Haji Abd. Manaf
 - Dayang Hajah Aminah binti Haji Abd. Manaf
 - Dayang Hajah Jamilah binti Haji Abd. Manaf
- Bilakah Negara Brunei Darussalam dan Republik Belarus menjalin hubungan diplomatik?
 - 4 November 2000
 - 4 November 2001
 - 4 November 2002
- Apakah tema Mesyuarat Ke-10 Ketua-Ketua Ekonomi APEC di Los Cabos yang lalu?

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini. Jawapan Alai Pintar keluaran 8 Januari 2003. 1. A. 2. B. 3. Lambaian Suci.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 566

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 566,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

TIADA PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 8 JANUARI 2003

PERADUAN FOTOGRAFI SEMPENA HARI KEBANGSAAN NBD KE-19 TAHUN 2003

PENGANTARAN

PROJEK merupakan acara sampingan bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19, Negara Brunei Darussalam dengan tujuan dan objektif berikut :

TUJUAN

Peraduan ini bertujuan untuk mengumpul, menyimpan dan menerbitkan bahan-bahan yang berbentuk gambar pegun (still photo) yang bernilai sejarah sebagai rujukan dan ristaan.

OBJEKTIF

1. Untuk sama-sama memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19, Tahun 2003.
2. Untuk memperbanyakkan koleksi jabatan dalam mengumpul gambar-gambar peristiwa bersejarah di Negara Brunei Darussalam.
3. Untuk menimbulkan minat orang ramai bagi sama-sama menyumbangkan gambar-gambar peristiwa bersejarah kepada jabatan.
4. Untuk menggalakkan orang ramai merakamkan peristiwa bersejarah dalam bentuk gambar pegun.
5. Untuk dijadikan projek tahunan jabatan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.
6. Untuk dijadikan bahan-bahan koleksi jabatan dan bahan-bahan rujukan orang ramai mendapatkan maklumat dan pengetahuan.
7. Untuk memberi kesedaran pentingnya merakamkan peristiwa-peristiwa bersejarah di tanah air khususnya kepada generasi-generasi masa kini dan akan datang.

SYARAT DAN PERATURAN

1. Penyertaan dibukakan kepada dua bahagian :
 - a) Penyertaan 1 (Kategori A dan Kategori B) dibukakan kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam, kecuali pegawai dan kakitangan Pusat Sejarah Brunei.
 - b) Penyertaan 2 (Kategori C) dibukakan kepada penuntut-penuntut sekolah menengah (Tingkatan I hingga Tingkatan VI).
2. Peserta hendaklah berumur 18 tahun ke atas bagi Kategori A dan Kategori B. Sementara bagi peserta-peserta Kategori C hendaklah mendapat pengesahan daripada Pengetua sekolah masing-masing.
3. Gambar-gambar yang dipertandingkan mestilah berwarna penuh (full colour).
4. Gambar-gambar yang dicetak daripada rakaman menggunakan slaid juga dibolehkan.
5. Gambar-gambar yang dirakam secara digital atau menggunakan komputer tidak akan diterima.
6. Gambar-gambar yang dipertandingkan hendaklah merakamkan suasana dan acara kemuncak Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 1984 - 1999 bagi Kategori A; antara tahun 2000-2003 bagi Kategori B; dan tahun 2003 bagi Kategori C.
7. Gambar-gambar yang diambil pada tahun-tahun awal akan diberi keutamaan, terutama dalam pemarkahan, khususnya bagi penyertaan Kategori A.
8. Setiap gambar yang dipertandingkan hendaklah berukuran 12 inci x 18 inci dan dilekapkan (mounted) di atas kad pelepas (mounting board) berwarna hitam berukuran 16 inci x 22 inci (dua inci luas keliling daripada ukuran gambar yang berperanan sebagai bingkai) untuk Kategori A dan Kategori B. Bagi peserta-peserta Kategori C, gambar-gambar yang dipertandingkan hendaklah berukuran 8R (8 inci x 12 inci) dan dilekapkan di atas kad pelepas berwarna hitam berukuran 10 inci x 14 inci.
9. Setiap gambar yang dipertandingkan hendaklah disertakan dengan filem negatif/slaid asal gambar berkenaan, dan hendaklah disimpan dalam beg plastik yang dilekatkan di bahagian belakang gambar berkenaan.
10. Gambar-gambar yang pernah dipamerkan atau memenangi sebarang pertandingan adalah tidak akan diterima menyertai peraduan ini.



11. Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi hanya layak memenangi satu hadiah sahaja. Borang penyertaan disediakan oleh pihak penganjur (borang fotokopi juga diterima). Peserta dikehendaki mengisi dan mengembarakan satu borang bagi setiap penyertaan, serta sekeping gambar peribadi berukuran pasport.
12. Setiap gambar yang dihantar untuk dipertandingkan hendaklah diberikan keterangan ringkas (kapsyen) peristiwa yang digambarkan serta nyatakan tarikh pengambilannya. Keterangan tersebut (termasuk tarikh peristiwa) hendaklah tidak kurang daripada 25 perkataan dan ditaip. Hal ini akan turut dinilai dalam pemarkahan.
13. Nama dan alamat peserta serta keterangan ringkas (kapsyen) gambar dan tarikh pengambilannya hendaklah dilekatkan di bahagian belakang gambar berkenaan.
14. Semua gambar-gambar yang dihantar untuk dipertandingkan akan menjadi hak milik penganjur dan pihak penganjur berhak pada bila-bila masa menggunakan gambar atau gambar-gambar berkenaan dalam apa jua bentuk penerbitan.
15. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau seumpamanya terhadap gambar atau gambar-gambar yang akan dipertandingkan semasa penghantaran.
16. Setiap penyertaan adalah percuma.
17. Keputusan peraduan akan diumumkan di Majlis Penyampaian Hadiah dan Perasmian Pameran Peraduan Fotografi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19 Negara Brunei Darussalam.

PENGHAKIMAN

Pihak penganjur akan melantik panel-panel hakim yang terdiri daripada ahli dalam bidang fotografi dan sejarah. Hakim-hakim berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai peraduan ini.

Sudut penghakiman adalah diselarasakan dengan tujuan, objektif dan syarat peraduan.

Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

HADIAH

Penganjur menyediakan tiga hadiah utama dan empat hadiah sagu hati dalam bentuk wang tunai bagi setiap kategori.

Kategori A : Tahun 1984 - 1999 (Terbuka)

Hadiah Pertama : B\$1,000.00
Hadiah Kedua : B\$700.00
Hadiah Ketiga : B\$500.00
Hadiah Sagu Hati : B\$200.00 (bagi setiap pemenang)

Kategori B : Tahun 2000 - 2003 (Terbuka)

Hadiah Pertama : B\$700.00
Hadiah Kedua : B\$500.00
Hadiah Ketiga : B\$300.00
Hadiah Sagu Hati : B\$100.00 (bagi setiap pemenang)

Kategori C : Tahun 2003 (Penuntut sekolah menengah)

Hadiah Pertama : B\$300.00
Hadiah Kedua : B\$200.00
Hadiah Ketiga : B\$100.00
Hadiah Sagu Hati : B\$50.00 (bagi setiap pemenang)

PENYERTAAN

Borang penyertaan mestilah diisi lengkap dan dikembalikan berserta gambar-gambar yang diperadukan tidak lewat pada hari Sabtu, 5 Muharram 1424 bersamaan 8 Mac 2003, jam 4.00 petang, kepada :

Urus Setia

Peraduan Fotografi Acara-acara Kemuncak Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-19 Negara Brunei Darussalam

Pusat Sejarah

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Bandar Seri Begawan BS8610

Negara Brunei Darussalam

Tel : 02-240166/7/8/9

Faks : 02-241958

E-mel : pusat@brunet.bn

BORANG PENYERTAAN

Sila isikan dengan lengkap borang ini dan kembalikan berserta gambar-gambar yang diperadukan tidak lewat pada hari Sabtu, 05 Muharram 1424 bersamaan 8 Mac 2003, jam 4.00 petang.

Nama Peserta : _____

Alamat : _____

Tarikh Lahir : _____

Nombor Kad Pengenalan : _____ Warna : _____

(Salinan kad pengenalan dan gambar berukuran pasport hendaklah dikembalikan bersama)

Nombor Telefon : _____ (pejabat)

_____ (rumah)

_____ (bimbit)

E-mel : _____

Keterangan Gambar : _____

*Tasik apa yang terdalam di dunia?

*Penyu boleh hidup 200 tahun

*Musim Persekolahan bermula

Rebutlah hadiah-hadiah yang menarik

2003



MEKAR JANUARI 2003 boleh didapati dikedai-kedai buku DBP dan Toko-toko Buku di Negara Brunei Darussalam

دewan Bahasa dan Pustaka Brunei
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



اِعْلَان



BILANGAN 5

RABU 29 JANUARI 2003

رابع 26 ذوالقعدة 1423

PERCUMA



JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

TAWARAN RUANG BILIK DI BANGUNAN PERHENTIAN TEKS/BAS JALAN MCKERRON, KUALA BELAIT

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Penyewaan adalah untuk tempoh tiga (3) tahun mulai dari tarikh surat perjanjian ditandatangani.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang bermastautin di Daerah Belait.
3. Kekosongan ruang adalah diperuntukan untuk Pejabat dan kegiatan yang bersesuaian.
4. Penyewa/Pengurus adalah dikehendaki menyatakan tawaran sewanya bagi satu (1) bulan dengan menulis angka diikuti dengan perkataan.

TAWARAN RUANG GERAI MAKAN/MINUM DI BANGUNAN TUDUNG SAJI JALAN SETIA DIRAJA, KUALA BELAIT

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Penyewaan adalah untuk tempoh tiga (3) tahun mulai dari tarikh surat perjanjian ditandatangani.
2. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada penduduk yang bermastautin di Daerah Belait.
3. Pengalaman-pengalaman dalam mengurus kantin/restoran jika ada hendaklah disertakan.
4. Penyewa/Pengurus gerai mestilah beragama Islam termasuklah tukang masak dan barang-barang makanan dan minuman yang dijual di gerai mestilah halal dari segi hukum syara.
5. Sebelum membuat tawaran contoh perjanjian penyewaan berkenaan bolehlah didapati di Bahagian Perlesenan Jabatan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia semasa waktu pejabat.
6. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate Of Registration - Business Names Act) Bab 16 & 17 hendaklah disertakan.
7. Wang cagaran tawaran adalah dikehendaki dibayar dengan wang tunai sebanyak \$200.00 (Ringgit : Dua Ratus Sahaja) pada setiap tawaran dan bagi tawaran yang berjaya wang cagaran tidak akan dikembalikan. Waktu menerima wang cagaran adalah seperti berikut : Hari Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. 1.30 petang hingga 3.00 petang. Hari Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis di luarinya 'TAWARAN RUANG BILIK DI BANGUNAN PERHENTIAN TEKS/BAS JALAN MCKERRON, KUALA BELAIT' atau 'TAWARAN RUANG GERAI MAKAN/MINUM DI BANGUNAN TUDUNG SAJI JALAN SETIA DIRAJA, KUALA BELAIT' tanpa membubuh nama penawar di luar sampul surat tidak lewat pada hari Isnin, 17 Februari 2003 jam 2.00 petang.
9. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang telah disediakan di Kaunter Bahagian Perlesenan, Pejabat Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia.
10. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : RTB/08/03

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "PENGUBAHSUAIAN STUDIO RTB (DEWAN RAYA)."
2. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa siji pendaftaran kontraktor, berdaftar dalam kelas IV dan V kategori (4a) dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Penolong Pengarah Kejuruteraan, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan resit bayaran yuran berjumlah \$100.00 (tidak dikembalikan).
4. Tawaran ini hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang disediakan, di dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menyatakan : TAWARAN PENGUBAHSUAIAN STUDIO RTB (DEWAN RAYA) - Bilangan Tawaran : RTB/08/03 tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Kementerian Kewangan, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 17 Februari 2003, hari Isnin jam 2.00 petang.
5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : POS/T/01/03

TAWARAN BAGI MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM JABATAN PERKHIDMATAN POS

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran berharga \$30.00 serta borang tawaran bolehlah di perolehi di Tingkat 1, Unit Perkhidmatan dan Tawaran, Bangunan Pusat Memproses Surat dan Bungkus (MPC), Lapangan Terbang Lama Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.
2. Tarikh Tutup tawaran ialah hari Khamis, 6 Februari 2003 jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran : POS/PRO/2/03

RUANG PERNIAGAAN UNTUK DISEWAKAN DI PEJABAT POS BUNUT

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Pejabat Pos Bunut telahpun mula beroperasi mulai 2 Januari 2003. Dalam hubungan itu jabatan ini sukacita memaklumkan kepada orang ramai khususnya peniaga-peniaga bahawa di Pejabat tersebut disediakan ruang dan bilik untuk disewakan seperti berikut :

1. Ruang perniagaan lebih kurang 256 meter persegi (+/- 2736 kaki persegi) terletak di tingkat atas bangunan tersebut.
2. Bilik khas untuk mesin Automatik Teller Machine (ATM).

Maklumat lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkembangan dan Kemajuan Business, Jabatan Perkhidmatan Pos atau berhubung terus melalui telefon 02-381212 atau 02-383101 sambungan 140.



JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

PERATURAN PENGIKLANAN DI PELITA BRUNEI

1. IKLAN hendaklah dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan sistem ejaan baru.
2. Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca. Saiz font yang digunakan ialah antara 9 hingga 12 point.
3. Penghantaran iklan dalam disket komputer adalah sangat diutamakan dan disyorkan menggunakan Microsoft Word. Disket yang sudah selesai penggunaannya boleh diambil semula.
4. Iklan hendaklah sampai ke alamat seperti dinyatakan di bawah ini sekurang-kurangnya DUA (2) MINGGU sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki (bagi yang tidak menggunakan disket).
5. Mana-mana Kementerian atau jabatan yang menghantar iklan mereka dengan menggunakan disket, disket tersebut hendaklah sampai kepada alamat di bawah seminggu sebelum tarikh keluaran iklan yang dikehendaki.
6. Rang iklan hendaklah dialamatkan atau dihantar kepada : Ketua Bahagian Akhbar, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
No. Telefon : 02 - 383804, 02 - 383941 atau 02 - 380967.
No. Faks : 02 - 381004 atau 02 - 380507.
7. Walau bagaimanapun pengeluaran iklan yang diterima adalah tertakluk kepada kekosongan ruangan.
8. Iklan-iklan yang tidak mematuhi peraturan ini tidak akan dilayan.

- PENGARAH PENERANGAN



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

PROGRAM IJAZAH KOD 32 'BACHELOR OF BIOMEDICAL SCIENCE'

- PROGRAM kembar dengan Universiti Queensland bagi sesi akademik 2003/2004.
Calon-calon yang mempunyai kelayakan adalah dipelawa untuk menghadapi permohonan bagi mengikuti program yang tersebut di atas. Program ijazah ini adalah kursus tiga tahun dan pelajar-pelajar yang berkecayaan akan mengikuti 3 semester pertama di Universiti Brunei Darussalam dan 3 semester lagi di Universiti Queensland. Pelajar-pelajar berpeluang untuk berpindah ke Graduate Entry Degree in Medicine, di Universiti Queensland tertakluk kepada pencapaian yang baik dan temu duga selepas menyelesaikan ijazah 'Bachelor of Biomedical Science'. Selepas mengikuti dua (2) semester pertama dalam program ijazah 'Bachelor of Biomedical Science' di Universiti Brunei Darussalam, pelajar-pelajar juga berkecayaan untuk berpindah ke ijazah 'Dentistry' di Universiti Queensland atau ke ijazah 'Bachelor of Science' di Universiti Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Kemasukan :

- i) Kelulusan peringkat lanjutan ('A' level) dengan gred C,C,D atau lebih baik termasuk Mathematics dan Chemistry. Atau Kelulusan-kelulusan yang diiktiraf oleh Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Queensland; dan,
- ii) Kemahiran Bahasa Inggeris : Bahasa Inggeris yang sebanding dengan skor C atau lebih baik dalam peperiksaan peringkat biasa, atau skor 6.5 atau lebih baik dalam IELTS atau skor 6.0 atau lebih baik sebagai 'individual writing band score', atau skor keseluruhan minimum 550 dalam TOEFL dan minimum 5 dalam TWE, atau skor minimum 213 atau lebih baik dalam TOEFL berkomputer.
Calon-calon yang memenuhi syarat-syarat kemasukan akan ditemuduga. Kemasukan adalah tidak dijamin dan bersifat persaingan.

Prosedur Permohonan :

- i) Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, Tingkat Satu, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam.
- ii) Borang-borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar dengan salinan-salinan sijil dan dokumen-dokumen yang berkaitan yang telah disahkan ke tempat yang tersebut di atas.

Tarikh Tutup :

Tarikh tutup menghantar borang permohonan ialah 8 Februari 2003.

Nota :

Universiti Brunei Darussalam berhak menolak permohonan yang tidak lengkap, diterima selepas tarikh tutup atau mengandungi maklumat palsu. Pemilihan temu duga akan diadakan pada minggu terakhir bulan Februari 2003. Pemohon-pemohon yang disenaraipendekan sahaja yang akan dihubungi. Program ini akan dijalankan pada minggu kedua bulan Mac 2003.



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

TAWARAN SEBAGAI PEMBEKAL ALAT AMARAN KELAJUAN KENDERAAN (SPEED WARNING DEVICE)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemohon-pemohon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai pembekal Alat Amaran Kelajuan Kenderaan (Speed Warning Device) untuk diluluskan bagi membolehkan lannya digunakan dan dipasarkan di negara ini.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat. Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi. 1.30 petang - 2.30 petang. Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
4. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
5. Tawaran-tawaran yang dihantar hendaklah dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau Bilangan Tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/syarikat dan ditujukan kepada : Pengarah Pengangkutan Darat, Tingkat Empat (4), Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Benji Gadong, Negara Brunei Darussalam.
6. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terdapat di Tingkat Empat di Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat dan hendaklah dihantar tidak lewat daripada 1 Februari 2003 jam 12.00 tengah hari.
7. Cagaran tawaran adalah dikehendaki sebanyak \$100.00 dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang tidak berjaya sahaja.
8. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain.



**DI DALAM
MAHKAMAH MAJISTRET
KUALA BELAIT**

SAMAN BIL. 75/2002

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
..... Plaintiff

LAWAN

AWANG MATASSAN BIN MD. TAHIR (NO. K.P. 065962 (K)) Defendan

NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

Kepada : Awang Matassan bin Md. Tahir. No. K.P. 065962 (K).

SILA ambil perhatian bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang disebutkan di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut : 1) Sebanyak \$1,156.69; 2) Faedah pada kadar 6 peratus setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh; 3) Kos; 4) Sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya Penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Kuala Belait pada 6 Februari 2003 jam 9.00 pagi. Pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh 9 Januari 2003.

MUHAMMED FAISAL PDJLD DSP HJ KEFLI - Majistret

SAMAN BIL. 103/2002

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PUTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
..... Plaintiff

LAWAN

AWANG MOHD. EFFENDY BIN HAJI SAID (NO. K.P. 074220 - KUNING) Defendan

**NOTIS PEMBERITAHUAN MENURUT
PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI**

Kepada : Awang Mohd. Effendy bin Haji Said. No. K.P. 074220(K).

SILA ambil perhatian bahawa suatu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang disebutkan di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon seperti berikut : 1) Sebanyak \$447.83; 2) Faedah pada kadar 6 peratus setahun mulai dari tarikh penghakiman hingga bayaran penuh; 3) Kos; 4) Sebarang pelepasan lain yang mungkin dianggap patut dan wajar oleh Mahkamah ini dalam hal keadaan tersebut.

Dan bahawa telah diperintahkan supaya Penyampaian Saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di PELITA BRUNEI dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sebagai penyampaian yang sah dan mencukupi bagi prosiding terhadap kamu.

Tindakan tersebut akan didengar di Mahkamah Majistret, Kuala Belait pada 13 Februari 2003 jam 9.00 pagi. Pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas, perintah akan dibuat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Bertarikh 9 Januari 2003.

MUHAMMED FAISAL PDJLD DSP HJ KEFLI - Majistret

Notis Pemberitahuan menurut Perintah Penyampaian Ganti ini dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang tersebut di atas, alamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.



**DI DALAM
MAHKAMAH PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

No. LA/8/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dk. Elva Irdawaty binti Pg. Ghani kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Dayang Rafiah binti Awang Juli yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 Februari 2003 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 11 Januari 2003.

No. LA/10/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Dayang Normah binti Haji Ali Hassan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Junaldi bin Ali yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 Februari 2003 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 11 Januari 2003.

No. LA/245/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Rosli bin Haji Abas kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Jalihee binti Hussin yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah suami kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 Februari 2003 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 11 Januari 2003.

No. LA/264/2003

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajjah Mariam binti Duraman kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Kifli bin Haji Tengah yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 11 Februari 2003 pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 11 Januari 2003.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan percabaran itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 67/1996

HONGKONG AND SHANGHAI BANKING CORP LTD Pemiutang/
Pemetisyan

LAWAN

DAYANG ZAINAB HAJI AWANG DAMIT (K.P. BRUNEI NO. 033288 - KUNING) Penghutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 21 November 2002.

Nama dan Alamat Bankrap : Dayang Zainab bin Haji Awang Damit, P.O. Box 2143, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: 12 September 2002. Bertarikh: 2 Januari 2003.

DK. HJH. HANANI PG. HJ. METUSAIN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 72/2002

ARTFORM DESIGN Pemiutang/Penghakiman/ Pemetisyan

LAWAN

TEO CHING LAI (BGIC NO. 660997) Penghutang Penghakiman/
Penentang.

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 31 Ogos 2002.

Nama dan Alamat terakhir diketahui : TEO CHING LAI, No. 61E, Simpang 61, Jalan Ban 5, Kilanas, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyan: 20 Jun 2002. Bertarikh: 4 Januari 2003.

HAIROLARNI BIN HAJI ABDUL MAJID - Pegawai Penerima Rasmi



**DI DALAM
MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 72/2002

ARTFORM DESIGN Pemiutang/Penghakiman/ Pemetisyan

LAWAN

TEO CHING LAI (BGIC NO. 660997) Penghutang Penghakiman/
Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 31 Ogos 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 30 Januari 2003 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 30 Januari 2003 jam 9.30 pagi Bertarikh: 4 Januari 2003

HAIROLARNI BIN HAJI ABDUL MAJID - Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 126/1996

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyan

LAWAN

MASMULYADI BIN HAJI MOHAMAD (BYIC NO. 256319) Penghutang
Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 4 Januari 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 3 Februari 2003 jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 3 Februari 2003 jam 10.30 pagi Bertarikh: 13 Januari 2003

LAILATUL ZUBAIDAH BINTI HAJI MOHD. HUSSAIN - Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 274/2001

HSBC FINANCE (B) BERHAD Pemiutang Penghakiman/ Pemetisyan

LAWAN

MOHAMED BAKHTIAR SHAM BIN SHAMSUDDIN (BPIC NO. 105722) Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 19 Januari 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 29 Januari 2003 jam 10.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 29 Januari 2003 jam 10.00 pagi Bertarikh: 4 Januari 2003

HAIROLARNI BIN HAJI ABDUL MAJID - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 335/2001

AMERICAN EXPRESS INTERNATIONAL, INC Pemiutang

Penghakiman/Pemetisyan

LAWAN

DAYANG ZARINA BINTI HAJI KASSIM (BYIC NO. 078227) Penghutang Penghakiman/Penentang.

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 September 2002.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 5 Februari 2003 jam 2.30 petang.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 5 Februari 2003 jam 2.30 petang Bertarikh: 13 Januari 2003

HAIROLARNI BIN HAJI ABDUL MAJID - Pegawai Penerima Rasmi

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai hal-hal nya dan juga sebab kegagalannya.

KEBANKRAPAN NO. 98/2001

STANDARD CHARTERED FINANCE (BRUNEI) BERHAD Pemiutang/
Pemetisyan

LAWAN

WONG YUN HIN (K.P. BRUNEI NO. 053220 - KUNING) Penghutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 Januari 2003.

Nama dan Alamat Bankrap : Wong Yun Hin, Lot 3531, Simpang 94-23, Kampong Perpindahan Badas, Seria KA 4333, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: 26 September 2002. Bertarikh: 11 Januari 2003.

LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 124/1999

HSBC FINANCE (B) BERHAD Pemiutang/ Pemetisyan

LAWAN

BESAR BIN OSMAN (K.P. BRUNEI NO. 055043 - KUNING) Penghutang/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 19 September 2002.

Nama dan Alamat Bankrap : Besar bin Osman, No. 2, Simpang 162, Kampong Perpindahan Mentiri, Muara, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: 1 Ogos 2002. Bertarikh: 4 Januari 2003.

RAMZIDAH PDKD HJ ABDUL RAHMAN - Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 126/1996

ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD Pemiutang Penghakiman/
Pemetisyan

LAWAN

MASMULYADI BIN HAJI MOHAMAD (BYIC NO. 256319) Penghutang
Penghakiman/Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 4 Januari 2003.

Nama dan Alamat terakhir diketahui : Masmyadi bin Haji Mohammad, No. 108, Kampong Bukit Sibit, Tutong TD 1141, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyan: 17 Oktober 2002. Bertarikh: 13 Januari 2003.

LAILATUL ZUBAIDAH BINTI HAJI MOHD. HUSSAIN - Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 146/1998

ZAINAL H. M. DAUD Pemiutang/ Pemetisyan

LAWAN

WONG FOT YONG (K.P. BRUNEI NO. 104223 - UNGGU) Penghutang/
Penentang.

NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN

a) Sila ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 26 September 2002.

Nama dan Alamat Bankrap : Wong Fot Yong, No. 4, Simpang 67, Kampong Berangan, Bandar Seri Begawan BS 8211, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan: 19 Ogos 2002. Bertarikh: 9 Januari 2003.

LAILATUL ZUBAIDAH BINTI HAJI MOHD. HUSSAIN - Pegawai
Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 274/2001

